

Jilid IV
Bil. 2



Hari Rabu
10hb Mac, 1982

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMETARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 185]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 241]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S, S.S.A.P.,
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun—Langkawi).
- „ Menteri Tak Berfotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan, dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD.,
A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).

- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN
MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- ” Tuan ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar
Bahr).
- ” TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K.
(Jelebu).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- ” DATO’ PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Star).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Hulu Terengganu).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.
(Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu
Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.S.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N,
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M., (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan
Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K., (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau)

- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONGG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani)
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATUK HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING alias ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PERLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 10hb Mac, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

LESEN UNTUK TEKSI SINGAPURA

1. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar lebih 240 lesen telah dikeluarkan untuk teksi-teksi Singapura untuk membawa penumpang-penumpang dari Singapura ke Johor Bahru dan balik sedangkan hanya 60 lesen teksi dikeluarkan oleh pihak berkuasa Singapura untuk membolehkan teksi-teksi kita mengangkut penumpang-penumpang dari Johor Bahru ke Singapura dan balik, jika ya, bagaimanakah keadaan ini berlaku, siapakah yang bertanggungjawab mengeluarkan begitu banyak lesen teksi yang bertentangan dengan perjanjian yang diadakan dengan Singapura dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi perkara ini.

Menerusi Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan telah pun meluluskan sebanyak 242 permohonan untuk teksi Singapura masuk ke Johor Bahru yang mana 182 telah dikeluarkan dalam bulan Julai, Ogos dan September 1981. Pada akhir tahun 1978 Pejabat Pengangkutan Jalan Negeri Johor telah mengemukakan satu "Reciprocal Arrangement" atau Peraturan Timbalbalas dengan "Registrar of Vehicle" atau ROV

Singapura untuk mengenakan quota dengan nisbah 60:60 bagi teksi-teksi yang masuk dari Singapura ke Johor Bahru dan dari Johor Bahru ke Singapura. Juga dalam peraturan yang dipersetujui itu setiap permohonan hendaklah ditemuduga terlebih dahulu dan kemudian dirujuk kepada pihak Singapura sebelum kelulusan diberi. Walau bagaimanapun, bagi kelulusan sebanyak 182 yang dibuat sendiri oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan, perkara itu tidak dirujuk kepada ROV Singapura dan juga telah berlaku keadaan tidak seimbang antara kelulusan teksi-teksi Singapura dengan teksi-teksi Johor Bahru. Walau bagaimanapun, usaha membetulkan keadaan yang tidak seimbang itu sedang diambil dan memandangkan bahawa lesen-lesen yang dikeluarkan itu akan luput tempohnya pada bulan Ogos 1982, maka dua langkah sedang diambil iaitu:

- (i) Membekukan semua permohonan teksi Singapura untuk memasuki Malaysia; dan
- (ii) Mengkaji semula kedudukan bilangan teksi-teksi yang terlibat sekarang untuk merumuskan langkah-langkah yang wajar yang akan diambil apabila lesen tamat tempoh pada bulan Ogos 1982.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menurut jawapan tadi, saya ingin mendapat tahu dari Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar beberapa lesen ini telah dikeluarkan bukan dari Singapura dan Johor Bahru sahaja tetapi dari daerah-daerah lain seperti Muar, Pontian dan lain-lain. Oleh kerana itu ROV Singapura mesti ada satu imej tidak baik terhadap Kementerian Perusahaan Awam kita di mana kita pula memberi lesen daripada Lembaga

Pelesenan Pengangkutan Jalan yang tidak ikut reciprocal arrangement.

Saya ingin mendapat tahu, apakah tindakan sudah diambil supaya kes ini jangan terjadi lagi.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memanglah sebenarnya daripada permit-permit yang telah dikeluarkan itu tidak semuanya ke Johor Bahru, bahkan ada juga ke daerah-daerah yang bersekitar daripada Johor Bahru seperti Pontian dan sebagainya.

Saya telah katakan tadi dua langkah telah diambil. Buat sementara ini telah dibekukan semua permohonan lain untuk masuk ke Johor Bahru ataupun ke Johor dan juga ia akan dikaji semula (review) kedudukan apabila tamat tempoh pada bulan Ogos 1982. Buat masa ini permit yang dikeluarkan itu tidaklah dapat kita buat apa-apa tetapi perundingan akan dilakukan pada masa akan datang di mana angka bilangan itu akan dirundingkan bukan sahaja dengan JPJ di peringkat Johor—Jabatan Pengangkutan Jalan Johor, tetapi juga merujuk balik kepada pihak Singapura supaya beres perkara ini.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah dengar akan kejadian yang telah sedikit sebanyak menjejaskan kepentingan pemandu-pemandu di Malaysia. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tindakan yang beliau akan ambil kepada Lembaga Pelesenan kerana pertama telah menjejaskan kepentingan pemandu-pemandu di Malaysia dan kedua tidak merujuk kepada Kementerian mengenai sesuatu perkara yang melibatkan dua negara, Singapura dan Malaysia.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang benarlah tidak dirujukkan kepada Kementerian seperti arahan yang telah saya buat kepada Lembaga. Tindakan yang diambil sekarang ialah Lembaga telah diarahkan secara bertulis supaya apa juga perkara seperti ini mesti mendapat kelulusan daripada Kementerian khususnya daripada saya sendiri dan untuk

makluman Ahli Yang Berhormat itu, Pengerusi Lembaga pun telah minta berhenti.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Menurut jawapan dari Menteri yang berkenaan mengenai langkah-langkah membetulkan perkara ini saya Menteri yang berkenaan bolehkah beliau menimbangkan dalam rundingan di antara ROV Singapura dan Malaysia membenarkan teksi-teksi bukan dari daerah Johor Bahru sahaja tetapi dari tiap-tiap daerah di Johor oleh kerana dari tiap-tiap daerah ada orang-orang pergi ke Singapura? Saya berharap Menteri yang berkenaan menimbangkan perkara ini untuk membolehkan teksi-teksi dari tiap-tiap daerah ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua: “Kalau saya harap” itu bukan pertanyaan, tetapi kalau mula-mula tadi ada pertanyaan bolehlah.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun dibangkitkan oleh Persatuan Tuan-tuan Punya dan Pembawa Teksi di Johor Bahru waktu saya berdialog dengan mereka tempoh hari dan saya akan menimbangkan perkara ini.

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE INDONESIA— HASIL DICAPAI

2. **Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Perdana Menteri menyatakan hasil-hasil rundingan dengan pemimpin-pemimpin Indonesia dalam lawatan rasmi Timbalan Perdana Menteri ke negara tersebut baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, lawatan saya ke Indonesia pada 17hb hingga 20hb Februari baru-baru ini adalah dalam rangka lawatan muhibah yang seringkali dilakukan di antara pucuk pimpinan negara-negara jiran kita terutama negara-negara ASEAN. Lawatan-lawatan seperti ini adalah perlu bagi mempereratkan hubungan antara pemimpin-pemimpin negara jiran serta bertukar-tukar fikiran mengenai perkara-perkara hubungan dua hala dan serantau. Semasa lawatan ke negara tersebut, saya telah berkesempatan

mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto, Naib Presiden Tun Adam Malik, Menteri Koordinasi Politik dan Keamanan, General Tun Maraden Panggabean serta Menteri Pertahanan dan Keamanan General Mohamad Jusuf.

Menteri Pertahanan dan Keamanan Indonesia ialah juga merupakan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Indonesia, bersama dengan saya selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Kami telah membincangkan langkah-langkah untuk menambahkan lagi usaha-usaha kerjasama keselamatan, pembangunan dan lalu lintas sempadan laut dan darat. Kami telah mencapai persetujuan meluaskan kerjasama ini dalam bidang pencegahan trafik, dadah dan lanun. Kedua-dua pihak Malaysia dan Indonesia berpuashati terhadap kerjasama sempadan tersebut. Kami telah bersetuju mengadakan mesyuarat jawatankuasa pada bulan Ogos di samping terus melaksanakan keputusan-keputusan yang dicapai oleh Jawatankuasa peringkat pegawai. Perbincangan juga telah diadakan berkaitan dengan mendapatkan tenaga kerja Indonesia ke negara ini. Kedua-dua pihak telah bersetuju akan perlunya diadakan peraturan-peraturan tertentu bagi memproses kemasukan pekerja-pekerja Indonesia tersebut supaya ianya tidak menimbulkan hubungan dua hala.

Perbincangan-perbincangan saya dengan Presiden Suharto, Tun Adam Malik dan General Panggabean ialah meliputi perbincangan soal-soal am dua hala dan antarabangsa.

Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpuas hati akan hasil lawatan tersebut kerana lawatan tersebut bukan sahaja dapat mengeratkan lagi perhubungan yang sedia terjalin antara negara ini dengan Indonesia tetapi dengan simbolik menekankan perlunya kerjasama di rantau ini diperkukuhkan bagi kepentingan kestabilan rantau ASEAN keseluruhannya.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, semasa lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Indonesia adalah beliau berbincang tentang kedatangan buruh-buruh dari Indonesia ke Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua: Itulah jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Soalan tambahan. Soal kemasukan pekerja-pekerja Indonesia ke Malaysia telah pun dipercakapkan hampir dua tahun. Jadi selepas lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Indonesia adakah jangka masa telah pun ditetapkan supaya peraturan-peraturan ini dapat dilaksanakan?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, persetujuan pada dasarnya telah dicapai tetapi peraturan-peraturan khusus belum lagi dapat digubal dan saya tidak dapat menetapkan jangka masa supaya persiapan ini disediakan.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada memberitahu bahawa semasa beliau melawat Indonesia beliau pernah membincangkan beberapa perkara-perkara khususnya dengan General Panggabean tentang kerjasama sempadan Malaysia/Indonesia dan juga mengenai pengimportan pekerja-pekerja dari Indonesia ke Malaysia. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada satu keputusan telah dibuat mengenai peraturan-peraturan untuk membenarkan pengimportan pekerja-pekerja dari Indonesia ke Malaysia; dan kedua, adakah pihak Kerajaan menimbangkan sama ada pengimportan ini tidak akan mengancam keselamatan negara kita?

Tuan Yang di-Pertua: Manusia tidak diimport, diberi masuk sahaja.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jelaskan tadi peraturan-peraturan khusus berhubung dengan soal ini belum dapat dipastikan lagi dan sedang digubal berasaskan kepada perbincangan-perbincangan yang telah dimulakan dan akan diteruskan pada masa yang akan datang. Jadi tidaklah dapat saya membuat kepastian pada keseluruhannya dengan tegas apakah persetujuan, bagaimanakah cara, butir-butir dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dari

segi pengambilan tenaga buruh daripada Indonesia apabila saya sebutkan tadi di penghujung jawapan saya menyatakan supaya apa-apa juga dibuat ini tidak mengancam hubungan dua hala di antara kedua-dua negara Indonesia dan Malaysia, ini bermakna bahawa ianya termaktub juga soal keselamatan.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini bahawa apakah hasil yang lebih konkrit telah dicapai mengenai bagaimana caranya boleh mengatasi masalah pendatang haram Indonesia ini yang masih ada di Malaysia hari ini dan juga adakah masalah keselamatan di Selat Melaka telah dirundingkan tentang bagaimana rondaan bersama boleh diadakan untuk melindungi kepentingan kaum nelayan negara kita?

Dato' Musa Hitam: Satu daripada caranya untuk kita mencegah pendatang haram datang daripada Indonesia atau mendarat di Malaysia ini ialah dengan cara pasukan-pasukan yang ada hubungan dengan keselamatan dan juga pasukan-pasukan yang bertanggungjawab menjaga sempadan kedua-dua negara sama ada melalui laut ataupun darat untuk memperketatkan lagi rondaan mereka. Dan inilah persetujuan yang telah dicapai seperti yang saya sebutkan tadi di dalam jangka masa lawatan saya itu dan nampaknya soal pendatang haram ini di negara kita begitu berkurangan hasil daripada fahaman dan kerjasama yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Tuan Au How Cheong: Setakat ini nampaknya kita hanya menimbangkan masalah buruh ini dari segi kemasukkan orang Indonesia ke Malaysia sahaja. Adakah Kerajaan kita menimbangkan ada kemungkinan rakyat kita yang ingin bekerja di Indonesia dan pernahkah kedua-dua pemimpin ini dapat membincangkan perkara ini supaya membolehkan pekerja-pekerja kita memasuki negara Indonesia untuk mendapatkan kerja?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soal itu pada saat ini tidak timbul oleh sebab nampaknya Indonesia ada lebih banyak pekerja daripada kita. Jadi soalnya ialah

kedatangan mereka ke negara kita kerana kita berkurangan dan mereka sangat-sangat berlebihan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa ada satu persetujuan telah dicapai mengenai membuat peraturan mengenai pengambilan pekerja-pekerja Indonesia ke Malaysia. Adakah ini bermakna bahawa Kerajaan kini sehingga peraturan-peraturan itu ditetapkan tidak akan mengambil apa-apa langkah untuk menangkap dan menghantar balik pendatang-pendatang haram yang sedia ada dalam negara ini yang datang daripada Indonesia.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dan Dewan ini bezanya di antara pendatang haram dengan tenaga kerja yang diambil. Pendatang haram ialah pendatang haram dan apabila seseorang ataupun sekumpulan pendatang haram itu ditangkap, maka mereka akan dipulangkan balik ke negara asalnya ataupun dihukum mengikut undang-undang di dalam negara kita ini. Tetapi pada pekerja-pekerja, kalau mereka datang ke negara ini dan dapat bekerja mengikut undang-undang yang sudah pun ada dalam negara ini maka kedudukan mereka tidak terancam. Apa yang dirancang oleh Kerajaan ialah pengambilan beramai-ramai tenaga kerja daripada Indonesia memandangkan pada keadaan negara kita ini kekurangan dengan tenaga pekerja di dalam bidang-bidang yang tertentu iaitu bidang perladangan dan pembinaan.

Datuk James Peter Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, Negara Indonesia adalah salah satu daripada negara-negara yang terbesar di rantau ini, satu daripada negara terbesar daripada negara Jepun dan Korea dari segi bilangan penduduk dan sebagainya. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dapat kesempatan untuk berbincang dengan pemimpin-pemimpin Indonesia mengenai kemungkinan menghebatkan lagi pertukaran dalam segala bidang termasuklah bidang teknologi dan kemodenan memandangkan dasar Kerajaan ataupun

kepimpinan baharu kita yang mengatakan "Go East" supaya kita bukan "Go East" sahaja tetapi mudah-mudahan pergi kepada jiran kita iaitu "Go South".

Dato' Musa Hitam: saya telah mengambil kesempatan untuk berbincang dengan penganjur-penganjur Indonesia di dalam berbagai bidang, selain daripada yang telah saya sebutkan tadi, dan bidang-bidang ini termasuklah bidang industri-industri di mana kita dapat mengenal pasti. Walau bagaimanapun, oleh sebab keadaan tahap kemajuan di kedua-dua negara kita ini bolehlah dikatakan sama ataupun rendah khususnya, maka kemungkinan di dalam bidang itu nampaknya tidak begitu banyak. Tetapi dari segi kemungkinan untuk memberi kemudahan untuk kita dapat latihan di dalam bidang-bidang tertentu misalnya ini pada prinsipnya telah dibincangkan dan telahpun mencapai persetujuan.

BANDAR BARU—KEMUDAHAN

3. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau ada mencadangkan bahawa tiap-tiap bandar baru dibuka, seperti Kampung Datuk Keramat, Bandar Tun Abdul Razak, kawasan perumahan rumah pangsa dan sebagainya akan didirikan serba lengkap kemudahan, seperti shopping Kompleks, pasar, sekolah, klinik, masjid, padang permainan agar orang ramai tidak tertumpu ke bandaraya sahaja yang mana ini boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas. Jika tidak mengapa.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sememangnya menjadi dasar Kerajaan di mana pembukaan bandar-bandar baharu di sekitar Kuala Lumpur merupakan satu strategi perancangan dalam konsep disentralisasi dengan tujuan untuk mengurangkan kesesakan di pusat bandar seperti contohnya Bandar Tun Abdul Razak dengan sendirinya sudah melambangkan yang ianya merupakan satu bandar yang self-sufficient di mana dapat

menampung segala keperluan penduduk di situ ada juga penduduk-penduduk di sekitar kawasan itu. Sebagai sebuah bandar moden sudah pasti segala kemudahan dan keperluan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu akan dan sedang disediakan oleh Kerajaan. Kemudahan-kemudahan dan keperluan-keperluan yang sama juga akan disediakan di bandar-bandar baharu yang akan dibuka nanti. Walau bagaimanapun, kemudahan-kemudahan dan keperluan-keperluan tersebut hendaklah disesuaikan dengan keadaan masa dan tempat yang berkenaan.

Tuan Lee Lam Thye: Selain daripada Bandar Tun Abdul Razak, suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan beberapa buah bandar baharu yang lain yang telah dirancang untuk Wilayah Persekutuan. Dan juga selain dari merancang bandar baharu dengan memperuntukkan kemudahan-kemudahan yang lengkap, adakah Kerajaan mengambil langkah untuk menentukan sesebuah bandar baharu yang dirancang akan membayangkan komposisi kaum di negara majmuk kita.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di masa pembukaan Bandar Tun Abdul Razak, Kementerian akan mengadakan lagi dua bandar baharu iaitu di Otondon dan juga Bukit Jalil.

Mengenai dengan komposisi kaum, saya kira memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan ataupun membayangkan komposisi kaum dalam apa juga tindakan kita. Walau bagaimanapun, itu adalah bergantung kepada keadaan yang ada pada ketika itu.

PETANI-PETANI KEKURANGAN AIR

4. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah diambil bagi meyelesaikan kegelisahan petani-petani sawah padi yang sudah beberapa tahun kekurangan air untuk kepentingan per-sawahannya mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa salah satu masalah yang lama dihadapi oleh pesawah-pesawah ialah masalah kekurangan air. Sebagai langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah ini sejak merdeka, Kerajaan mengadakan satu program yang berterusan untuk menyediakan rancangan-rancangan pengairan untuk kepentingan pesawah-pesawah di negara ini. Sejumlah \$725 juta telah dibelanjakan dari 1961 hingga 1980.

Dengan penanaman modal yang begitu besar, kira-kira 324,000 hektar (800,000 ekar) tanah-tanah sawah telah diberi kemudahan-kemudahan taliair. Keluasan ini merupakan kira-kira 80% keluasan tanah sawah di Semenanjung Malaysia. Kira-kira 243,000 hektar (600,000 ekar) daripada keluasan tanah-tanah sawah itu kini disediakan dengan kemudahan-kemudahan pengairan untuk tanaman dua kali setahun. Kerajaan juga sedar bahawa masih terdapat banyak tanah-tanah sawah yang belum dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan taliair. Oleh itu, di bawah Rancangan Malaysia yang Keempat (RME) Kerajaan terus menjalankan program pembangunan pengairan dengan menyediakan peruntukan sebanyak kira-kira \$460 juta.

Tujuan program ini adalah untuk menggunakan punca-punca air yang ada bagi tanaman padi dengan menyediakan kemudahan-kemudahan parit dan taliair dengan lebih sempurna. Keluasan kawasan yang diliputi oleh program ini ialah kira-kira 136,485 hektar (337,000 ekar). Kawasan yang akan disediakan dengan kemudahan-kemudahan ini termasuk kawasan-kawasan yang mana kemudahan pengairan masih belum begitu sempurna yang berjumlah 85,860 hektar (212,000 ekar) sementara kawasan yang setakat ini belum dilengkapi dengan sebarang kemudahan-kemudahan ialah seluas 50,625 hektar (125,000 ekar).

Memandang kepada hakikat bahawa skop kerja dan bidang pembangunan pengairan untuk kepentingan pesawah-pesawah adalah begitu besar, usaha-usaha untuk melaksanakan rancangan pengairan masih

hendak diteruskan selepas tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Ini bermakna bahawa masih terdapat kawasan-kawasan padi yang tidak akan dapat menikmati kemudahan pengairan menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat Memandangkan sumber-sumber air dan keadaan tanah, Kerajaan mempunyai satu program kerja-kerja parit dan taliair kecil yang mana kerja-kerja tersebut dijalankan oleh Jabatan Parit dan Taliair di kawasan-kawasan padi yang belum dilengkapi dengan kemudahan pengairan supaya usaha tanaman dapat diteruskan sehingga rancangan-rancangan parit dan taliair dapat disediakan di kawasan-kawasan tersebut.

Tidak dapat dinafikan ada kawasan-kawasan yang terpencil, tinggi dan tidak ada punca air maka kawasan-kawasan ini perlulah dikaji untuk tanaman lain.

Tuan Shaari bin Jusuh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi persediaan telah diadakan kepada petani-petani tetapi masih banyak tempat-tempat yang masih kekurangan sebagaimana dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi khasnya bagi negeri Perlis iaitu Perlis Utara masih kekurangan saluran-saluran yang dapat menaikkan air dan kalau ada pun tidak mencukupi tidak dapat dinaikkan dengan keadaan parit itu lebih bawah daripada tempat yang ada. Dengan sebab itu adakah Kerajaan bercadang akan membanyakkan pam-pam air ke tempat-tempat yang tidak boleh disalurkan dengan saluran air.

Yang Kedua, oleh sebab nyata khasnya di Perlis Utara pada tahun ini banyak bendang yang tidak dapat dibuat. Apakah cara rancangan yang pesat untuk memberi bantuan yang mana menseimbangkan penduduk yang mana menjadi mata pencarian kepada pertanian.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, iaitu masalah tanah-tanah yang terpencil atau tinggi, maka pihak Kerajaan terpaksa memikirkan dengan sejelas-jelasnya, sama ada kita patut mengubah cara penanaman kita. Jika kita hendak membawa booster

pump ke tempat-tempat yang mana tidak mungkin air itu sampai ataupun sampai dengan perbelanjaan yang banyak atau kos yang banyak, maka ini sudah tentu, akan merugikan Kerajaan. Jadi lebih baik kita memikirkan soal-soal atau mengkaji soal-soal alternatif iaitu mengubah tanah itu kepada tanaman-tanaman kekal seumpama getah, kelapa sawit atau lain-lain ataupun bagi tanah-tanah yang pada musim hujan boleh ditanam padi, maka kita tanam padi dan di luar musim, kita tanam tanaman kontan. Jadi itulah hemat Kerajaan pada hari ini. Memanglah, sebagaimana saya katakan tadi, ada tempat-tempat yang tidak sampai air, saya akui.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh petani-petani khususnya di kawasan saya ialah di antaranya akibat daripada kegagalan rancangan-rancangan membina empangan iaitu apabila mereka mendapat empangan baru tetapi airnya tidak naik pada hal kalau mereka kekal dalam empangan tradisi mereka boleh mengerjakan tanah mereka itu. Jadi, apakah langkah-langkah dan tindakan Kerajaan untuk memastikan bahawa rancangan-rancangan itu mendapat faedah sebagaimana yang diharapkan.

Yang keduanya, apakah tindakan Kerajaan ke atas rancangan-rancangan yang telah gagal dan tidak menampung air seperti yang telah dilaksanakan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai dari DID kita sememangnya mempunyai kepakaran. Jadi, kalau hendak dikatakan langkah yang mereka ambil itu gagal terus-menerus, saya rasa tidak betul.

Yang kedua, sebagaimana saya nyatakan tadi, kita akan membuat kajian, tetapi kajian ini, tak dapat diselesaikan dalam masa 2 hari, 3 hari, memang barangkali mengambil masa yang agak lama. Jadi, itulah langkah yang kita ambil pada hari ini. Kita akan menghantar pegawai-pegawai kita ke tempat-tempat yang berkenaan untuk menyiasat dengan lebih lanjut. Kalau boleh, Yang Berhormat sendiri, beritahu di mana tempat yang sebenarnya sebagai persoalan spesifik.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menepatkan pertanyaan saya ialah kawasan perairan Tanjung Karang mempunyai parit dan taliair cukup baik, rakyat di situ mengucapkan terima kasih. Pertanyaannya ialah takungan air yang sempurna. Apakah usaha Kementerian ini bagi menyediakan takungan air yang sempurna supaya parit dan taliair yang telah dibuat itu dapat mendatangkan nikmat yang baik kepada pesawah kawasan berkenaan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu ialah soal yang mana taliair sudah ada, sudah wujud, empangan sudah ada cuma lagi hendak membaiki. Saya telah nyatakan tadi kira peruntukkan \$460 juta untuk membaiki dan untuk menyelenggarakan taliair yang belum ada lagi. Ini termasuk rancangan Yang Berhormat sendiri.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lebih Kurang setahun sudah Kerajaan pernah menyatakan bahawa kajian sedang pun dijalankan untuk membanyakkan penggunaan air bawah tanah bagi maksud kegunaan pesawah-pesawah dan kalau tak salah saya perunding dari luar negeri juga telah pun diberi tugas untuk menjalankan kajian. Soalan saya apakah telah jadi mengenai rancangan ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, iaitu pada masa ini, kita masih menyelenggarakan pengkajian sumber air dengan bantuan teknikal daripada Jepun. Setakat ini, kita belum selesai lagi. Kita masih meneruskan pengkajian ini.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dengan rancangan taliair yang begitu hebat bolehkah beliau menerangkan kepada Dewan ini bagaimanakah nisbah kenaikan pendapatan rakyat sejak diadakan projek taliair itu.

Kedua, bagaimanakah peranan agensi Kerajaan membantu petani setelah talaair dan perprojek-perojek tersebut diadakan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dapat kita lihat pada hari ini, ialah berhubung dengan hasil padi kita. Kalau di kawasan MADA saya rasa kita berjaya mendapat tak kurang, pada hari ini, daripada 600 hingga 700 gantang seekar yang mana pada kebiasaannya tidaklah sebanyak itu dan di kawasan KADA belum lagi kita dapat maklumat yang diperlukan.

KOD POS NEGARA—PELAKSANAAN

5. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Tenaga Telekom dan Pos menyatakan bilakah Kod Pos Negara akan siap dan dilaksanakan bagi mempercepatkan penghantaran surat-surat di seluruh negara.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, persiapan mengenai Sistem Pos Kad adalah dijangka seumpama pada pertengahan tahun hadapan dan diikuti pula dengan berbagai persediaan-persediaan lain seperti percetakan buku-buku panduan Pos Kod dan publisiti seluruh negara bagi pelaksanaannya secepat-cepatnya pada awal tahun 1985.

PROJEK EKONOMI NEGARA-NEGARA ASEAN

6. Dato' Hishamuddin bin Haji Yahya minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat mana benarnya kejayaan perpaduan ASEAN setakat hari ini lebih berasaskan kepada persefahaman politik dari kejayaan projek-projek ekonominya dan jika benar apakah usaha-usaha yang lebih positif untuk mempercepatkan projek-projek ekonomi yang telah dipersetujukan di antara negara-negara ASEAN.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar

bahawa perpaduan ASEAN selalu ternyata di dalam usaha-usaha yang berkaitan dengan politik seperti persoalan mengenai penyelesaian politik ke atas masalah Kampuchea tetapi perpaduan seperti itu tidaklah jitu dan jejal sekiranya ia tidak berasaskan persefahaman yang kuat dari segi ekonomi dan sosial. Usaha ke arah ini sedang dikemaskan oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN serta Menteri-menteri lain yang bertanggungjawab dalam bidang-bidang sosial dan kebudayaan. Bolehlah dikatakan bahawa usaha-usaha ASEAN untuk mengukuhkan persefahaman dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan telah mencapai kejayaan yang sama.

Ahli Yang Berhormat masih ingat lagi bahawa ASEAN telah melancarkan 2 projek Baja Urea ASEAN, iaitu satu di Malaysia dan satu di Indonesia dengan modal lebih daripada US\$600 juta. Dalam 2 atau 3 tahun yang akan datang adalah diharapkan bahawa negara-negara ASEAN akan dapat menikmati hasil daripada projek-projek tersebut. Kita berharap projek-projek perindustrian yang lain juga akan dapat dilancarkan di negara-negara anggota yang lain.

Selain daripada prestasi ini ASEAN telah berjaya juga menghasilkan suatu peraturan keutamaan perdagangan yang meliputi sebanyak lebih daripada 8,529 macam barangan. Faedah dari peraturan ini telah pun dinikmati bersama oleh negara-negara anggota ASEAN. ASEAN berhasrat untuk terus menambahkan lagi jumlah barangan ini di bawah peraturan ini di samping menambahkan lagi pemotongan tarif ke atas barangan tersebut. ASEAN juga telah menandatangani perjanjian mengenai industrial complementation, menakala perjanjian usahasama perindustrian sedang dikaji dengan mendalam oleh negara-negara anggota.

Beberapa contoh tersebut di atas merupakan kejayaan-kejayaan ASEAN yang penting yang akan memberi kesan jangka panjang dan pengaruh yang kuat ke atas kemajuan ekonomi rantau ASEAN ini. Kesemuanya ini perlulah dipupuk dengan kerjasama dari sektor swasta ASEAN dan

dalam hal ini kita mendapat sambutan yang begitu menggalakan dari mereka dan juga dari pelabur-pelabur asing. Saya berpendapat bahawa perpaduan ASEAN adalah hasil dari kejayaan-kejayaan yang berpunca dari pendekatan yang menyeluruh dalam usaha-usaha untuk mencapai tujuan-tujuan pokoknya.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu bahawa apakah kemajuan selama ini telah dicapai dalam perolej pelajaran dan juga apakah kemajuan juga telah dicapai dari segi ekonomi dan juga dagangan, umpamanya, pemasaran bijih timah dan penetapan harganya.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu luas kerana inginlah saya memaklumkan bahawa di bawah jawatankuasa ataupun Sekretariat ASEAN yang telah ditubuhkan yang beribupejabatkan di Jakarta dan juga mempunyai sekretariatnya di negara-negara ASEAN yang lainnya, berbagai jawatankuasa telah pun dibentuk untuk menyelenggarakan berbagai aktiviti-aktiviti ekonomi, sosial, kebudayaan, sains, teknologi dan sebagainya. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ingin mendapatkan maklumat-maklumat lanjut, saya bersedia untuk menyampaikan secara terperinci kemudian kelak.

ELAUN RUMAH

7. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan adakah cadangan untuk membayar elaun perumahan bagi pegawai di bawah Bahagian 1 dan 2, dan jika ya jawapannya, bilakah cadangan itu akan dilaksanakan.

Menteri Tak Berfotfolio (Dato Abdullah bin Haji Ahmad Bedawi): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tanggajaji yang telah diluluskan dalam sektor awam telah pun mengambil kira perbelanjaan bagi tempat kediaman yang biasanya terkandung di dalam pendapatan seseorang pekerja awam, Kerajaan tidak

bercadang untuk membayar elaun perumahan berasingan kecuali kepada golongan pegawai yang layak diberi perumahan yang percuma mengikut skim perkhidmatannya seperti dalam Angkatan Tentera, Perkhidmatan Pasukan Polis, Perkhidmatan Penjara dan Perkhidmatan Bomba apabila tiada tempat tinggal dapat diberikan.

MAJLIS GAJI

8. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang menubuhkan sebuah Majlis gaji di Malaysia; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu bermaksud hendak mengetahui tentang penubuhan Majlis Penetapan Gaji, maka sukacita saya menjelaskan bahawa dewasa ini Kerajaan telah pun menubuhkan beberapa Majlis Penetapan Gaji Akta Majlis Penetapan Gaji, 1947. Majlis-majlis Penetapan Gaji ini ditubuhkan dengan tujuan menetapkan kadar saaran minima berkanun dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja sektor Swasta di mana tiada wujud jentera perunding yang dapat merundingkan Skim Gaji dan syarat-syarat Perkhidmatan bagi mereka yang berkenaan itu secara berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan sebanyak empat buah Majlis Penetapan Gaji di Semenanjung Malaysia manakala sebuah Majlis Penetapan Gaji telah ditubuhkan di Sarawak. Majlis Penetapan Gaji yang ditubuhkan ini adalah seperti berikut:

Di Semenanjung Malaysia:

- (i) Majlis Penempatan Gaji bagi Pembantu-pembantu Kedai yang meliputi dan memberi faedah kepada seramai 82,111 orang pekerja;

- (ii) Majlis Penetapan Gaji bagi Pekerja-pekerja Wayang Gambar meliputi seramai 4,831 orang pekerja;
- (iii) Majlis Penetapan Gaji bagi Pekerja-pekerja Perhidangan dan Hotel meliputi seramai 25,347 orang pekerja; dan
- (iv) Majlis Penetapan Gaji bagi Pemungkah-pemungkah Kapal dan Pengendalian-pengendalian Muatan, Pulau Pinang meliputi seramai 1,144 orang pekerja.

Di Sarawak:

- (i) Majlis Penetapan Gaji bagi Pembantu-pembantu Kedai Sarawak.

Bagi pekerja-pekerja yang telah berkesatuan sekerja, Kerajaan sentiasa menggalakkan bahawa Skim Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan ditentukan secara perundingan di antara kesatuan sekerja dan majikan-majikan yang berkenaan itu seperti yang diperbekalkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Sekiranya perundingan secara terus di antara kedua-dua belah pihak ini gagal menghasilkan sebarang persetujuan, maka usaha mesyuarat bersama akan diberikan oleh pegawai-pegawai Kementerian saya dan sekiranya usaha ini juga tiada menghasilkan sebarang persetujuan, maka perkara sedemikian dikemukakan ke Mahkamah Perusahaan untuk timbangtara.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sungguhpun ada lima Majlis Penetapan Gaji telah ditubuhkan, tetapi fungsi dan peranannya tidak diselaraskan atau disesuaikan dengan aliran pembangunan negara kita kerana majlis-majlis ini tidak memperansang dan mempertinggi productivity di bidang-bidang yang tertentu, hanya memberikan satu aspek perlindungan kepada golongan pekerja tertentu sahaja dari segi gaji. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, adakah Majlis-majlis Penetapan Gaji ini akan diubahsuaikan dan juga fungsinya akan dikaji semula supaya ianya dapat diselaraskan dengan dasar productivity negara kita?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Majlis-majlis Penetapan Gaji yang telah diwujudkan itu sekarang ini berjalan dengan secara berkesan dan sesuai mengikut keadaan yang ada pada hari ini. Pada akhir tahun yang lalu sahaja kita dapati persetujuan-persetujuan dan perintah-perintah penetapan gaji telah pun dikeluarkan bagi dua sektor pekerjaan iaitu bagi pekerja Pembantu-pembantu Kedai dan juga bagi pekerja-pekerja wayang gambar dan kita dapati kedua-dua belah pihak berpuas hati dengan perintah penetapan gaji ini iaitu pihak pekerja dan pihak majikan-majikan masing-masing. Kita percaya bahawa melalui persetujuan dan perasaan puas hati di kedua pihak iaitu pihak majikan dan pihak pekerja akan mewujudkan hubungan perusahaan yang bertambah baik dan akan memperbaiki dan mempertingkatkan lagi productivity di sektor pekerjaan yang berkenaan itu.

PERKHIDMATAN KERETAPI-PERMODENAN

9. Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sistem keretapi sekarang kurang memuaskan, dan bahawa kecuali rancangan yang dicadangkan untuk mengadakan landasan eletrik tolok standard berkembar (double track rail), adakah perlunya supaya memodenkan kemudahan-kemudahan, bukan hanya untuk komunikasi, tetapi juga mengasaskan projek pembangunan kepada stesen-stesen keretapi dan gerabak-gerabak baru. Jika ya, tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementeriannya.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pentadbiran Keretapi akan melaksanakan berbagai projek pembangunan serta pemodenan bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatannya. Ini termasuklah memodenkan kemudahan-kemudahan di stesen-stesen dari Johor Bahru ke Bukit Mertajam. Anggaran kos bagi kerja-kerja tersebut berjumlah sebanyak \$2.5 juta.

Di Stesen keretapi Kuala Lumpur pula tindakan telah diambil untuk melantik sebuah firma akitek bertujuan untuk meninggikan lagi kemudahan-kemudahan yang terdapat sekarang ini. Bagi Stesen-stesen yang lainnya tindakan akan diambil secara berperingkat-peringkat untuk menambah serta memodenkan kemudahan-kemudahan yang terdapat di stesen-stesen tersebut untuk keselesaan penumpang-penumpang. Berkenaan dengan koc-koc penumpang, KTM di bawah Rancangan Malaysia Keempat, akan membeli 50 buah koc-koc penumpang dengan anggaran kos lebih kurang sebanyak \$44.6 juta.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa perkhidmatan keretapi di negara kita telah lama diabaikan dan ini telah mengakibatkan banyak kelemahan dan masalah yang telah timbul. Misalnya, pada hari semalam ada rel tergelincir yang berlaku dekat Seremban. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengadakan satu siasatan yang mengambil segala aspek tentang kelemahan-kelemahan dan masalah-masalah dengan tujuan untuk mencari satu langkah berjangka panjang mengatasi semua masalah ini?

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang kedudukannya dan Kerajaan telah mengadakan rancangan untuk jangka pendek dan jangka panjang untuk memperbaiki perkhidmatan itu.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan. Apakah langkah-langkah Kementerian beliau akan mengambil supaya kemalangan keretapi tidak berlaku?

Tuan Yang di-Pertua: Supaya pelanggaran keretapi tidak berlaku, apa tindakan yang diambil oleh Kementerian.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, kemalangan bukan sahaja berlaku kepada keretapi, jalan raya, kapal terbang, malah akan berlaku juga kepada pengangkutan lain dari masa ke semasa. Sebenarnya kemalangan adalah sesuatu yang

tidak dapat kita elakkan. Walau bagaimanapun, pihak kami akan cuba seberapa daya untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengelakkan berlakunya kemalangan.

Tuan Lim Cho Hock: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri ada menjaga banyak perniagaan di dalam Multi-Purpose Holdings. Adakah beliau

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh barkan soalan macam itu. Mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (c) melarang, tak membenarkan pertanyaan lain daripada tugasnya.

Tuan Lim Cho Hock: Yang Berhormat Menteri adalah sangat sibuk, sangat busy. Adakah

Tuan Yang di-Pertua: Sibuk dengan tugas Kementeriannya?

Tuan Lim Cho Hock: Ya. (*Ketawa*) Dan lain-lain perkara. Adakah beliau jaga dengan baik sistem keretapi?

Dato Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, memang betul saya dan parti saya pun cukup sibuk untuk mencari jalan menghapuskan DAP (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan tugas Menteri Pengangkutan (*Ketawa*).

Dato Lee San Choon: Sebagai seorang tokoh politik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu ini hidup sedikit.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa memang langkah diambil oleh Kementerian beliau untuk seboleh-bolehnya mengatasi masalah kemalangan keretapi yang berlaku. Saya ingin mendapat tahu adakah Kementeriannya dan beliau sendiri memenuhi arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya membina pintu lintasan keretapi (railway crossing) di seluruh negara memandangkan terjadinya kemalangan pada November, 1981 di Permatang Pauh di mana 19 nyawa

terkorban dan juga awal tahun 1970an ada berlaku satu kemalangan dahsyat di Kelantan dan sehingga hari ini belum dibina pintu lintasan keretapi itu. Adakah apa-apa tindakan diambil sama ada sudah dibina atau belum dibina dan bilakah semua railway crossing di negara ini akan dibina railway crossing gate?

Dato' Lee San Choon: Ada yang sudah dibina.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan yang mulia ini bilakah rancangan pembinaan landasan elektrik tolak standard berkembar boleh dilaksanakan dan berapakah jumlah kos yang akan ditelan oleh projek ini?

Dato' Lee San Choon: Perlaksanaan ini dijangka akan mengambil masa lebih kurang 10 tahun dan anggaran kasar ialah lebih kurang \$10 billion.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali.

(Soalan No. 10 Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

(Soalan No. 11 Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad tidak hadir).

LAWATAN MENTERI PELAJARAN KE SIDANG UNESCO DI BAGHDAD

12. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil yang dicapai dalam persidangan UNESCO di Baghdad, Turkey baru-baru ini, dan apakah peranan berkesan yang Malaysia telah sumbangkan di sidang itu.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, saya telah membuat lawatan ke negara Iraq selama lapan (8) hari iaitu 27hb Januari—3hb Februari, 1982 sebagai Lembaga Kerja UNESCO atas undangan Kerajaan Iraq dan Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Iraq,

yang menjemput beberapa orang Ahli Lembaga Kerja UNESCO melawat negara itu.

Lawatan ini bertujuan untuk mengeratkan lagi perhubungan antara Malaysia dengan Iraq dan ahli-ahli Lembaga UNESCO dari negara-negara lain. Semasa lawatan itu, kami telah menyaksikan pembangunan negara tersebut. Lawatan jua telah dibuat ke tempat-tempat yang bersejarah dan bertemadun serta pusat-pusat kebudayaan. Taklimat dan perbincangan telah jua diadakan dengan pemimpin-pemimpin Iraq mengenai isu-isu pelajaran, pembasmian buta huruf, kebudayaan dan pembangunan.

Semasa berada di Iraq, saya telah mengambil peluang untuk membincangkan dengan Menteri Pelajaran dan Menteri Pelajaran Tertinggi Iraq berkenaan dengan pelaksanaan Perjanjian Kerjasama Kebudayaan dan Saintifik yang sedia ada di antara Kerajaan Malaysia dengan Iraq. Satu daripada hasilnya, Kerajaan Iraq sanggup memberi biasiswa bagi 20 orang pelajar Malaysia setahun dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan termasuk perubatan dan juga menghantar 14 orang guru Bahasa Arab untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

Dalam hubungan ini saya telah diberi jaminan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran Tertinggi Iraq bahawa apabila Kerajaan Iraq menambah bantuannya ke negara Asia, maka Malaysia akan diberi pertimbangan yang utama.

Lawatan saya ke Iraq itu telah juga memberi saya peluang untuk menemui pelajar-pelajar Malaysia yang sedang mengikuti berbagai kursus di negara itu.

POLITICS IN A PLURAL SOCIETY— PENGHARAMAN

13. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menarik balik pengharaman yang dikenakan ke atas buku 'Politics in a Plural Society' Karangan Vasil, serta

Laporan Amnesty International mengenai situasi hak-hak manusia di Malaysia.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman yang Berhormat, Kerajaan telah pun membuat penelitian ke atas kedudukan buku "Politics in a Plural Society" oleh R. K. Vasil dan "Laporan Amnesty International" mengenai situasi hak-hak manusia di Malaysia; dan setakat ini Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula pengharaman ke atas kedua-dua buku dan laporan tersebut.

Tuan P. Patta: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu sama ada isi kandungan dalam buku Politics in a Plural Society dan juga Laporan Amnesty International itu didapati oleh Kementerian lebih bahaya daripada isi kandungan buku seperti Tuntutan Melayu dan Malay Dilemma?

Tuan Yang di-Pertua: Itu bertanya opinion, tak dibenarkan oleh Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana pada bulan Disember pihak Kementerian atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada berkata bahawa perkara buku Politics in a Plural Society pengharamannya akan dikaji, sudah 3 bulan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kenapa satu buku semacam ini perlu ambil lebih daripada 3 bulan untuk baca, untuk kaji, atau adakah ini menunjukkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri belum cekap, belum licin?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, mengkaji buku-buku yang berkenaan bukanlah satu perkara yang boleh dipandang enteng kerana implikasi daripada buku ini sebagaimana yang kita tahu adalah menyentuh kedudukan perpaduan kaum dan keutuhan negara ini. Jadi dalam kajian semula ini Kerajaan terpaksa mengkaji, terutama Kementerian saya mengenai soal-soal sensitiviti perkauman yang ditimbulkan dan kesan-

kesannya terhadap ketenteraman awam yang ada di negara kita kerana kita rasa bahawa perkara-perkara sensitiviti perkauman yang ditimbulkan itu harus dinilai dengan betul sebelum kita dapat membenarkan sesuatu buku yang bercorak seperti itu dimiliki oleh rakyat negara ini. Kita juga ingin melihat sejauh mana fakta-fakta yang ditimbulkan di dalam buku itu telah diputarbelitkan sehingga menimbulkan salah faham yang begitu dahsyat ataupun fitnah yang boleh merosakkan kepentingan negara dari segi jangka panjang. Jadi oleh sebab itulah saya rasa masa yang cukup adalah diperlukan bagi mengadakan kajian semula terhadap pengharaman buku-buku yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak apa lagi—soal tambahan?

Tuan Lim Kit Siang: Masa yang begitu panjang belum boleh dapat sebab sebenarnya; mengambil begitu lama untuk kaji satu buku yang diharamkan dan bolehkah Timbalan Menteri itu beritahu Dewan ini berapa lama kajian untuk membatalkan pengharaman Malay Dilemma atau tidak ada kajian barulah dibatalkan pengharamannya?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal lain.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Sebelum Kerajaan mengharamkan buku-buku yang disebutkan itu sudah tentu Kerajaan membuat kajian yang mendalam ke atas isi buku itu dan sebab itulah Kerajaan berpuas hati tentang bahayanya maka Kerajaan mengharamkannya. Sekarang ini apakah perlunya Kerajaan mengkaji semula? Adakah kerana Kerajaan sudah berubah sikap sehingga menganggap bahawa buku-buku itu tidak membahayakan atau bagaimana lojiknya kajian itu dibuat?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita kena mengkaji kerana keadaan dan suasana yang berlaku di negara kita adalah berubah daripada semasa ke semasa. Pada satu ketika dahulu misalnya tidak pernah orang terfikir bahawa penyusunan semula masyarakat adalah merupakan satu perkara yang boleh berlaku di negara kita, tetapi apabila

Kerajaan Barisan Nasional menggubal dasar-dasar yang sesuai kini kita dapati bahawa perkara ini sudah menjadi satu kenyataan atau realiti yang dapat diterima oleh setiap rakyat kerana adanya perubahan-perubahan seperti itu maka kita dapati bahawa kajian semula yang harus dilakukan adalah perlu memandangkan keadaan-keadaan yang berkembang dan wujud dari masa ke semasa.

JUALAN TIMAH DARI STOK PENIMBAL

14. Tuan Shaari bin Jusuh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah beliau sedar bahawa jualan barang keluaran utama Malaysia sentiasa di sabotaj oleh pihak negara maju dengan menjual Stok Simpanan mereka. Jika sedar apakah langkah jangka panjang supaya sabotaj ini tidak berlaku lagi.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa penjualan Stok Penimbal oleh negara-negara maju pada masa yang tidak sesuai dan yang tidak mengambil kira keadaan pasaran, telah memberi kesan yang buruk terhadap pasaran barangan antarabangsa. Ini berlaku semasa penjualan timah yang dibuat oleh pihak General Services Administration Kerajaan Amerika Syarikat dari Stok Penimbalnya.

Mengikut Perjanjian Timah Antarabangsa Kelima yang mana Amerika Syarikat adalah menjadi ahli, sesebuah negara ahli yang ingin menjual timah dari Stok Penimbal bukan perdagangan hendaklah memikirkan kepentingan-kepentingan pengeluar-pengeluar, pemeroses dan pengguna timah, khususnya dari segi gangguan pasaran dan akibat-akibat buruk dari tindakan tersebut terhadap pelaburan modal dalam cari gali, penambahan bekalan serta pertumbuhan yang sihat industri timah di negara-negara pengeluar. Jumlah dan masa penjualan Stok Penimbal timah mestilah jangan mengganggu pengeluaran dan pekerjaan dalam perusahaan ini di negara-negara pengeluar yang menjadi ahli, supaya dapat dihindarkan sebarang kesukaran-kesukaran dalam ekonomi negara-negara tersebut.

Malangnya, Amerika Syarikat telah tidak mematuhi peruntukan Perjanjian tersebut. Sungguhpun rayuan-rayuan dibuat oleh negara-negara pengeluar timah, pihak Amerika Syarikat telah meneruskan penjualan timah bukan sahaja dalam negara itu tetapi juga dipasaran dunia. Adalah tidak wajar tindakan seperti ini dibuat semasa dunia menghadapi kemelesetan ekonomi dan dalam keadaan di mana pengeluaran adalah melebihi pengguna. Negara kita dan juga negara-negara pengeluar timah lain hanya boleh merayu kepada Kerajaan Amerika Syarikat untuk menggunakan budibicara supaya mengambil tindakan yang bertanggungjawab dalam keadaan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, adalah jelas bahawa negara-negara pengeluar tidak boleh mengharapkan jasabaik negara-negara sebahagian kalangan pengguna maju, untuk mendapatkan harga-harga bahan-bahan utama yang wajar dan berpatutan. Oleh kerana itu, Malaysia telah berusaha supaya negara-negara pengeluar timah bersatu untuk mencari jalan bagi melindungi kepentingan dan hak negara-negara pengeluar yang sah, kalau tidak pun, bagi menentukan hidup-matinya industri timah. Di antara langkah-langkah yang telah dicadangkan ialah:

- (i) Pengwujudan Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Timah;
- (ii) kerjasama rapat dalam pendekatan terhadap pemasaran timah;
- (iii) mempergiatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan kemajuan timah;
- (iv) merasionalisasi bekalan atau "supply rationalisation". Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengumumkan bahawa Malaysia akan mengurangkan pengeluaran timah oleh kerana adalah tidak berfaedah untuk mengeluarkan lebih banyak timah bagi pasaran dunia jika harganya tidak berpatutan dengan kos pengeluaran dan tidak memberi pulangan yang wajar kepada industri timah.

Berasaskan kepada perbincangan-perbincangan yang telah diadakan di dalam negeri dan juga dengan rakan sejawat saya di negara-negara pengeluar timah ASEAN, saya yakin bahawa melalui kerjasama di antara negara-negara pengeluar khususnya negara ASEAN, kita boleh mengujudkan kestabilan pasaran timah serta menggalakkan kemajuannya di peringkat antarabangsa dalam jangka panjang bagi industri timah yang akhirnya memberi faedah kepada negara-negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup!

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10, 11 dan 15 hingga 52 adalah diberi di bawah ini).

TABUNG EKONOMI ISLAM— KUTIPAN WANG DERMA

10. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah yang telah terkumpul sebagai wang derma ekonomi Islam yang dipungut di samping zakat fitrah;
- (b) di manakah wang itu telah dilabur; dan
- (c) mengapa pungutannya telah drentikan.

Menteri Tak Berfotfolio (Dato' Hj Mohamed bin Nasir): Jumlah wang kutipan yang dapat dipungut oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Tabong Ekonomi Islam) dari tahun 1975 hingga 31hb. Mei, 1981 ialah sebanyak \$1,070.447.85. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia tidak mendapat apa-apa bahagian Zakat Fitrah kerana zakat fitrah menjadi hakmilik Jabatan-jabatan Agama Islam bagi tiap-tiap negeri.

Wang pungutan itu telah dilaburkan dalam projek usahasama dengan Ketengah Jaya bagi memajukan ladang kelapa sawit di Ulu Cukai Terengganu. YPEIM menyertai ekuiti sebanyak 30% dengan jumlah pelaburan

berjumlah 4.2 juta iaitu dicampurkan dengan pemberian Kerajaan sebanyak 3.7 juta. YPEIM juga telah membiayai tiga orang penuntut di Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia dengan biasiswa sebanyak \$3,200.00 setahun sehingga tamat kursus bagi setiap penuntut.

YPEIM terpaksa menghentikan kutipan derma tersebut memandangkan timbul banyak sungutan daripada Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri yang terlibat dalam pungutan derma untuk membina masjid negeri di samping pihak YPEIM memikirkan cara kempen kutipan derma serentak dengan kutipan Zakat Fitrah adalah kurang sesuai.

SYARIKAT MOTOKAR/LORI— KUOTA IMPORT

11. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan beberapa buah syarikat-syarikat motokar dan lori yang besar mendapat kuota permit import dari luar negeri; dengan menyatakan bilangan kuota yang diberi dalam sebulan oleh tiap-tiap syarikat tersebut serta daripadanya berapa buakkah syarikat Bumiputera.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 139 buah syarikat telah diberikan kuota mengimport kereta penumpang dan perdagangan. 90 (65%) daripadanya adalah kepunyaan 100% Melayu dan Bumiputera, 29 (21%) syarikat usahasama dan 20 (14%) buah syarikat bukan Bumiputera.

Kuota-kuota yang diluluskan bagi tiga bulan adalah seperti berikut:

Kereta Penumpang Baru	2,236 unit
Kereta Penumpang Terpakai	2,209 "
Kereta Perdagangan Baru	789 "
Kereta Perdagangan Terpakai	425 "

ELAUN MEMANGKU JAWATAN GURU BESAR

15. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebilangan guru-guru sekolah yang telah mengajar dan menjalankan tanggungjawab sebagai Guru Besar tetapi tidak disahkan sebagai Guru Besar sejak dari tahun 1974 atau sebelumnya dan baru-baru ini berbalik semula menjadi guru-guru biasa sahaja. Ramai di antara mereka yang tidak disahkan sebagai Guru Besar nyata cekap dan berkebolehan semasa berkhidmat sebagai Ketua, tetapi mereka kecewa kerana dikehendaki turun dalam jawatan; adakah Kementerian yang berkenaan tidak akan menimbang untuk membayar elaun tanggungjawab tambahan semasa berkhidmat sebagai Guru Besar.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Saya sedar bahawa pernah berlakunya sebilangan guru-guru yang telah menjalankan tugas-tugas Guru Besar dahulu telah berbalik semula menjadi guru-guru biasa sahaja. Akan tetapi bilangan mereka yang terlibat adalah kecil sekali. Pada amalnya keadaan begini berlaku disebabkan bahawa mereka memegang jawatan-jawatan yang berlainan dari Kategori hakiki mereka dan dengan demikian mereka tidak layak mengikut skim perkhidmatan untuk memegang jawatan-jawatan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah dan sedang mengambil tindakan untuk mengemukakan kes-kes seperti ini untuk pertimbangan Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan di Kementerian dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bagi kelulusan pembayaran elaun pemangku atau elaun tanggungan kerja pada mereka yang terlibat.

PERLAWANAN BOLASEPAK DI STADIUM MERDEKA—EJEKAN

16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat bertanya kepada Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan sama ada beliau sedar

bahawa suasana tegang dan ejekan-ejekan biadap yang berlaku di Stadium Merdeka sewaktu perlawanan bola sepak pertandingan kelayakan antara Arab Saudi/Republik Rakyat China itu telah menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan sebahagian besar rakyat negara kita, pihak peserta dan tetamu daripada Arab Saudi, sama ada Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mencegah supaya keadaan seperti itu tidak akan berulang lagi.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Keadaan suasana tegang dan ejekan-ejekan biadap di Stadium Merdeka sewaktu perlawanan bola sepak pertandingan kelayakan antara Arab Saudi dan Republik Rakyat China tidak ada banyak bezanya dari pertandingan-pertandingan bola sepak antarabangsa yang lain yang diadakan di negara kita atau negara-negara lain. Seperti di pertandingan-pertandingan bola sepak yang lain itu juga para penonton telah memberi tepoksorak kepada pasukan pilihan mereka yang telah menunjukkan permainan yang bermutu tinggi.

Kerajaan sentiasa meneliti sebarang perkembangan sukan untuk memastikan suatu kemajuan yang tidak akan merugikan kita.

TAHANAN DI BAWAH ISA— PEMBEBASAN

17. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan beberapa ramaikah tahanan-tahanan di bawah ISA yang telah dibebaskan sehingga ini, dan berapa ramaikah lagi yang masih ditahan; serta apakah orang-orang yang telah dibebaskan itu sekarang ini telah benar-benar menjadi baik dan tidak lagi menjadi ancaman atau sebagainya kepada keselamatan negara dan kepentingan orang ramai.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Semenjak bulan Julai 1981 sehingga sekarang seramai 177 orang telah dibebaskan. Manakala jumlah yang masih ditahan sehingga 28 Februari 1982 adalah seramai 448 orang.

Pembebasan Orang-orang Tahanan dibuat setelah Kerajaan menimbangkan perakuan-perakuan yang dikemukakan oleh Lembaga Penasihat dan juga setelah Kerajaan berpuashati bahawa mereka tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

Namun begitu, jika sekiranya seseorang yang telah dibebaskan itu didapati bergiat semula dalam kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya ke atas mereka.

UNIVERSITI TEMPATAN— PERKHIDMATAN KAKITANGAN

18. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat keputusan mengenai pengkajian semula syarat-syarat dan keadaan perkhidmatan kakitangan kesemua lima buah universiti tempatan; jika ya, beri butir-butir lanjut.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Satu Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan bagi mengkaji memorandum bersama yang telah dikemukakan oleh Naib-naib Canselor, mengenai syarat-syarat dan keadaan perkhidmatan kakitangan lima buah universiti tempatan. Pada masa ini Jawatankuasa Khas ini adalah sedang menimbangkan memorandum ini yang baru saja diterima tidak berapa lama dahulu.

PENDATANG HARAM INDONESIA

19. Tuan P. Patto minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kedudukan sebenar mengenai pendatang-pendatang haram dari Indonesia dengan memberi butir-butir mengenai bilangan yang terdapat dalam negara ini, bilangan yang telah ditangkap dan bilangan yang telah dihantar balik ke Indonesia dan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan negara ini tidak dicerobohi oleh pendatang-pendatang haram ini yang mengancam keselamatan negara.

Dato' Musa Hitam: Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan ini dan juga merangkumi semua soalan-soalan yang sama maksudnya yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 16-3-1982, dari Sandakan pada 17-3-1982 (dua soalan) dari Kota Melaka pada 18-3-1982, dari Menglembu pada 18-3-1982 dan dari Kluang pada 18-3-1982.

Adalah satu perkara yang mustahil untuk Kementerian ini memberi angka-angka yang sebenar/tepat mengenai jumlah pendatang-pendatang haram yang berada di negara kita. Ini ialah kerana kalau adapun mereka masuk ke negara ini secara haram. Ini ialah kerana sempadan negara kita dengan negara-negara jiran adalah begitu panjang yang meliputi tanah dataran dan juga lautan yang luas. Walau bagaimanapun, bilangan yang telah ditangkap dan dihantar balik sejak tahun 1978 sehingga sekarang ialah seramai 10,917 orang.

Di dalam usaha untuk mengatasi ke-masukan pendatang haram ke negara ini, beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan termasuklah membesarkan lagi Yunit Penguatkuasaan Jabatan Imigresen, meningkatkan lagi rondaan oleh tentera laut dan polis marin.

Sikap kerajaan terhadap pendatang-pendatang haram adalah sama tanpa mengira sama ada mereka itu datang dari negara-negara ASEAN atau pun negara Commonwealth atau mana-mana juga negara di dunia ini.

Adalah tidak dapat dinafikan ada di antara pendatang-pendatang haram yang terlibat di dalam kegiatan-kegiatan jenayah sama sepertimana yang dilakukan oleh orang-orang dari keturunan Cina, India, Melayu dan lain-lain. Masalah jenayah tidaklah dapat dikaitkan pada orang dari satu-satu pihak atau keturunan sahaja kerana jenayah tidak mengenal batasan keturunan. Berdasarkan kepada perangkaan yang ada, jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram hanyalah 1.23% daripada keseluruhan jenayah yang berlaku dalam tahun 1981.

Kementerian ini tidak sedar adanya pihak-pihak tertentu yang mengeluarkan surat mengenai permohonan visa. Walau bagaimanapun sekiranya ada ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai bukti-bukti sila kemukakan kepada Kementerian saya supaya siasatan mengenainya dapat dijalankan. Pada kebiasaannya permohonan visa hendaklah mempunyai dokumen perjalanan yang sah sebelum pertimbangan dapat dibuat.

Mengenai bilangan pendatang haram yang ditangkap kerana kegiatan jenayah di antara 1979 dan 1981 ialah seramai 314 orang di atas berbagai-bagai kesalahan jenayah.

AIR PAIP DI LUAR BANDAR— KEMUDAHAN

20. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau bercadang hendak menambahkan peruntukan projek pembahagian percuma kepada rakyat-rakyat luar bandar kesihatan seperti memberi tandas, telaga dan bekalan air (pam air), kerana pembahagian yang dijalankan sekarang ini tidak mencukupi bagi keperluan dan kehendak rakyat, yakni keperluan tidak dapat mengatasi keperluan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Sukacita saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Rancangan Kebersihan Alam Sekeliling dan Bekalan Air Masyarakat di bawah Kementerian Kesihatan telah mendapat sambutan yang baik dari penduduk-penduduk luar bandar yang masih belum dibekalkan dengan kemudahan air paip dari agensi lain. Oleh hal yang demikian dan sebagai salah satu usaha untuk menaikkan taraf kesihatan penduduk-penduduk luar bandar, Kementerian Kesihatan menjalankan berbagai aktiviti di bawah rancangan ini seperti membina tandas curah dan projek-projek bekalan air "gravity-feed" dan perigi. Di samping itu penduduk-penduduk dinasihatkan tentang cara-cara teratur untuk pembuangan air limbah dan sampah-sarap. Sukacita saya memaklumkan bahawa penduduk yang berkenaan terlibat secara langsung dalam kebanyakan aktiviti ini dengan melaksanakan projek-projek ini secara gotong-royong. Pada masa sekarang

rancangan ini telah mencapai liputan ke atas sebanyak lebih daripada 50% penduduk-penduduk luar bandar. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian akan berusaha untuk mencapai matlamat liputan sebanyak 70%. Peruntukan bagi keperluan rancangan-rancangan ini adalah mencukupi buat masa ini. Walau bagaimanapun, kedudukan ini akan terus dikaji dari masa ke semasa.

JALAN KUALA KANGSAR/GRIK— PEMBESARAN

21. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Kerjaraya dan kemudahan-kemudahan Awam, memandangkan yang Lebuhraya Timur Barat yang menghubungi Jeli dan Grik akan dibuka pada bulan April ini; sama ada jalan-jalan dari Kuala Kangsar ke Grik dan juga dari Baling ke Grik akan diperbesarkan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Sebenarnya jurutera perunding telah dilantik untuk menjalankan kajian dan rekabentuk bagi memperelokkan jalan Kuala Kangsar/Grik. Rekabentuk tersebut dijangka akan dapat disiapkan pada akhir tahun 1982. Adalah dijadualkan projek ini akan mula dilaksanakan pada pertengahan tahun 1983.

Oleh kerana jalan ini bukanlah merupakan jalan utama, Kerajaan belum bercadang untuk memperbesarkan jalan ini. Walau bagaimanapun, Kerja-kerja memperbaiki dan menyelenggara jalan tersebut akan dijalankan dari masa ke semasa.

TAKLIMAT OLEH DATUK WAN MANSUR BIN ABDULLAH

22. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyebutkan tindakan yang telah diambil atas pengaduan yang telah dibuat oleh Encik K. Ramasan pada 29hb. Ogos, 1981 di Balai Polis High Street mengenai kenyataan dibuat oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Datuk Wan Mansor bin Abdullah, pada 17hb Ogos, 1981 ketika

beliau memberi taklimat kepada 32 orang belia dan pemimpin belia dari Arab Saudi bahawa tujuan Malaysia pada akhirnya ialah menjadi Negara Islam yang sempurna. Adakah Yang Berhormat Menteri itu bersetuju langkah positif patut diambil memandang kepada akibat-akibat yang akan dicapai daripada hasil kenyataan Datuk Mansor bin Abdullah.

Dato' Musa Hitam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan mengenai kes ini telah pun selesai dilaksanakan oleh pihak Jabatan Polis. Kertas penyiasatan Polis telah pun dihantar kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk diteliti dan keputusan jabatan tersebut.

GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH

23. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri pelajaran menyatakan sebabnya penghantaran semula guru-guru sekolah menengah C2 ke sekolah rendah dan jumlahnya guru dilanda oleh penukaran ini, dan juga menyatakan jumlahnya guru C2 yang telah mengambil bahagian dalam latihan khas pengajaran sekolah menengah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Guru-guru Kategori C2 yang kelulusan akademik mereka MCE/SPM dilantik di Maktab-maktab Perguruan untuk mengikuti kursus Pendidikan Peringkat Awal Kanak-kanak (PPAK) dan Pendidikan Peringkat Awal Remaja (PPAR). Setelah tamat latihan, guru-guru PPAK ditempatkan di sekolah-sekolah rendah, manakala guru-guru PPAR ditempatkan di sekolah-sekolah menengah.

Walaupun guru-guru PPAR ditempatkan di sekolah-sekolah menengah tetapi bukanlah bermakna mereka tidak boleh ditukarkan untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah jika perkhidmatan mereka diperlukan, oleh kerana dalam kursus PPAR juga dimasukkan kaedah pengajaran untuk darjah-darjah atas di sekolah rendah (Darjah 4, 5 dan 6). Pertukaran ini biasanya dilakukan atas kepentingan perkhidmatan (exigencies of service) bila terdapat berlebih bilangan guru-guru di sekolah rendah dalam satu-satu negeri atau kawasan yang sama. Jumlah

bilangan guru-guru C2 yang mengikuti kursus untuk mengajar di sekolah menengah ialah 34,172 orang.

MARDEC—PEMBELIAN GETAH PEKEBUN KECIL

24. Tuan Mohd Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa agen-agen MARDEC memberi susu getah dengan harga yang murah daripada pekebun-pekebun kecil dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu pekebun-pekebun kecil di luar bandar.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Kemerostotan ekonomi dunia yang sedang dialami sekarang telah memberi kesan kepada harga getah asli termasuklah harga bagi susu getah yang dibeli oleh MARDEC dari pekebun-pekebun kecil. Dalam Hal ini MARDEC membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil mengikut keadaan pasaran getah yang berlaku pada masa sekarang. Walaupun harga yang ditawarkan oleh MARDEC tidaklah setinggi di masa-masa yang lalu disebabkan kemelesetan ekonomi dunia dan kekurangan permintaan di atas getah asli, tetapi harga-harga yang ditawarkan oleh MARDEC adalah berpatutan.

Sebagai sebuah agensi yang diamanahkan untuk memproses dan memasarkan getah pekebun-pekebun kecil MARDEC bertanggungjawab untuk membeli getah-getah keluaran pekebun-pekebun kecil dalam apa jua keadaan pasaran sekalipun. Dalam keadaan pasaran yang lemah sekarang ini kerajaan telah mengarahkan MARDEC bersama-sama RISDA untuk terus menggiatkan dan meningkatkan lagi pembelian getah dari pekebun-pekebun kecil dengan secara terus bagi mewujudkan ruang-ruang pasaran di samping menawarkan harga yang berpatutan.

PADI DAN BERAS NEGARA—JUALAN

25. Tuan Abdul Shukur Haji Siraj minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah kesulitan-kesulitan yang timbul di dalam

Lembaga Padi dan Beras Negara untuk memasarkan padi pesawah-pesawah dan apakah usaha-usaha untuk mengatasi masalah yang berkenaan itu.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Semenjak tahun yang akhir-akhir ini lebih banyak padi telah dijual oleh pesawah-pesawah kepada LPN. Pada tahun 1978 jumlah belian padi LPN ialah sebanyak 152,404 tan metrik (berat bersih) berbanding sebanyak 332,879 tan metrik (berat bersih) dalam tahun 1981. Ini bermakna pertambahan belian sebanyak 118%. Misalnya, jumlah belian padi beberapa musim yang lepas ini telah merupakan lebih daripada kemampuan kemudahan-kemudahan memproses LPN dan LPN telah menghadapi beberapa masalah pemerosesan terutamanya pengeringan. Pada masa ini LPN mempunyai 29 buah kompleks yang keupayaan mengering padi 470,000 tan metrik (rated) setahun dan mengilang 265,120 tan metrik setahun. Keupayaan ini merupakan 24% dari keupayaan mengering 13% dari keupayaan mengilang dari keperluan negara setahun. Keupayaan mengering adalah tertakluk kepada keadaan dan mutu padi yang diterima.

Sekiranya padi yang diterima terlalu basah dan kotor maka kemampuan pengeringan akan berkurangan. Ini kerap berlaku bagi padi-padi luar musim yang dituai di musim hujan.

LPN adalah membeli semua padi yang dibawa oleh pesawah tanpa mengira keadaan dan mutu padi termasuk padi-padi yang telah rosak di sawah. Ini memberi implikasi kepada kerja-kerja pemerosesan dan beras yang dihasilkan.

Penuaian padi yang serentak menggunakan jentera tuai menjadikan jumlah padi yang dituai setiap hari melebihi kemampuan penerimaan dan pemerosesan yang ada pada LPN dan juga swasta.

Bagi mengatasi masalah pemerosesan, LPN di bawah Rancangan Malaysia Keempat akan membina 11 buah lagi kompleks bersatu (mengering dan mengilang). Apabila siapnya kompleks-kompleks baru tersebut keupayaan

mengering LPN akan bertambah lagi kepada 670,000 tan metrik setahun dan mengilang 501,920 tan metrik iaitu 34% mengering dan 26% mengilang dari pengeluaran padi negara setahun. Sebagai langkah jangka pendek pula LPN telah mengambil tindakan segera dalam tahun 1980/81 bagi menambah keupayaan simpanan padi dan pengeringan. Sejumlah \$3.81 juta telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Begitu juga LPN telah pun mengesan masalah-masalah yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan seperti pengangkutan dan telah merangkakan langkah-langkah penyelesaian.

UNIVERSITI/KOLEJ DI JEPUN DAN KOREA SELATAN— PENGAMBILAN PENUNTUT MALAYSIA

26. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Jepun dan Korea Selatan telah menunjukkan gara-gara bahawa pintu universiti-universiti dan kolej-kolej mereka akan terbuka kepada pelajar-pelajar dari Malaysia dan sama ada biasiswa-biasiswa untuk institusi-institusi tersebut juga akan ditawarkan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Universiti-universiti dan kolej di Jepun telah pun mengambil penuntut-penuntut Malaysia sudah beberapa tahun tetapi secara terhad mengikut bilangan biasiswa di bawah rancangan MOMBUSHO Jepun. Sejak tahun 1975 seramai 86 orang penuntut telah berpeluang belajar di Jepun melalui rancangan ini. Kerajaan kini sedang mengadakan rundingan supaya lebih banyak lagi penuntut Malaysia dapat belajar di Jepun.

Rundingan juga sedang dibuat dengan pihak Kerajaan Korea Selatan untuk mengetahui peluang yang ada bagi penuntut Malaysia belajar di institusi pengajian tinggi di sana.

Kedudukan yang sebenar dari segi kemasukan penuntut Malaysia ke Institusi pengajian tinggi di Jepun dan Korea Selatan diharap dapat dipastikan nanti.

SISTEM 3M—PELAKSANAAN

27. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa apakah langkah-langkah telah diambil untuk memperluangkan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan. (China) yang berjumlah 1311 dan (Tamil) di seluruh Malaysia supaya ianya dapat menemui permintaan di bawah sistem 3M (bila ianya dilaksanakan pada tahun depan) seperti guru-guru dilatih untuk mengajar 3M, kelengkapan bilik darjah, perpustakaan, alat perkakas pengajaran dan pembelajaran, buku teks dll., bagaimanakah kesemua masalah ini dapat diatasi sebelum 3M dapat dilaksanakan di SRJK pada tahun depan.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah-langkah positif terhadap masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Satu Jawatankuasa Pusat telah ditubuhkan bagi mengesan dan mengkaji masalah yang timbul di sekolah-sekolah yang melaksanakan Kurikulum 3M dalam tahun 1982 ini. Di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Jawatankuasa ini ialah:

- (i) Memberi Orientasi kepada guru-guru yang akan terlibat mengajar 3M pada tahun 1983.
- (ii) mengambil langkah memperbanyakkan buku-buku bacaan untuk kegunaan perpustakaan.
- (iii) Menyediakan peruntukan yang cukup bagi menampung keperluan alat mengajar.
- (iv) Menyediakan buku-buku teks yang diperlukan.

Dengan adanya langkah-langkah yang dijalankan di atas dan dengan kerjasama semua pihak masalah-masalah yang ditimbulkan itu akan dapat diatasi.

BELIA BUKAN BUMIPUTRA DALAM PERKHIDMATAN POLIS

28. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah menggalakkan belia bukan

bumiputra untuk berkhidmat dengan Jabatan Polis, jika ya, apakah hasilnya.

Dato' Musa Hitam: Kerajaan telah mengadakan kempen-kempen tertentu untuk menarik lebih ramai bukan bumiputra berkhidmat dengan Pasukan Polis. Kempen-kempen tersebut meliputi pengiklanan yang lebih luas melalui akhbar-akhbar tempatan termasuk akhbar-akhbar berbahasa Cina dan Tamil; melalui radio dan televisyen; dan melalui maklumat yang disampaikan kepada pertubuhan-pertubuhan seperti Dewan Perniagaan Cina dan parti-parti politik.

Sambutan dari belia bukan bumiputra bagi jawatan-jawatan pengambilan di peringkat Inspektor dan Penolong Penguasa Polis adalah menggalakkan, tetapi sambutan bagi pengambilan di peringkat Konstabel adalah masih kurang memuaskan.

JAMBATAN PULAU PINANG— BAYARAN TOL

29. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) bayaran tol yang akan dikenakan ke atas berbagai kategori orang yang menggunakan jambatan pulau Pinang sebaik sahaja jambatan tersebut siap dibina; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan terus memungut bayaran tol selepas ia berjaya menebus balik perbelanjaan kapital yang terlibat dalam projek jambatan tersebut.

Datuk S. Samy Vellu:

- (a) Bayaran tol yang akan dikenakan kepada berbagai golongan penggunaan yang akan menggunakan Jambatan Pulau Pinang itu adalah masih lagi dalam kajian dan pertimbangan Kerajaan.
- (b) Adalah terlalu awal bagi perkara ini dipertimbangkan buat masa ini.

LINTASAN TERBUKA KERETAPI

30. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil setakat ini untuk

memasang pintu keretapi di kesemua 45 lintasan terbuka di seluruh negara sebagaimana diarah dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan juga menyatakan berapa banyak pintu yang telah dipasang setakat ini memandangkan kepada pengumuman oleh Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu pada bulan Disember lalu bahawa semua lintasan terbuka di seluruh negara akan dipasang pintu dalam masa 3 bulan.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pentadbiran Keretapi sedang giat mengambil tindakan yang perlu bagi menyiapkan get-get di kesemua 45 Lintasanrata Awam Terbuka dan hingga kini sebanyak 90% dari kerja-kerja tersebut telah pun dilaksanakan. Adalah dijangkakan get-get tersebut akan siap untuk digunakan pada pertengahan bulan Mac ini seperti yang telah dijadualkan.

PAKAR-PAKAR MENGAJAR BAHASA IBUNDA

31. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sebuah yunit khas akan ditubuhkan di dalam Kementerianya untuk menjaga kepentingan pelajaran ibunda dan bahawa yunit tersebut hendaklah mengandungi pakar-pakar yang tahu akan keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak yang dikehendaki untuk mengajar dalam bahasa ibunda serta juga nilai-nilai, tradisi-tradisi dan "mores" yang ada berkaitan dengannya.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Saya kurang faham apakah yang dimaksudkan dengan pelajaran ibunda itu. Tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat memaksudkan pelajaran bahasa ibunda saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya telahpun dan akan terus menjalankan langkah-langkah yang sesuai dan praktikal bagi membolehkan murid-murid mempelajari bahasa ibundanya sebagaimana yang dibekalkan dalam Akta Pelajaran 1961 serta Peraturan-peraturan Kursus Pengajian (Courses of Studies Regulations) 1956 yang berkuatkuasa pada masa ini.

Di antara langkah-langkah tersebut ialah mengadakan pakar-pakar yang tahu akan keperluan dan kehendak pengajaran bahasa ibunda seperti mana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban, di beberapa Bahagian Kementerian Pelajaran seperti Bahagian Sekolah-sekolah, Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian Latihan Guru dan juga di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri.

Oleh Yang demikian, Kementerian Pelajaran tidak perlu menubuhkan yunit khas untuk tujuan tersebut.

PENCEN KEPADA PESARA-PESARA DI LUAR NEGERI

32. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa negara kita mengalami kerugian yang banyak secara bayaran pencen bulanan kepada pesara-pesara yang telah berkhidmat di negara ini dan telah bermastautin di negara asing misalnya apabila seseorang yang telah pencen meninggal dunia, jari tangan kanannya dipotong oleh warisnya dan disimpan untuk mengecap jari dalam voucher untuk mendapat wang pencen si mati itu jika benar, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi kerugian ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Kerajaan sedar bahawa bayaran pencen bulanan kepada pesara yang bermastautin di luar negeri dan kepada keluarga pesara, pegawai dan kakitangan yang telah meninggal dunia yang bermastautin di luar negeri melibati pertukaran wang luar dan Kerajaan juga sedar bahawa kerana kesulitan menyasat kebenaran pihak yang menerima bayaran pencen adanya kemungkinan penipuan yang berlaku seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam telahpun mengambil langkah memperketatkan sistem bayaran pencen di luar negeri dan melalui pemeriksaan bukti yang sah yang dilakukan

oleh agen pembayar pencen, bayaran sebanyak \$1,051,954.00 yang melibatkan 578 tuntutan telah terselamat daripada dibayar kepada pesara yang tidak sepatutnya layak menerimanya. Tindakan yang sama akan diteruskan dalam tahun 1982 dan pada tahun-tahun hadapan.

ISU PERKAUMAN—MENCEGAH

33. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa apakah tindakan yang tegas telah diambil untuk menerangi anasir-anasir yang selalu mempermainkan isu-isu perkauman yang sensitif demi kepentingan keagamaan dan politiknya, khasnya dalam tempoh pilihanraya umum, dan apakah langkah-langkah preventif akan diambil untuk mencegah keadaan merbahaya ini dari berlanjutan sehingga kestabilan politik dan ketenteraman kehidupan negara terancam.

Dato' Musa Hitam: Bagi mereka yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang yang ada, jika didapati bersalah mereka akan dihukum setimpal dengan peruntukan yang ada dalam undang-undang berkenaan.

Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh golongan-golongan tertentu berkaitan dengan isu-isu perkauman yang sensitif yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Pihak Kerajaan juga tidak membenarkan rapat-rapat umum diadakan untuk mengelakkan isu-isu sensitif perkauman dieksploitasikan secara melampau dan tidak bertanggungjawab yang kemudiannya akan mencetuskan masalah perkauman yang serius. Sekiranya ini berlaku, sudah pasti bukan sahaja seluruh rakyat malah negara ini akan menghadapi resiko kekacauan dan kehancuran. Walaupun pada hemat Kerajaan undang-undang serta peraturan-peraturan yang sedia ada sekarang adalah mencukupi untuk membendung tindak-tanduk mereka yang mengeksploitasi isu-isu sensitif perkauman di negara ini.

ISU KAFIR-MENKAFIR— MENUMPASKAN

34. Tuan Awang bin Jabar minta menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan adakah isu kafir mengkafir membahayakan keselamatan dalam negeri dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menumpaskan isu tersebut.

Dato' Musa Hitam: Jawapan yang hampir sama telahpun dibuat oleh YAB Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 9-3-1982. Saya tidak bercadang menambah kepada jawapan yang telah diberikan.

POLIS DAN TENTERA BERGADUH DI KANGAR

35. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan terhadap konfrontasi di antara pihak askar-askar dan polis yang berlaku di Kangar, Perlis pada tahun 1981 di mana sebuah balai polis dikepong oleh askar-askar bersenjata telah siap sedia; jika ya, sama ada tindakan mahkamah akan diambil terhadap pihak yang terlibat.

Dato' Musa Hitam: Kertas Siasatan mengenai pergaduhan kecil di antara beberapa orang anggota Polis dan Tentera yang berlaku di Kangar, Perlis pada tahun 1981 itu telahpun dikemukakan kepada pihak Peguam Negara. Keputusan telahpun dibuat bahawa hanya anggota-anggota tentera yang terlibat itu sahaja akan dibicarakan di Mahkamah Tentera.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI—MEMINDA

36. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat keputusan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti yang buat masa ini adalah bersifat terlalu menyekat (restrictive); beri butir-butir lanjut:

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Setakat ini Kerajaan belum lagi membuat keputusan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti. Ketika ini Kerajaan sedang mengkaji perkara ini.

BORANG PENGISYTIHARAN HARTA— BELANJA MENCETAK

37. Tuan Haji Ibrahim bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah perbelanjaan yang dibelanjakan untuk mengecap borang-borang dan mengadakan kursus-kursus cara mengisikan borang pengisytiharan harta kakitangan yang dilaksanakan baru-baru ini. Dan berapa banyak pula kerugian borang oleh kesilapan JPA terhadap 600,000 kakitangan yang telah mengisi borang tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Sebanyak lebih kurang \$1.6 juta telah dibelanjakan untuk mencetak borang-borang pengisytiharan harta dan sebanyak \$2,800 pula telah dibelanjakan untuk memberi penerangan bagi mengisi borang-borang yang berkenaan. Kerugian tidak berbangkit oleh kerana borang-borang yang berkenaan akan disimpan dan masih boleh digunakan.

BAYARAN ROYALTI—KAJIAN SEMULA

38. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang menaikkan hasil 5% yang ada sekarang daripada negeri-negeri pengeluar minyak kepada 10% supaya Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai lebih banyak wang untuk pembangunan, jika tidak, kenapa.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengkaji semula kadar pembayaran royalti yang ada sekarang. Kadar 5% bayaran royalti atas pengeluaran minyak kepada Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu telah ditetapkan setelah dipertimbangkan dengan penuh teliti oleh Kerajaan Persekutuan.

Sungguhpun kadar itu nampaknya kecil, tetapi hasil pendapatan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri itu telah bertambah dengan banyaknya. Umpamanya, dalam tahun 1975 bayaran royalti kepada Kerajaan Negeri Sarawak ialah sebanyak M\$37 juta, tetapi

dalam tahun 1981 negeri itu memperoleh M\$155 juta. Bagi Kerajaan Negeri Sabah pula, dalam tahun 1975 ia dibayar royalti sebanyak M\$5 juta, dan dalam tahun 1981 pendapatan dari royalti ini bertambah kepada M\$79 juta. Pembayaran royalti kepada Kerajaan Negeri Terengganu juga bertambah dari jumlah M\$24 juta bagi tahun 1978 kepada M\$185 juta bagi tahun 1981.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, hasil pendapatan daripada usaha pengeluaran minyak juga digunakan untuk berbagai-bagai rancangan pembangunan untuk negeri-negeri lain.

RAPAT UMUM—MEMBENARKAN

39. Tuan P. Pato minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan pengakuan yang sering dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara bahawa keselamatan negara terkawal, sama ada Kerajaan akan memulangkan hak asasi rakyat negara ini untuk berkumpul secara aman dan bebas, iaitu membenarkan rapat-rapat umum diadakan, jika tidak mengapa.

Dato' Musa Hitam: Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan ini dan juga merangkumi semua soalan-soalan yang sama nadanya yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 12-3-1982 dan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera yang juga pada 12-3-1982.

Tindakan pengharaman ke atas rapat-rapat umum adalah diambil atas pertimbangan keselamatan negara dan ketenteraman awam yang mungkin tergugat jika rapat-rapat umum dibenarkan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, negara kita masih lagi menghadapi ancaman dari keadaan dharurat iaitu kegiatan anasir-anasir penganas komunis bersenjata serta penyokong-penyokong mereka senantiasa bergerak untuk melemah dan menghancurkan kerajaan yang sah lagi berpelembagaan yang dipilih oleh rakyat

negara ini di bawah sistem demokrasi berparlimen kita. Saya suka mengingatkan walaupun keadaan keselamatan negara terkawal pada keseluruhannya ini tidak pula bermakna ancaman ini terhadap keutuhan negara tidak ujud lagi.

Dalam hubungan inilah, rapat-rapat umum ini diharamkan agar mana-mana pihak yang anti-demokrasi, subversif atau anti-nasional tidak dapat menggunakannya sebagai landasan mencapai matlamat-matlamat mereka yang tidak di ingini lagi jahat itu.

PENGISYTIHARAN HARTABENDA

40. Tuan Wong Hoong Keat minta Perdana Menteri menyatakan jumlah Menteri Timbalan Menteri dan kakitangan Kerajaan yang belum mengisytiharkan hartabenda mereka masing-masing dan sama ada ianya termasuk semua Senator, Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang dikehendaki mengisytiharkan hartabenda mereka; jika tidak, mengapa.

47. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sama ada semua Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen telah mengumumkan harta-benda mereka kepada beliau dan sama ada penyiasatan telah dijalankan ke atas semua borang pengisytiharan; jika sudah, apakah keputusan siasatan itu.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Saya telahpun menjawab soalan-soalan ini semasa menjawab soalan No. 5 daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 9-3-1982. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

PELAJARAN AGAMA ISLAM DI SEKOLAH RENDAH/MENENGAH

41. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan pelaksanaan 3M di sekolah-sekolah pada masa ini berapa peratuskah masanya yang diperuntukkan kepada Pelajaran Agama Islam di Sekolah Rendah dan di Sekolah Menengah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Masa yang diperuntukkan bagi matapelajaran Agama Islam dalam Kurikulum 3M adalah seperti berikut:

Bagi Tahap I (Tahun 1 hingga 3) ialah 150 minit seminggu iaitu 11.4%.

Bagi Tahap II (Tahun 4 hingga Tahun 6) ialah 150 minit seminggu iaitu 10.4%. Masa bagi matapelajaran Agama Islam dalam Tahap II ini adalah sama dengan masa dalam Tahap I tetapi peratusnya berkurangan kerana jumlah masa keseluruhannya adalah bertambah untuk matapelajaran Alam dan Manusia yang mula diajar dalam Tahap II. Masa yang diperuntukkan bagi matapelajaran Agama Islam di Sekolah Menengah menurut kurikulum sekarang ialah 120 minit seminggu iaitu 6.7%.

PELAKSANAAN KURIKULUM SISTEM 3M-MASALAH

42. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah masalah-masalah yang timbul dalam pelaksanaan kurikulum sistem 3M dan apakah usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah itu.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Di antara masalah-masalah yang telah dapat dikesan setakat ini berkaitan dengan pelaksanaan Kurikulum 3M ialah setengah-setengah ibubapa mendapat gambaran yang tidak betul mengenai kurikulum ini. Bagi mengatasinya Kementerian Pelajaran telah menyediakan risalah-risalah soal-jawab yang disebarkan kepada orang ramai melalui Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan Jabatan Penerangan.

Selain daripada itu masalah yang timbul adalah masalah-masalah pentadbiran biasa, misalnya kesesakan bilik darjah di setengah-setengah sekolah terutamanya di bandar-bandar. Untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini satu Jawatankuasa Pelaksanaan peringkat Kementerian telah ditubuhkan bagi meneliti dan mengambil langkah-langkah yang perlu dengan sewajarnya.

**PENYELUDUPAN BARANG-BARANG
KE LUAR NEGERI**

43. Tuan Haji Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan segala kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Jabatan Kastam dalam usaha mencegah kegiatan penyeludupan barangan sama ada ke dalam dan ke luar negara ini sejak tahun 1981 lalu dan nyatakan juga jumlah banyak/berat dan nilainya barangan yang telah dirampas dalam kegiatan penyeludupan itu.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah mencapai kejayaan-kejayaan yang membanggakan dalam kegiatan mencegah penyeludupan sama ada ke luar negeri ataupun ke dalam negeri dalam tahun 1981. Kejayaan-kejayaan ini diterangkan oleh perangkaan-perangkaan yang diperuntukan di bawah:

ANGKA-ANGKA KEJAYAAN PENCEGAH 1981

1. DAKWAAN-DAKWAAN:

	Bil. Orang-orang yang Didakwa	Bil. Orang-orang yang Didapati Salah	Denda-denda yang Dijatuh	Denda-denda yang Dibayar
Akta Kastam 1967	281	179	\$1,068,192.70	\$553,470.80
Akta Dadah Berbahaya	13	3	1,500.00	—
Akta Membarui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976	6	3	3,000.00	—
Akta Cukai Jualan 1972	1	1	1,200.00	1,200.00
JUMLAH ..	301	186	\$1,068,892.70	\$554,670.80

2. BARANG-BARANG YANG DIRAMPAS DAN YANG DILUCUT:

Candu Mentah	93 kg 161 gms
Candu Masak	13 kg 649 gms
Morphine	1 kg 650 gms
Heroin	4 kg 797 gms
Ganja	87 kg 366 gms 4,525 pokok
Kenderaan	(Bil.) 216 (Harga) \$1,319,014.38
Perahu	(Bil.) 17 (Harga) \$44,050.00
Tembakau	(Harga) \$8,377.52 (Cukai) \$6,205.25
Kain-kain dan Pakaian	(Harga) \$286,100.18 (Cukai) \$108,750.90
Alat-alat Solek	(Harga) \$7,890.64 (Cukai) \$581.49
Jam Tangan	(Harga) \$6,465.00 (Cukai) \$1,186.42
Intan Permata	(Harga) \$122,614.70 (Cukai) \$18,889.06
Bijih Timah	(Jumlah) 35,934.32 kg (Nilai) \$1,367,579.21 (Cukai) \$190,594.02
Lain-lain Barang	(Harga) \$1,149,673.27 (Cukai) \$382,074.35

sekolah seluruh Malaysia sedang diawasi dengan rapi oleh pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran di peringkat Pusat dan juga peringkat negeri. Satu Jawatankuasa Pelaksanaan telah ditubuhkan bagi mengesan pelaksanaan kurikulum ini. Laporan-laporan awal yang diterima oleh Jawatankuasa ini menunjukkan reaksi yang positif dari kalangan murid-murid terhadap Kurikulum 3M ini.

SISTEM 3M—GOLONGAN PENENTANG

48. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh kerana lebih kurang 6 juta orang bukan Bumiputra menentang pelaksanaan sistem 3M di dalam Sekolah China dan Tamil adakah Kerajaan akan menghapuskan sistem tersebut dengan sertamerta.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Adalah tidak benar kurang 6 juta orang bukan Bumiputra menentang Pelaksanaan Kurikulum 3M di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil. Timbulnya golongan-golongan yang tertentu yang menentang Pelaksanaan Kurikulum 3M ini adalah disebabkan mereka itu tidak memahaminya dengan jelas. Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan Pelaksanaan Kurikulum 3M ini.

SISTEM 3M—PERBINCANGAN

49. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi sebab-sebab mengapa pihak polis mengharamkan mesyuarat-mesyuarat mengenai 3M di Dewan Perhimpunan China Selangor di Kuala Lumpur pada 14-2-1982, dan di Ipoh pada 11-2-1982 di bawah Peraturan Kawasan Keselamatan dan sama ada hampir-hampir satu pengharaman dikenakan ke atas perbincangan-perbincangan oleh orang-orang awam mengenai 3M kecuali untuk menyokong dan memuji sistem tersebut.

Dato' Musa Hitam: Soalan yang hampir sama telah dijawab oleh Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 9hb Mac, 1982 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

SISTEM 3M—JAWATANKUASA PELAKSANAAN

50. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah asas yang akan digunakan untuk mengesan kesan-kesan sistem 3M yang sedang dilaksanakan ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pelaksanaan yang salah satu daripada tugasnya ialah untuk mengawasi pelaksanaan Kurikulum 3M ini, di sekolah-sekolah dan menilainya. Pegawai-pegawai yang terlibat dalam mengesan pelaksanaan ini adalah membuat lawatan pemerhatian di sekolah-sekolah untuk mengumpulkan pelbagai maklumat yang diperlukan bagi menilai kemajuan murid.

SISTEM 3M—PELAJARAN BAHASA INGGERIS

51. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian akan berikhtiar untuk mengatur semula waktu pengajaran sistem 3M yang wujud sekarang di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil supaya murid-murid dapat diajar bahasa Inggeris mulai darjah I di sekolah-sekolah berkenaan; jika tidak, mengapa.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Pelajaran Bahasa Inggeris mula diajarkan di sekolah-sekolah rendah seperti yang berjalan sekarang. Ini adalah perakuan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet (1979). Bahasa Inggeris mula diajarkan di Tahun Ketiga di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan (Tamil). Dalam Kurikulum 3M murid-murid Tahun Satu diberi masa yang lebih untuk pelajaran bahasa pengantar masing-masing. Ini adalah disebabkan murid-murid dikehendaki menguasai kemahiran bahasa pengantar iaitu Bahasa China bagi murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan Bahasa Tamil di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) terlebih dahulu. Di samping itu murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan (Tamil) juga dikehendaki mempelajari Bahasa Malaysia mulai tahun I. Oleh itu pengajaran Bahasa Inggeris di Tahun Ketiga adalah wajar dan ini tidak akan membebankan murid-murid.

**MENTERI/TIMBALAN/SETIAUSAHA
PARLIMEN—LETAK JAWATAN
DI SEKTOR SWASTA**

52. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen dikehendaki meletakkan segala jawatan yang dipegang mereka dalam syarikat-syarikat swasta, koperatif-koperatif dan sebagainya apabila mereka memegang jawatan sebagai Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen memegang jawatannya, mereka terlebih dahulu dikehendaki meletakkan segala jawatan yang dipegang oleh mereka seperti memegang jawatan sebagai Pengarah Syarikat kecuali Pengarah Kehormat, dan juga tidak dibenarkan memegang jawatan yang bergaji dalam Kesatuan Sekerja atau menyertai secara aktif dalam urusan-urusan Kesatuan Sekerja, dan seterusnya dikehendaki memutuskan segala hubungan secara aktif dalam perniagaan persendirian atau kerja-keraja ikhtisas dalam masa ia memegang jawatan itu.

USUL

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA
KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat

mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Ke bawah Duli kerana Titah Ucapan Ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kelima”. (9hb Mac, 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Majlis ini ditangguhkan pada petang semalam Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu sedang menyampaikan ucapannya dan sekarang saya jempit menyambung.

3.36 ptg.

Datuk Dr Wong Soon Kai (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya dengan memberi pandangan pada sistem 3M. 3M ertinya membaca, menulis dan mengira, tiga kemahiran asas yang paling mustahak bagi pelajaran rendah. Tujuan yang diperakui oleh Kerajaan mengenalkan sistem ini seperti tajuknya itu ialah untuk menitikberatkan sepenuhnya ke atas pengajaran ketiga-tiga unsur ini di sekolah-sekolah rendah menerusi satu kaedah dan kurikulum baru supaya taraf murid-murid rendah akan diperluaskan lagi dalam ketiga-tiga kemahiran asas pelajaran ini. Walau bagaimanapun sistem 3M yang dilaksanakan di negara kita masa ini sebagai satu projek bantuan atau percubaan khasnya di sekolah-sekolah rendah aliran bahasa cina telah pun menimbulkan pertikaian kebimbangan, kekhawatiran, kecaman dan bantahan di kalangan rakyat jelata khasnya di masyarakat Cina. Hampir semua parti dan pertubuhan politik para pemimpin masyarakat pendidik ibubapa di masyarakat Cina kebanyakkan telah pun menyuarakan kebimbangan dan kecaman tertentu terhadap kurikulum dan kaedah pengajaran yang baru itu. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan pada hari kelmarin di Dewan yang mulia ini telah memberi penjelasan yang sepenuh-penuhnya terhadap sistem 3M, tetapi dia telah mengatakan bahawa semua teguran dan pandangan yang membina akan mendapat perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan.

Di sini saya ingin menerangkan perkara-perkara berikut untuk pertimbangan oleh pihak Kerajaan:

Pertama, kekurangan buku teks tertentu selain daripada buku hisab adalah menjadi satu masalah. Ibubapa murid tidak senang hati kerana mereka sukar hendak mengawasi atau membantu anak-anak mereka belajar di rumah sebagaimana yang telah mereka lakukan di masa lalu. Oleh itu maka adalah dicadangkan supaya disediakan lebih banyak lagi alat-alat mengajar bantuan dan buku-buku teks yang standard untuk murid-murid membawa balik ke rumah.

Kedua, guru-guru pula hanya diberikan buku-buku panduan am dan khas untuk mengasaskannya. Akhirnya mereka sendiri terpaksa menyedia, merancang dan mengadakan alat-alat bantuan dan kandungan buku tersebut. Sementara itu pula mereka tidak diberikan latihan yang secukupnya, hanya 10 hari dan dari itu terdapat banyak guru yang kurang cekap, tetapi mereka ditugaskan mengajar sistem baru itu. Adalah dirasakan bahawa sistem 3M ini kalau dilaksanakan di semua sekolah rendah aliran bahasa Cina pada tahun hadapan akan menghadapi lebih banyak kesukaran dan masalah daripada yang telah dijangkakan oleh Kerajaan pada mulanya. Misalnya darjah-darjah yang terlampau sesak, kekurangan latihan untuk para guru, alat-alat bantuan sumber buku-buku teks yang tidak mencukupi untuk mengajar dan kandungan pengajaran yang tidak sesuai dan sebagainya. Oleh itu maka satu tempoh yang lebih panjang dari masa setahun hendaklah diberikan untuk mengkaji, menilai dan membuat penyesuaian serta pindaan yang sewajarnya kepada kurikulum dan kaedah mengajar sebelum ianya dilaksanakan secara luas.

Ketiga, meskipun dalam sekoiah-sekolah rendah Cina bahasa pengantarnya di samping Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris ialah bahasa Cina tetapi semua buku panduan yang telah dikeluarkan kepada guru-guru adalah dalam Bahasa Malaysia dari mulanya selain dari teks bahasa Cina. Tidak semua guru di Sarawak masa ini yang cekap memahami teks Bahasa Malaysia sepenuhnya. Dari itu

maka adalah mustahak bahawa buku-buku panduan am dan khas dan buku-buku sumber untuk sekolah rendah Cina itu diterbitkan dalam Bahasa Cina. Kalau tidak, taraf pelajaran murid-murid itu sudah tentu akan merosot. Adalah difahamkan bahawa Jabatan Pelajaran kini sedang dalam proses mencetak kandungan buku ini ke dalam bahasa Cina untuk menolong guru-guru yang kurang cekap dalam Bahasa Malaysia. Saya mendesak pihak Jabatan Pelajaran supaya mempercepatkan urusan ini.

Keempat, di bawah sistem lama tiga bahasa iaitu Bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Inggeris diajarkan dari Darjah I di Sarawak tetapi dibawah sistem 3M masa yang diperuntukkan mengajar Bahasa Malaysia pula tidak ditambah dan sebaliknya meskipun masa mengajar bahasa Cina telah ditambah tetapi masa untuk bahasa Inggeris pula telah banyak dikurangkan. Kebanyakan ibu bapa berpendapat bahawa anak-anak mereka sanggup dan dapat memikul beban belajar tiga bahasa dalam keadaan yang hebat itu seperti di bawah sistem lama. Oleh yang demikian mereka memohonkan supaya mata-mata pelajaran bahasa Inggeris dimulakan dari Darjah I dan masa yang diperuntukkan untuk matapelajaran itu janganlah banyak dikurangkan.

Taraf bahasa Inggeris memanglah dianggap sangat penting kerana tanpa mempunyai satu asas yang baik dalam bahasa Inggeris mereka merasakan murid-murid akan menghadapi masalah untuk menandingi murid-murid aliran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah menengah nanti dan akan mempunyai peluang yang sedikit atau langsung tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri masa hadapan. Oleh itu maka saya menyeru pihak Kementerian Pelajaran supaya memberi pengenduran untuk sekolah-sekolah rendah bantuan menambahkan waktu mengajar bahasa Inggeris dengan menggunakan jadual waktu bebas (free period) untuk diperuntukkan kepada mereka.

Kelima, ramai rakyat keturunan Cina berasa bimbang yang anak-anak mereka di sekolah akan kehilangan identiti kebudayaan

Cina di bawah sistem 3M yang dicadangkan itu. Adalah dirasai bahawa dalam proses mewujudkan satu identiti kebangsaan Malaysia yang mana ia telah diterima secara luasnya, maka satu pendekatan yang liberal hendaklah diikuti dalam perkara-perkara kebudayaan seperti kesenian, muzik, pengajaran moral dan sebagainya supaya pengajaran ke atas berbagai-bagai bentuk nilai kebudayaan dan tradisi Cina di sekolah-sekolah rendah Cina dapat dimasukkan dengan secukupnya dalam kurikulum.

Keenam, para guru perlu memberikan perhatian dan pengawasan peribadi yang rapat terhadap sistem 3M yang telah diperkenalkan ke atas murid-murid mereka dari apa yang telah dibuatkan di bawah sistem lama. Pada masa ini bilangan purata murid-murid dalam sebuah kelas di kawasan-kawasan bandar di Sarawak seperti di Sibul ialah seramai 55 orang. Bilangan ini adalah sangat ramai dalam sebuah kelas untuk para guru mengawasinya. Oleh itu bilangan bagi sebuah kelas hendaklah dikurangkan kepada 35 atau yang paling banyaknya 40 orang.

Dan ketujuh, pada amnya maka adalah dirasai bahawa program latihan guru-guru yang ada masa ini kurang menitikberatkan pengajaran bahasa Cina dalam kursus yang dikhaskan kepada bakal guru-guru sekolah rendah Cina. Oleh yang demikian pihak Kerajaan hendaklah membuatkan sesuatu yang positif supaya kursus untuk para guru pelatih yang akan mengajar di sekolah-sekolah rendah Cina akan menjamin satu pembekalan yang secukupnya bagi para guru yang cekap untuk sekolah-sekolah rendah masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya pengenalan sesuatu perkara yang baru ke dalam satu bidang yang memang sudah sangat sensitif seperti bidang pelajaran di negara kita ini sudah tentu akan menimbulkan keadaan kesangsian, kebimbangan dan kekuatiran. Dalam keadaan begini maka adalah penting bagi semua pihak yang berkenaan memelihara ketenangan menurut kenyataan dan kesabaran supaya perasaan dan emosi tidak akan menindas alasan atau sebab-sebabnya.

Dalam konteks sekarang maka adalah mustahak untuk menjamin bahawa bahasa ibunda pelajaran sekolah rendah di negara kita akan terus hidup dan keberibadian asasnya tidak akan terjejas.

Dalam hal ini saya sangat puas hati atas jaminan terus terang yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa Kerajaan tidak akan menjejaskan bahasa penghantar dan keberibadian sekolah-sekolah rendah jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Juga saya harap kebanyakan murid-murid daripada sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini akan dapat menikmati satu peluang yang baik sama seperti penuntut-penuntut aliran bahasa Malaysia untuk mendapatkan pelajaran yang lebih tinggi supaya mereka boleh menjadi sebahagian daripada rakyat sebuah negara yang bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh perkara kedua iaitu pengangkutan.

Pengangkutan darat, jalanraya dan jambatan

Semenanjung Malaysia masa ini mempunyai jalanraya dan jambatan yang lebih baik sekali jika dibandingkan dengan Sarawak. Memandangkan kemunduran negeri Sarawak dalam bidang pembangunan jalanraya, keadaan atau rupa bumi yang sukar dan kawasannya yang luas maka lebih banyak lagi peruntukan wang untuk pembinaan jalanraya dan jambatan jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Meskipun jalanraya utama (trunk road) dari Kuching ke Sibul, Bintulu dan Miri dijangka dapat dilalui pada awal tahun 1983, tetapi sebahagian besar dari jalanraya utama ini belum lagi dibubuh minyak tar. Semua orang yang menggunakan jalanraya ini faham betapa sukar melalui jalanraya tersebut.

Untuk memberi kesan yang maksima dalam mempercepatkan 'tempo' pembangunan di negeri ini maka jalanraya utama ini perlulah dilapiskan dengan secepat mungkin. Peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memperbaiki dan melapiskan dengan minyak tar jalanraya utama ini di bawah Rancangan Malaysia Keempat hanya berjumlah \$40 juta, yang

maknanya cuma cukup untuk memperbaiki dan melapiskan dengan minyak tar sebahagian kecil bagi seluruh jalanraya utama ini. Tambahan pula masih ada banyak lagi pembinaan jalanraya, jalan kecil, jalan kampung dan jalan luar bandar yang belum dilaksanakan. Oleh itu saya mendesak pihak Kerajaan Persekutuan supaya menambahkan peruntukan kepada satu peringkat yang lebih realistik semasa tempoh kajian semula pertengahan penggal, supaya satu 'tempo' atau kecepatan yang lebih cepat bagi pembinaan jalanraya dan jambatan di negeri Sarawak dapat dilaksanakan.

Buat masa ini kemampuan pihak Jabatan Kerjaraya Sarawak untuk melaksanakan bidang-bidang ini adalah baik dan boleh menjamin pelaksanaan yang memuaskan kiranya lebih banyak lagi peruntukan wang diperolehi.

Pengangkutan Sungai

Tuan Yang di-Pertua, tidak seperti di Semenanjung Malaysia semua mereka yang membuat perjalanan di Sarawak akan faham bahawa pengangkutan di sungai-sungai adalah sangat penting di sana. Sebenarnya kepada para penumpang dan muatan barang-barang, pengangkutan sungai memainkan satu peranan yang penting sama juga seperti pengangkutan darat. Manakala jumlah peruntukan Persekutuan untuk jalanraya dan jambatan di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Keempat itu adalah banyak walaupun tidak mencukupi tetapi tidak ada langsung yang diberikan untuk pengangkutan sungai misalnya untuk wharfs dan jetties.

Memandangkan segala kemudahan dan kesesakan yang tidak begitu baik seperti terdapat sekarang, maka adalah dirasakan bahawa peningkatan dan peruntukan bagi kemudahan wharfs dan jetties di pusat-pusat bandar dalam Sarawak sangat perlu untuk menampung keperluan memasar kegiatan-kegiatan sosial, kegiatan-kegiatan perdagangan, industri dan perkapalan yang pesat itu.

Sumber kewangan adalah terhad dan oleh itu maka bantuan daripada Kerajaan Persekutuan memang mustahak. Dengan demikian maka saya menyeru pihak Kerajaan

Persekutuan supaya menimbangkan peruntukkan wang yang secukupnya untuk tujuan ini.

Pengangkutan Udara

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak MAS, Syarikat Penerbangan kita yang tunggal, masih lagi menerima kecaman dan aduan terutama sekali semasa musim perayaan dan cuti sekolah.

Selain dari kesukaran hendak mendapatkan tempat duduk atau tiket penerbangannya juga selalu juga selalu ditangguh dan dibatalkan terutama sekali perjalanan dalam negeri. Kadang-kadang pula ini disebabkan oleh cuaca buruk dan tidak dapat hendak mendarat dan pada satu ketika pula disebabkan kerosakan kapalterbang. Kebanyakan dalam perkara begini memanglah tidak dapat dielakan. Walau bagaimanapun bila keadaan begini terjadi para penumpang terpaksa pula membuang masa yang banyak dan menunggu di lapangan terbang dalam perasaan yang suspense, gelisah dan bimbang. Adalah dirasakan bahawa untuk memperbaiki keadaan seperti itu maka beberapa cara patut dibuat untuk mengurangkan masa menunggu yang tidak dapat dipastikan, misalnya mendapatkan atau mengesahkan laporan keadaan cuaca yang lebih tepat dan betul supaya segala penerbangan boleh dijadualkan untuk mengurangkan keadaan cuaca yang tidak boleh mendarat di lapangan terbang tertentu. Apabila penangguhan itu tidak dapat dielakkan maka para pemumpang hendaklah diberitahu awal supaya mereka dapat membuat rancangan dan menggunakan masa menunggu itu dengan baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira mengatakan bahawa pada bulan-bulan yang lalu pihak MAS telah pun memperbaiki perkhidmatannya dengan begitu sempurna semasa musim-musim yang ramai itu. Namun demikian perancangan untuk menambah penerbangan bagi penumpang keperluan para penumpang di sektor Singapura, Kucing, Sibul, Bintulu dan Miri masih perlu

diperbaiki lagi. Oleh itu maka saya menyeru pihak MAS supaya memperbaiki perkhidmatan tempahan dan penerbangan di sekitar-sekitar ini.

Perkhidmatan Perubatan

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak masih lagi kekurangan doktor khususnya pakar-pakar perubatan. Pencegahan Primary (primary care) para pesakit memerlukan satu pendekatan peribadi (personal touch). Oleh itu adalah sangat tidak memuaskan kalau seorang doktor atau pakar itu terpaksa dipindahkan bertugas atau ditukarkan dalam satu tempoh yang pendek. Keadaan begini tidak boleh baik untuk pesakit-pesakit dan juga kakitangan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya rujukan khas kepada hospital umum Kerajaan di Sibu. Semenjak doktor bedah meletakkan jawatannya di pertengahan tahun 1981 tiga orang doktor bedah telahpun ditugaskan ke hospital ini seorang demi seorang dalam tempoh beberapa bulan sahaja. Tidak perlu saya menerangkan ini tetapi orang-orang awam yang sakit di Sibu tidak puas hati dengan keadaan seperti itu. Oleh itu saya menyeru Kementerian Kesihatan supaya menempatkan seorang doktor bedah untuk bertugas di Sibu bagi tempoh yang lama dan di samping itu pula menambahkan bilangan kakitangan profesional yang lain kepada peringkat yang sama dengan mereka yang ditugaskan dalam hospital-hospital umum di Semenanjung Malaysia.

Satu lagi aspek mengenai hospital umum Kerajaan di Sibu ialah alat-alat pembedahan kerana saya telah difahamkan bahawa ini adalah tidak cukup dan tidak sempurna, misalnya perkakas dan alat pembedahan dan orthopaedic yang tertentu. Pada masa ini doktor bedah di sana terpaksa menggunakan perkakas dan alat yang paling lama yang mungkin pecah dan tumpul dan ada pula yang lebih 20 tahun lamanya untuk membuka tengkorak, menyador atau menyambung dan memaku tulang-tulang yang pecah dan lain-lain cara pembedahan yang biasa.

Dalam hal ini saya menyeru pihak Kementerian Kesihatan supaya memberi perhatian yang sewajarnya kepada keperluan menyediakan alat-alat pembedahan dan segala kelengkapan perubatan lain yang terbaru sekali di Hospital Umum Sibu.

Walau bagaimanapun kebijakannya seorang doktor atau Doktor Bedah itu tanpa alat-alat dan kelengkapan yang cukup dia tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Perkara yang akhir sekali, saya ingin menyentuh ialah perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan adalah sangat mustahak untuk pembangunan, kemajuan dan kemakmuran yang mana ianya akan menjamin sebuah negara yang teguh dan bahagia. Semenjak awal hinggalah sekarang negara kita sentiasa membuat seruan supaya mewujudkan perpaduan yang lebih kukuh. Dalam kita menghadapi segala cabaran politik, ekonomi dan sosial hari ini semua warganegara Malaysia hendaklah sanggup bekerja kuat untuk satu tujuan perpaduan demi kebaikan negara kita.

Dalam hubungan ini negara dan rakyat kita adalah bernasib baik kerana kita mempunyai satu Kerajaan sekarang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang bijak dan berdedikasi untuk mewujudkan satu pentadbiran yang bersih, cekap dan licin kearah kemajuan, kemakmuran dan perpaduan. Marilah kita menunjukkan sifat saling menghormati, persefahaman, toleransi dan taat setia kepada raja dan negara dan marilah kita bersedia untuk mengorbankan tenaga, masa dan kesenangan kita demi kepentingan dan penyelesaian masalah dan kesukaran negara kita. Adalah dipercayai sepenuhnya bahawa masa untuk satu pilihanraya mungkin sudah tiba tidak lama lagi. Oleh yang demikian maka adalah perlu bahawa semua pemimpin-pemimpin dan rakyat kita mestilah sentiasa ingat akan nasihat dan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya sentiasa bersatu padu mewujudkan perpaduan dan kesetiaan dalam kegiatan-kegiatan dan pemikiran politik kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jasin. Dan oleh sebab ramai Ahli-ahli Yang Berhormat Yang hendak mengambil bahagian dan supaya seberapa ramai boleh mengambil bahagian dalam perbahasan ini maka saya hadkan seorang ahli bercakap tidak lebih daripada 30 minit.

4.03 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin): Tuan Yang di-Pertua, Kanun Tanah Negara hendaklah disemak semula untuk diperbaiki. Mengikut Kanun Tanah Negara yang ada sekarang pengambilan tanah oleh Kerajaan adalah mengikut harga pasaran. Sudah pasti tanah kepunyaan bangsa Melayu di bawah geran EMR (Malay Reservation) dibayar dengan harga yang jauh lebih murah jika dibandingkan dengan tanah-tanah lease ataupun freehold. Pindaan baru patut diwujudkan supaya membolehkan tanah-tanah Malay Reservation itu mendapat harga yang sama atau lebih tinggi jika di bandingkan dengan harga tanah lain-lain geran yang saya sebutkan tadi.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kedapatan juga sekarang ini beberapa banyak kawasan-kawasan terutama di dalam bandar tanah terbiar tidak dapat dimajukan disebabkan tidak ada persefahaman di antara pemilik-pemilik tanah tersebut untuk memajukan tanah mereka itu. Tanah ini mungkin akan terbiar selama-lamanya padahal tanah-tanah sangatlah berharga untuk pembangunan bukan sahaja berfaedah kepada Kerajaan tetapi juga berfaedah kepada tuan punya tanah itu sendiri.

Satu peruntukan baru dalam Kanun Negara patut diwujudkan untuk membolehkan Kerajaan bertindak bagi memajukan tanah-tanah yang seperti itu. Jika sekiranya ianya tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara.

Dalam perindustrian pula, saya memohon supaya Kerajaan mengadakan satu skim untuk membantu mana-mana syarikat yang telah lumpuh tetapi ada harapan untuk maju semula jika diberi bantuan. Kerajaan boleh

mendapatkan kembali wangnya apabila syarikat-syarikat tersebut mendapat kemajuan. Perkara ini saya anggap perlu kerana apabila sesebuah syarikat ditutup akan meninggalkan ramai penganggur-pengangur yang mana berlawanan dengan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat. Skim ini juga jika diwujudkan juga akan menjadi tenaga pendorong untuk memberanikan lebih ramai bumiputra menerjunkan diri dalam perindustrian. Kerajaan juga patut menimbangkan bagi mengadakan satu skim sebagai satu insentif yang boleh menimbulkan satu semangat perlumbaan di antara syarikat-syarikat yang besar dalam negeri ini iaitu dengan mengadakan sebarang apa juga bentuk hadiah atau kemudahan ataupun bagi mereka yang boleh mengeluarkan barang-barang yang terbanyak untuk dieksport. Jika ini dapat diwujudkan akan menimbulkan semangat baru untuk memperbanyakkan barang-barang eksport yang akan menimbulkan perolehan negara yang lebih banyak. Kerajaan hendaklah bertindak lebih cergas dengan mengadakan rundingan-rundingan dengan negara asing manakala didapati ada ahli-ahli perniagaan dari Malaysia yang ingin mengambil bahagian perniagaan di negara asing. Kerajaan patutlah memimpin ahli-ahli perniagaan bagi menggalakkan mereka untuk mengambil bahagian kerja-kerja kontrek di negara-negara asing. Kalau perlu satu peruntukan khas patut diwujudkan untuk menjalankan skim tersebut.

Badan-badan kewangan berlesen di negara ini mempunyai kemampuan dari segi kewangan dan kepakaran tenaga dalam bidang perniagaan. Badan-badan ini hendaklah dibenarkan memiliki saham dalam syarikat swasta terutama syarikat bumiputra yang baru memulakan perniagaan sebagai trustee maka adalah disyorkan peraturan Banking Regulations 1968 berkaitan dengan perkara ini hendaklah dikaji semula agar peranan yang lebih positif dapat dimainkan oleh badan-badan kewangan tersebut.

Caruman EPF oleh majikan dan pekerja hendaklah dipertingkatkan daripada yang ada sekarang iaitu daripada 11% oleh majikan

dan 9% oleh pekerja dipertingkatkan lagi kepada 17% oleh majikan dan 13% oleh pekerja. Langkah ini jika dilaksanakan akan memberi faedah kepada pencarum-pencarum dan juga kepada Kerajaan sendiri. Pencarum-pencarum akan dapat berjimat dengan menyimpan wang yang lebih banyak dan bagi pihak Kerajaan pula mendapat faedah kerana dapat menggunakan wang simpanan yang lebih banyak dan akan memberi faedah juga kepada Kerajaan. Pada masa ini potongan cukai atas wang pertaruhan EPF dan premium insuran adalah terhad kepada \$3,500 sahaja setahun bagi setiap orang. Saya mencadangkan supaya potongan cukai atas caruman perseorangan kepada EPF tidak dihadkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar wang negara mengalir ke luar negeri melalui syarikat-syarikat insuran. Pada masa ini didapati syarikat-syarikat insuran tempatan tidak mampu hendak menjalankan perniagaan insuran yang besar. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat insuran luar negeri yang berkemampuan memperolehi perniagaan tersebut dan dengan demikian wang negara banyak mengalir ke luar negeri. Sudahlah sampai masanya bagi Kerajaan untuk memikirkan dan mencari sesuatu jalan bagaimana hendak mengatasi masalah ini. Saya berpendapat apakah tidak boleh Kerajaan mengadakan joint venture melalui apa jua agen yang difikirkan patut dengan syarikat insuran tempatan atau swasta bagi mengambil perbelanjaan besar yang disebutkan itu untuk memberhentikan pengaliran wang yang begitu banyak ke luar negara.

FIC (Foreign Investment Committee) dan CIC (Capital Investment Committee) telah ditubuhkan sejak 12 tahun yang lalu dengan tujuan untuk memastikan bahawa pemindahan hakmilik perniagaan dalam negeri ini berjalan mengikut Dasar Ekonomi Baru tetapi kedua-dua badan tersebut, Tuan Yang di-Pertua, telah ditubuhkan dengan tidak dikuatkuasakan oleh undang-undang. Saya mencadangkan supaya kedua-dua badan tersebut ditubuhkan mengikut cara demikian semua pertukaran hakmilik tidak akan melepaskan diri daripada melalui FIC dan CIC.

Peraturan yang ada sekarang dalam pertukaran hakmilik yang berharga 1 juta ringgit ke atas dikehendaki mendapat kelulusan FIC terlebih dahulu. Peraturan ini adalah sesuai dibuat untuk 12 tahun yang lalu. Tetapi pada hari ini satu juta ringgit adalah merupakan satu kumpulan wang yang Kecil. Oleh itu, saya cadangkan supaya angka itu dinaikkan kepada 10 juta ringgit, bermakna segala pertukaran hakmilik 10 juta ringgit ke atas sahaja yang memerlukan kebenaran dari FIC dan CIC terlebih dahulu.

Saya cadangkan juga supaya ahli-ahli FIC dan CIC ini dilantik daripada mereka yang boleh bekerja sepenuh masa supaya keputusan-keputusan boleh dibuat dengan segera. Kelambatan kedua-dua badan tersebut membuat keputusan boleh menggendalakan perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sektor-sektor industri yang berasaskan tenaga buruh yang menggunakan tenaga banyak buruh yang tidak mempunyai kemahiran hendaklah digantikan dengan machine ataupun jentera di dalam proses pengeluarannya. Syarikat boleh mengurangkan tenaga pekerja dengan menggunakan robot-robot dan aliran pemasangan automatik.

Walaupun sedikit kemajuan telah dibuat ke arah pengeluaran secara automatik di dalam industri-industri tertentu, Kerajaan seharusnya mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk mencapai peringkat mekanisma yang lebih tinggi lagi di dalam semua sektor-sektor perkilangan oleh sebab Malaysia sekarang sudah mula menghadapi kekurangan tenaga buruh di sektor-sektor tertentu.

Ini menyakinkan lagi kepada kita bahawa sistem ekonomi pertandingan bebas (free enterprise) dan terbuka adalah satu sistem yang sangat baik. Untuk membantu industri tempahan lebih maju lagi Kerajaan harus menambahkan lagi pinjamannya melalui Skim Kewangan Industri Kecil-kecilan.

Sebagai sebuah kuasa ekonomi yang kecil seperti Malaysia cara yang paling baik bagi mengatasi perlindungan perniagaan ialah dengan meningkatkan daya pengeluaran kita.

Oleh kerana itu barangan kita akan terus dapat bertanding dari segi harga dan mutu meskipun terhadap halangan-halangan dan rintangan daripada perlindungan (protectionism). Kita perlu memperkemaskan atau memperkembangkan eksport dengan memperluaskan pasaran yang ada dan mencari pasaran-pasaran baru bagi mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara kita.

Dalam jangka panjang, setelah kita menyusun semula ekonomi dan bergerak menuju ke arah pengeluaran barang-barang yang mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi, kita akan kurang terjejas daripada perlindungan (protectionism).

Kita seharusnya mengetakan kemudahan-kemudahan perhubungan bagi perkhidmatan kewangan antarabangsa. Pada masa ini perniagaan yang seperti ini berjalan amatlah kecil di negara kita ini, padahal ini merupakan satu peluang memberikan keuntungan besar kepada negara.

Juga, penekanan patut diberikan terutamanya kepada pembangunan, pasaran pertukaran wang asing dan pasaran wang pinjaman (loan syndication market).

Perkembangan di dalam kedua-dua bidang tersebut boleh diperkuatkan lagi dengan penyertaan pakar-pakar luar negeri dan kemudahan-kemudahan perkhidmatan yang sedia ada seperti mutu percetakan yang tinggi dan kemudahan-kemudahan teknologi atau telekomunikasi yang lebih baik.

Saya fikir penekanan ke atas pembangunan dan latihan tenaga manusia adalah faktor terpenting di dalam menyusun semula ekonomi kita dan di dalam mencapai matlamat-matlamat kita sepenuhnya.

Setelah kita mengadakan program tersebut kita mestilah memberi masa untuk melihat kejayaannya. Sementara itu kita hendaklah memastikan program-program itu dapat menyediakan tenaga manusia yang boleh mengekalkan pembangunan ekonomi dan sosial di tahun-tahun akan datang.

Dasar kita ialah untuk bebas dari bergantung dengan tenaga buruh asing. Dengan demikian kurangnya pertumbuhan tenaga buruh tempatan di masa akan datang, kita hanya boleh mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi tanpa buruh asing jika sekiranya kita dapat meningkatkan daya pengeluaran pekerja-pekerja kita.

Industri pembinaan pula, Tuan Yang di-Pertua, mestilah bergerak dengan cergas ke arah lapangan pembinaan secara "prefabricated". Meluasnya penggunaan pembinaan secara "prefabricated" ini memerlukan sokongan pelaburan di dalam kilang-kilang mengeluarkan bahan pembinaan. Agensi-agensi Kerajaan sepatutnya menggalakan pelaburan dalam bidang ini dan juga menimbangkan pemberian taraf perintis serta lain-lain galakan apabila perlu.

Sama ada industri pembinaan kita dapat menyahut cabaran ini adalah bergantung kepada kesanggupan pemborong-pemborong kita sendiri. Mereka mestilah meningkatkan kepakaran dan kemahiran pengurusannya.

Pemborong-pemborong kita juga hendaklah sanggup menggunakan cara-cara pembinaan yang lebih maju seperti yang didapati di negara-negara lain seperti Eropah, Jepun, Korea dan Amerika Syarikat. Kedudukan turun naik industri pembinaan menyebabkan bertambahnya ketidakpastian di dalam perniagaan pemborongan, dan keadaan ini tidak menggalakkan pemborong-pemborong melabur untuk jangka masa panjang.

Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan patut memulakan satu skim pemupukan golongan pemborong elite seperti yang terdapat di Jepun dan Korea. Pemborong-pemborong ini dibantu untuk mendapatkan pekerjaan pemborong yang berterusan atau panjang. Walau bagaimanapun pemborong-pemborong elite akan dikenakan syarat supaya mengambil pekerja-pekerja mahir dan professional secara tetap, menggalakan latihan kemahiran dan menggunakan cara pembinaan yang moden. Jika skim seperti ini berjaya, ia hendaklah diperluaskan kepada lain-lain sektor awam.

Dengan cara-cara yang saya sebutkan di atas industri pembinaan akan mendapat peluang yang saksama bagi menghadapi cabaran-cabaran di masa akan datang. Malaysia boleh menganggarkan jumlah bilangan rumah yang lebih banyak untuk semua lapisan rakyat jika perindustrian pemborongan ini dapat diperbaiki lagi mengikut jejak langkah yang sedang dilaksanakan oleh negeri-negeri maju, baik di barat ataupun di timur.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai politik tanah air kita, semalam saya telah mendengar ucapan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Petaling yang telah membidas Kerajaan kerana melarang bagi mengadakan rapat-rapat umum dalam pilihanraya di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Parti Perikatan—UMNO, MCA, MIC dan disambung dengan Parti Barisan Nasional pada hari ini boleh mendakwa diri kami sekalian adalah pejuang demokrasi di tanahair kita ini selain daripada pejuang-pejuang kemerdekaan. Kedua-dua parti inilah yang telah dapat menegakkan demokrasi di negara kita dan negara kita dipandang tinggi oleh seluruh dunia kerana merupakan salah satu daripada beberapa buah negara yang dapat menjalankan pemerintahan secara demokrasi tulen.

Tuan Yang di-Pertua, rapat-rapat umum telahpun diadakan dalam tiap-tiap kali pilihanraya daripada tahun 1955 sehinggalah pada tahun 1969, hanya selepas itu sahaja rapat-rapat umum ini telah diharamkan, ini disebabkan oleh keselamatan. Keselamatan yang dimaksudkan di sini ialah untuk menjaga nyawa rakyat daripada terkorban di atas perbuatan atau golongan parti-parti politik yang tidak menghiraukan nasib nyawa rakyat semata-mata untuk mengejar kerusi bagi duduk dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya ucapan-ucapan yang berbau perkauman yang boleh membangkitkan semangat benci-membenci di antara satu kaum dengan yang lain itu telah menyebabkan timbul pergaduhan dan kebimbangan kepada Kerajaan untuk membenarkan rapat umum diadakan dalam tanahair kita ini. Selagi parti

Pembangking memainkan semangat perkauman yang boleh merosak atau membahayakan nyawa rakyat di tanahair kita ini maka pada fikiran saya selama itulah patut Kerajaan menegah diadakan rapat-rapat umum itu sama ada rapat umum dalam pilihanraya akan datang boleh diadakan atau tidak bergantung kepada sikap parti-parti Pembangking dalam tanahair kita ini. Jika sekiranya mereka berhenti daripada memainkan api perkauman yang bahaya itu sudah pasti kita akan kembali kepada peraturan lama sebelum 1969.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.22 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Speaker, saya sangat tertarik bahawa beberapa aspek masalah pembangunan negara kita telah dinyatakan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda khasnya mengenai productivity dan isu-isu sensitif dan lain-lainnya. Di sini kita akan tertanya-tanya bahawa apakah yang sudah terjadi sejak kemerdekaan selama 24 tahun ini. Apakah sebabnya yang mengakibatkan bahawa isu-isu perkauman yang sensitif yang berhasutan ini masih diperapi-apikan dan dipermain-mainkan di kalangan hidup rakyat sehari-hari. Tentu ini adalah merupakan satu tandatanya yang perlu dijawab dan dikaji oleh setiap rakyat Malaysia, khasnya Kerajaan kita sendiri.

Tuan Speaker, saya tidak boleh menafikan bahawa selama 24 tahun sejak kemerdekaan di mana kita capai hingga hari ini masalah polarisasi kaum atau masalah perkauman bukan sahaja berkurangan tetapi kian meningkat. Ini bolehlah disaksi oleh kehidupan sehari-hari, baik dalam bidang pelajaran, politik, ekonomi, kebudayaan dan lain-lainnya.

Di sini saya adalah bertanggungjawab untuk menyeru Kerajaan kita, khasnya Dewan yang mulia ini bolehlah mengkaji semula dan review bahawa bagaimana kita boleh bersama-sama untuk mengatasi masalah perkauman yang sampai satu tahap yang sangat-sangat mengancam kestabilan politik dan keharmonian kehidupan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa ini. Saya tidak mahu melihat bahawa apa yang berlaku dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 1978 akan terus berlaku lagi di mana kita boleh saksi bagaimana kes ini sudah dibawa ke mahkamah.

Sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab, sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan taat setia bila kita dilahirkan, dibesarkan, diasuh dan dididik di Malaysia yang bercorak berbilang bangsa ini tentu kita perlu berkesedaran yang berkebangsaan, bukan lebih mementingkan kepentingan kaum daripada kepentingan kebangsaan.

Saya sungguh merasa sedih bahawa beberapa peristiwa sudah berlaku baru-baru ini di mana bukan sahaja perasaan suatu kaum sudah tersinggung, umpamanya peristiwa yang berlaku di Sekolah Menengah Ayer Molek di Melaka. Di sana kita boleh melihat bagaimana seorang guru sampai hatinya untuk menyinggung dan menyakitkan perasaan seramai 30 pelajar terdiri daripada keturunan kaum Cina dengan kata-kata yang begitu sensitive, seditious, yang perkauman boleh diutarakan terhadap anak-anak Malaysia yang diajar, yang di bawah asuhannya, umpamanya bagaimana pelajar kita boleh dimarahi dengan perkataan-perkataan seperti "Binatang! Kamu semua adalah dari kaum immigrant. Malaysia bukan untuk saudara semua tinggal. Baliklah ke negeri Tiongkok menjadi komunis".

Tuan Speaker, Malaysia adalah sebuah negara yang anti-komunis, bagaimana seorang guru sebagai seorang pengajar yang akan melahirkan, mengeluarkan anak Malaysia sebagai rakyat Malaysia yang tulen yang bertanggungjawab dan bertaat setia boleh di bawah asuhan seorang guru yang menyinggung perasaan sampai anak-anak

pelajar ini balik ke rumah tanya kepada ibu bapanya, "Bapa, di mana kita datang, di mana kita berasal. Adakah kita merupakan rakyat Malaysia?".

Tuan Speaker, perkara ini jika boleh berlaku di dalam bidang pelajaran sebagai bidang yang paling mustahak untuk membina Malaysia, sebagai negara yang berbilang bangsa, yang taat setia, bersatu padu, jika perkara ini dilanjutkan, diizinkan berlanjutan tentu isu masalah polarisasi kaum ini akan kian meningkat dan mengancam perpaduan rakyat negara kita. Saya ucapkan syabas bahawa tindakan yang diambil oleh Pengarah Pelajaran Negeri Melaka dalam masa 24 jam selepas laporan saya guru ini sudah dipindahkan (transfer) tetapi cukupkah hanya tindakan disiplin ini diambil dengan mentransfer seseorang guru yang boleh menyinggung, menyakitkan anak kita, suruh mereka balik Tiongkok menjadi komunis. Bagaimana boleh kedudukan seorang warganegara Malaysia dipersoalkan, bagaimana boleh ketaat setiaan seseorang rakyat Malaysia dipersoalkan lagi semenjak kemerdekaan 24 tahun?

Tuan Speaker, saya merasa sedih kerana melihat satu generasi baru yang sudah dilahirkan sejak kemerdekaan 24 tahun ini masih kita terdapat kaum pelampau ekstremis ultra, bukan sahaja dalam kegiatan politik tetapi juga di dalam bidang pelajaran. Sebab itu saya terpaksa bertindak untuk membuat satu laporan polis untuk merayu pihak polis bertindak segera untuk menyasat sejauh manakah ucapan-ucapan seditious ini boleh mengancam perpaduan rakyat negara kita. Saya merayu Menteri Pelajaran dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh menyasat pada keseluruhannya apakah ucapan guru ini, apakah motifnya seorang guru yang boleh salah asuh anak Malaysia kita. Jika sekiranya keadaan ini diizinkan berlanjutan ertinya anak-anak Malaysia yang berjuta-juta bilangannya di bawah salah asuhan seseorang guru atau satu gelintir pelampau apakah nasib akan tertimpa kepada negara kita?

Saya tidak mahu melihat perkara ini terus diizinkan sehingga kita tidak boleh mengawasi bahawa kestabilan politik, perpaduan negara kita akan diancam oleh

segelintir pelampau ultra, extremist ini. Saya akan berazam untuk memerangi segala bentuk gerakan perkauman tanpa pendirian parti politik mereka seperti mana yang saya bertindak terhadap seorang Wakil Rakyat di dalam Dewan yang mulia ini. Saya akan berazam terus memerangi kerana ini adalah tanggungjawab seseorang rakyat Malaysia bukan sahaja sebagai Wakil Rakyat Malaysia, ini adalah tanggungjawab semua rakyat Malaysia boleh menyambut baik Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya segala gerakan, segala komplot, segala kenyataan aktiviti perkauman atau pelampau ini boleh dikikiskan dari bumi Malaysia. Dan saya harap perkataan-perkataan kaum immigrant, kaum penumpang boleh diharamkan untuk penggunaan di Malaysia baik oleh mana satu kumpulan atau mana satu parti politik atau mana seseorang pun baik di dalam Dewan yang mulia ini atau di luar Dewan yang mulia ini untuk mempersoalkan lagi taraf kewarganegaraan Malaysia, untuk mempersoalkan lagi ketaatsetiaan seseorang warganegara. Sampai bila, manakah perkara ini boleh diberhentikan? Apakah sebabnya mereka masih lagi berwasangka dan mempersoalkan taat setia seseorang warganegara? Kita dilahirkan di Malaysia, tentu kita akan mati untuk tanahair kita. Takkan kita akan mencari foreign country atau akan menumpah darah untuk negara yang lain.

Bila kita bersumpah menjadi anak Malaysia, menjadi warganegara Malaysia maka kita perlu menganggap kita sebagai ahli dalam keluarga Malaysia. Saya harap peristiwa yang berlaku di Sekolah Menengah Air Molek ini bolehlah diambil berat oleh Kerajaan kerana saya sangat kluatir perkara ini sudah berlaku dalam bidang pelajaran. Apakah akan berlaku dalam bidang pembangunan ekonomi, dalam pembangunan politik, sosial dan lain-lainnya. Saya harap kita boleh sama-sama menerima nasihat daripada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya segala bentuk perkauman ini boleh diperangi habis-habisan tanpa pengiraan apakah atau gerakan kumpulan mereka, parti mereka atau organisasi mereka.

Mengenai productivity, saya adalah menyokong sepenuhnya seruan, cadangan dan pandangan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita boleh mempelajari bagaimana rakyat Jepun boleh memajukan negaranya sebagai negara yang kecil, yang berkurangan dalam sumber kekayaan alam semula jadinya. Itu tentu sangat baik untuk rakyat Malaysia mempelajari semangat rakyat Jepun untuk berdedikasi demi negara, masyarakat mereka dari segi productivity, tetapi yang lebih mustahak Kerajaan kita, negara kita ialah menitikberatkan bagaimana kita boleh mempertingkatkan, memperhebatkan productivity dalam semua bidang pembinaan negara kita, baik dalam bidang perindustrian, perdagangan, perniagaan, pembinaan atau apa-apa bidang pun; yang lebih mustahak ialah kita perlu menitikberatkan sistem merit tanpa pengiraan apakah keturunan kaum mereka, asal usulnya atau warna kulitnya atau taraf sosial mereka asalkan mereka adalah berkelayakan, bercompetant dan berpengalaman, mereka perlulah diberikan peluang untuk berkhidmat, berkorban dan menyumbang terhadap negara kita.

Saya di sini adalah mencadangkan bukan sahaja Kerajaan perlu mengharamkan penggunaan perkataan kaum immigrant, kaum penumpang dan lain-lain atau bangsa asing. Dan juga saya perlu mencadangkan kepada Kerajaan supaya istilah atau perkataan bumiputra dan bukan bumiputra ini boleh dikurangkan dari segi penggunaannya supaya rakyat tidak boleh dibeza-bezakan dengan istilah yang bercorak perkauman.

Jika sekiranya semua rakyat yang dilahirkan di Malaysia ini diterima dan dianggap sebagai rakyat Malaysia maka merekalah perlu diterima sebagai rakyat Malaysia yang setaraf dengan bangsa-bangsa yang lain. Apakah sebabnya kita masih membeza-bezakan rakyat kita yang berbilang bangsa dalam bidang-bidang yang tertentu di mana matlamat pembangunan, pembinaan negara kita adalah menuju kepada perpaduan negara.

Perpaduan rakyat adalah merupakan matlamat mutlak dalam bidang nation-building negara kita khasnya seperti mana yang disebutkan atau termaktub dalam Rancangan Malaysia Keempat atau termaktub dalam Pendahuluan Dasar Ekonomi Baru bahawa perpaduan rakyat iaitu national unity adalah merupakan objektif utama dari segi pembinaan negara kita. Saya harap penggunaan perkataan-perkataan ini jika boleh, bolehlah dikurangkan supaya rakyat tidak akan terasa tersinggung bahawa kepentingan mereka hanya diasaskan atau diambil kira dengan warna kulit atau keturunan bangsa mereka ditentukan.

Satu perkara lagi yang sangat sensitif, yang sangat kontroversal selama ini diperbincang-bincangkan ialah mengenai perkataan-perkataan yang digunakan dalam signboard.

Saya yakin seluruh Malaysia termasuk saya sendiri, termasuk 5 juta rakyat keturunan Cina adalah menjunjung tinggi taraf Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, sebagai bahasa ramai negara kita seperti mana yang tercatat dalam Perlembagaan Malaysia. Tidak seorang pun akan mempersoalkan kedudukan Bahasa Malaysia termasuk saya sendiri sejak tahun 1966 sebelum Akta Bahasa Kebangsaan digezetkan, saya sendiri sudah berinisiatif untuk mempelajari Bahasa Malaysia dari sanubari, dari hari saya sendiri kerana tidak seorang memaksa saya kerana saya sendiri mencintai, merasai sayang terhadap bahasa yang begitu indah. Tetapi saya harap di samping kita memupuk dan menggalakkan rakyat menggunakan dan mempelajari Bahasa Malaysia ini janganlah terlalu cepat atau ada merasai paksaan untuk signboard bahawa berapa besar sizenya Bahasa Malaysia perlu digunakan atau pada satu-satu signboard seperti mana yang berlaku di Johor Bahru, Melaka, Wilayah Persekutuan, Selangor dan lain-lain tempat. Saya harap jika sekiranya Kerajaan boleh melalui satu skim galakan insentif (incentive scheme) untuk menggalakkan, memperangsang rakyat menggunakan Bahasa Malaysia, saya fikir cara ini lebih berjaya dan berkesan daripada memaksa melalui undang-undang atau

peraturan bahawa di signboard ini perkataan Bahasa Malaysia perlu besar dua atau tiga kali ganda daripada bahasa-bahasa yang lain.

Saya sungguh merasa terperanjat umpamanya di Seremban, bila saya sampai di Seremban banyak road signboard ditulis Kota Raya dalam tulisan Jawi. Apakah salahnya kalau tulis Kota Raya dengan diromanise? Bukankah cara ini lebih baik untuk mengangap atau mengetahui rakyat mempelajari tulisan Jawi hanya Kota Raya. Berapa orang boleh faham apa maknanya tulisan Jawi ini. Tentu dari segi kita, kita boleh faham apa maknanya dari segi tulisan Jawi. Itu baik kalau boleh diromanisekan di bawah papan tanda itu ditulis "Kota Raya". Saya fikir lebih indah cara membuat begini. Saya harap apabila dari segi penggunaan bahasa ini jangan kita keterlampauan, atau keterlalu berniat melalui paksaan. Saya fikir tentu saya yakin dari pengalaman saya sendiri kalau melalui cara nasihat, melalui cara galakan, melalui cara muhibbah, saya yakin tentu matlamat Kerajaan bolehlah dicapai supaya perasaan seseorang tidak akan tersinggung.

Perkara yang lain pula mengenai 3M. Di sini saya perlu menegaskan bahawa tidak seorang pun termasuk masyarakat Cina menentang matlamat semangat prinsip 3M seperti mana yang tercatat dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet seperti perakuan 1, perakuan 3, perakuan 54 dan perakuan 57.

Tuan Speaker, yang mereka merasa kluatir ialah cara perlaksanaannya. Di sini saya perlu menarik perhatian Dewan yang mulia ini khasnya Kementerian Pelajaran kerana memandangkan sebanyak 1,399 unit sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di seluruh Malaysia ini kesemuanya masih kekurangan dalam semua bidang umpamanya guru-guru yang terlatih untuk mengajar 3M, perpustakaan, alat-alat perkakas, kelengkapan, bilik darjah dan lain-lain. Saya harap sebelum 3M boleh dilaksanakan pada tahun hadapan semua masalah ini boleh dapat diatasi. Inilah saya harap Kerajaan di bawah 2M ini boleh mengambil berat, apakah sumber membawa kebimbangan terhadap mereka. Saya mengucapkan syabas jaminan

penegasan penjelasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam sehingga kebanyakan keraguan pun dapat dikikis. Saya harap pintu Jawatankuasa Pelaksanaan ini boleh terbuka untuk rakyat menyalurkan segala cadangan mereka untuk memperbaiki sistem 3M ini.

Tuan Speaker, satu point lagi mengenai kebudayaan—yang saya sentuh ialah—saya welcome Jawatankuasa Kebudayaan di bawah Kementerian Kebudayaan ini. Saya harap satu perkara perlu diambil berat iaitu kebudayaan rakyat, kebudayaan nasional ini tidak boleh melalui formula paksaan untuk mencipta kebudayaan rakyat kita, Saya harap masalah ini boleh dibereskan untuk selamalamanya asalkan kebudayaan rakyat dari keturunan Malaysia ini tak kira apakah bangsanya asalkan mereka merupakan warganegara Malaysia maka kebudayaan mereka adalah otomatisnya dijadikan satu perkara kebudayaan nasional. Dan saya tidak faham apakah sebab tarian singa tidak boleh diterima sebagai kebudayaan nasional. Apakah salahnya tarian singa ini sebagai kebudayaan tradisi untuk masyarakat Cina di mana masyarakat Cina di Malaysia sebagai kumpulan rakyat Malaysia yang bertaat setia, tentu kebudayaannya perlu dipertimbangkan dan dimasukkan sebagai kebudayaan nasional kita. Saya harap perkara ini perlulah dipertimbangkan dan dimasukkan sebagai kebudayaan nasional kita. Saya harap perkara ini perlulah dipertimbangkan dan dikaji semula supaya unsur-unsur kebudayaan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa ini perlulah dijadikan asas kebudayaan kebangsaan Malaysia.

Satu point lagi ialah mengenai disiplin pasukan tentera kita. Sungguhpun bekas Menteri Pertahanan sudah memberi jaminan demi jaminan bahawa peristiwa-peristiwa yang sensitif yang berlaku di Kota Melaka itu tidak akan berlaku tetapi baru-baru ini telah berlaku sekali lagi di mana kaum penjaja, bus inspector masih dilukakan, dipukul oleh ahli pasukan tentera kita. Kita tentu menghormati pasukan pertahanan negara kita pada keseluruhannya kecuali segelintir sahaja. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pertahanan boleh mengadakan satu

penyiasatan pada keseluruhannya terhadap apakah yang berlaku terhadap Trendak Camp di Melaka di mana selalu berlakunya orang awam dipukul dan dianiaya oleh segelintir ahli-ahli pasukan tentera. Saya harap perkara ini boleh dibetulkan dan disiplin pasukan tentera kita boleh diperketatkan dan dipertingkatkan.

Satu point lagi ialah mengenai masalah perumahan. Saya harap Menteri Perumahan boleh bertindak segera untuk menyasat segala tuduhan aduan saya tentang beberapa housing scandal yang berlaku di Melaka di mana ada sekurang-kurangnya dua orang pemaju perumahan (housing developer) sudah melarikan diri sehingga keseluruhan projek tidak boleh dijalankan, terkandas, wangnya pun dilarikan. 4-5 tahun umpamanya di Taman Rakyat Pulau Sebang, Taman Farewell di Bukit Baru dan juga satu taman di Kota Melaka di kawasan saya. Saya harap loophole yang ada pada Akta Pemaju Pelesenan dan Pengawalan 1966 ini boleh direview dan diperbaiki atau dipinda semula supaya pemaju-pemaju swasta tidak akan melarikan diri sehingga orang ramai tertipu, kepentingan pembeli pun tidak boleh dijamin. Loophole dan kelemahan-kelemahan ini yang ternyata dalam Akta Perumahan ini perlulah dipinda. Saya harap umpamanya commercial property tidak ada terjamin di bawah akta yang berkenaan dan juga saya harap Bar Council Malaysia boleh menyasat bagaimana peguam-peguam (lawyer) boleh bertindak untuk pemaju dan juga pembeli. Ini nampaknya adalah pelanggaran dengan ethic professional lawyers di mana di Segamat, Gemas, Melaka dan Kuala Lumpur banyak aduan saya terima di mana lawyer-lawyer ini boleh bertindak berniaga untuk kepentingan pemaju juga untuk pembeli untuk buat satu agreement. Apakah ini boleh berlaku? Saya harap kalau mahu cari keuntungan pun jangan sehingga meruntuhkan kewibawaan dan kemurniaan pekerjaan sebagai seorang lawyer. Saya harap Bar Council Malaysia boleh menyasat tuduhan saya.

Satu point yang terakhir ialah mengenai pencemaran air di Kota Melaka, baru-baru ini yang melibatkan 500,000 orang penduduk

Kota Melaka yang berpunca daripada sebuah kilang getah Nadek. Saya harap pencemaran ini boleh dilayani dengan tindakan yang sewajarnya. Ini bukan kali yang pertama, bagaimanakah rakyat Kota Melaka boleh tahan untuk meminum air yang sudah dicemari oleh air kotor daripada sebuah kilang yang memproses getah. Saya harap Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar boleh bertindak tegas untuk menghadapkan kilang dan pengurus yang berkenaan kepada mahkamah. Manakah boleh perkara ini diizinkan "at the expense of the public." Saya berharap satu laporan dari siasatan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar boleh diumumkan.

Saya sudah diberi jaminan, katanya satu siasatan sedang dibuat tetapi apakah keputusannya. Ini perlu diketahui oleh orang ramai, kerana apa yang rakyat Kota Melaka khususnya dan Melaka umumnya yang bimbang ialah long term effect daripada air minuman yang mereka terminum yang dicurigai mengandungi bahan-bahan yang akan membawa cancer selepas 15-20 tahun sepertimana yang boleh dikesan di Europe umpamanya pregnant cancer. Bila kita minum air kotor yang sudah dicemari, air kotor yang terkandung sebahagian kimia yang sangat bahaya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada masa dua minit lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Sebenarnya saya sudah habis juga, saya harap Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar boleh memberitahu Dewan ini apakah tindakan yang sudah diambil terhadap kilang yang berkenaan. Bolehkah laporan ini diumumkan untuk pengetahuan Dewan dan rakyat Melaka yang berjumlah 500,000 orang? Mereka sangat khatir apakah efeknya bila mereka terminum air yang terkandung sebahagian kimia yang beracun. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

4.50 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul menyampaikan Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titahnya pada Penggal Parlimen ini.

Saya suka menyebut, Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling dalam ucapannya pada Dewan ini petang semalam. Ucapan itu pada umumnya mengandungi terlalu banyak paradox sehingga boleh mbinggungkan sesiapa juga yang mendengarnya. Ahli dari Petaling itu telah mensifatkan tahun 1980an sebagai dekad yang merbahaya bagi Malaysia kononnya oleh kerana bertambahnya tenaga-tenaga extremist dan chauvinist yang memegang kedudukan yang penting di dalam berbagai perkhidmatan Kerajaan, universiti dan lain-lain sektor penting.

Tuan Yang di-Pertua, anggapan ini sesungguhnya satu anggapan yang sangat pesimistik dan saya merasa sedih oleh kerana fikirannya yang pesimistik itu hendak ditanamkan pula kepada fikiran orang ramai terutama pengikut-pengikutnya yang extremist dan chauvinist.

Wakil dari Petaling juga telah menonjolkan dirinya sebagai seorang yang menentang extremism dan chauvinism, sebagai seorang pembela bagi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, berbilang bahasa dan berbilang kebudayaan. Tetapi di dalam ucapannya dan di dalam rekod perjuangannya di masa lepas tidak siapapun dapat menafikan bahawa terdapat banyak kesan-kesan sejarah yang menunjukkan bahawa beliau dan parti beliau lah yang sebenarnya meniupkan semangat trompet chauvinism dan perkauman, dan berusaha memusnahkan masyarakat berbilang kaum, berbilang bahasa dan berbilang kebudayaan yang cuba hendak dibentuk oleh Barisan Nasional. Tidak ada kenyataan yang lebih bohong daripada apa yang dibuat oleh wakil dari Petaling yang mengatakan bahawa di

kalangan Kerajaan sekarang telah terdapat extremists yang boleh membahayakan pembentukan sebuah Malaysia berbilang kaum, berbilang kebudayaan dan berbilang kepercayaan.

Tuan Yang di-Pertua, beliau telah menyebut tulisan seorang pensyarah daripada Universiti Malaya sebagai satu hujah untuk memperkuat anggapannya bahawa terdapat sekarang orang-orang chauvinist yang menduduki tempat-tempat penting di dalam Universiti. Sesungguhnya apa yang ditimbulkan oleh wakil dari Petaling itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu perbuatan yang sia-sia, satu perbuatan yang menunjukkan bahawa wakil dari Petaling itu sendiri tidak mempunyai toleransi terhadap kebebasan bersuara yang sentiasa diperjuangkan dalam negeri ini. Kalau beliau mengaku dirinya sebagai seorang yang memperjuangkan kebebasan melahirkan fikiran, kebebasan bercakap kebebasan bersuara dan menulis, beliau seharusnya mempunyai perasaan toleransi terhadap kebebasan orang lain untuk menulis apa jua perkara-perkara yang betul pada pandangannya, walaupun perkara-perkara itu tidak betul pada pandangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Apabila Ahli dari Petaling bercakap mengenai usaha membina satu masyarakat Malaysia yang bersatu dan mengutuk golongan-golongan extremist dan chauvinist di dalam Kerajaan, beliau sebenarnya mengutuk dirinya sendiri dan membuka tembelang pembohongannya kepada rakyat negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengajak kita melihat ke dalam "looking in words" sebagai syarat untuk kita membentuk satu penyatuan kebangsaan supaya kita boleh menggembeling tenaga bagi mencapai syarat-syarat penyatuan nasional, membina satu masyarakat yang bersatu dan saksama. Memandangkan ke dalam ini sepatutnya dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu sendiri jikalau beliau ingin menuduh orang lain sebagai chauvinist, perkauman dan sebagainya. Beliau harus melihat, mengukur dirinya sendiri apakah beliau tidak bersikap

demikian dan kalau beliau merasa beliau tidak mempunyai sifat-sifat chauvinism maka barulah beliau berhak untuk menuduh orang lain sebagai bersikap chauvinist.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak sesiapa pun menentang sebarang usaha masyarakat bukan bumiputra bagi memilih dan mengekalkan kebudayaan dan tradisi mereka selaras dengan kehendak Rukunegara. Itulah sebabnya maka UMNO dengan segala kerelaan hatinya menerima perjuangan berbagai kaum, berbagai kebudayaan di dalam Barisan Nasional. Masalahnya sekarang apabila kebudayaan dan tradisi bukan bumiputra itu terlalu ditekan-tekankan oleh kumpulan-kumpulan chauvinist seperti DAP, maka akan timbul kebimbangan di dalam masyarakat peri bumi, masyarakat bumiputra dan mereka akan mula bertanya apakah yang sebenarnya yang dikehendaki oleh Masyarakat bukan bumiputra dan apabila soal kebudayaan dan tradisi bukan bumiputra ini diberi tekanan yang melampau-lampau maka akan mula timbul perasaan keraguan di kalangan orang-orang bukan bumiputra sendiri terhadap kebolehan dan kemampuan pemimpin-pemimpin masyarakat bukan bumiputra yang ada di dalam Barisan Nasional untuk memelihara kebudayaan dan tradisi mereka. Sekali gus tekanan yang melampau-lampau terhadap pentingnya kebudayaan dan tradisi bukan bumiputra ini akan menimbulkan dua reaksi yang boleh menggugat rasa persefahaman di antara kaum di dalam negara ini.

Saya boleh memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan rakan-rakannya bahawa kaum bumiputra tidak pernah dan tidak akan memaksa siapa-siapa pun menganut dan mengamalkan kebudayaan dan tradisi kaum bumiputra, tetapi kalau ini tidak cukup bagi kumpulan orang-orang seperti DAP dan pihak DAP turut juga mahu memainkan perasaan rakyat mengenai taraf dan kedudukan kebudayaan kaum bukan bumiputra maka kaum bumiputra akan mempunyai hak untuk merasa ragu terhadap niat dan tujuan mereka, terhadap matlamat jangka panjang mereka sebagai rakyat dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila orang mendengar Wakil dari Petaling bercakap, bagi orang yang tidak tahu orang merasa seolah-olah kaum bukan bumiputera di negeri ini menerima layanan yang amat buruk, ditindas dari segi kebudayaan dan tradisi, mereka tidak hidup sempurna yang sebenarnya mereka hidup dalam negeri ini, nasib mereka lebih malang daripada rakan-rakan mereka yang berhijrah ke negara-negara lain di kawasan Asia ini. Tetapi bagi orang yang tahu bagaimana masyarakat bukan peribumi yang hidup di negara-negara seperti Thailand, Burma, Indonesia, Filipina bahkan di negara-negara yang kononnya mempunyai tamadun yang lebih baik dan tertinggi seperti United Kingdom, Australia dan lain-lain, mereka tahu bahawa kaum bukan bumiputera di Malaysia telah diberi kesempatan untuk hidup lebih sempurna daripada mereka yang tinggal di negara-negara tersebut, bahkan kesempurnaan hidup kaum bukan bumiputera di Malaysia ini melebihi daripada kesempurnaan hidup kaum bumiputera itu sendiri. Malangnya, orang-orang tidak akan merasa tertarik kalau mereka terpaksa menerima kebudayaan British, menerima kebudayaan Amerika, menerima kebudayaan barat dan mereka akan mula merasa tertekan kalau-kalau apabila mereka diminta menyesuaikan diri dengan masyarakat, menyesuaikan diri dengan cara bertindak masyarakat tempatan di timur ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah bercakap panjang lebar mengenai pelaksanaan kurikulum baru 3M di sekolah rendah. Saya tidak bermaksud di sini untuk menyentuh perkara 3M itu, namun demikian setelah mengkaji dari keseluruhan ucapannya adalah jelas bahawa seperti juga di masa-masa yang lampau Ahli Yang Berhormat dari Petaling sentiasa meletakkan hujahnya, meletakkan penentangannya di atas asas keraguan dan kebimbangan semata-mata. Dia tidak berasaskan kepada hakikat, kepada report dan prestasi yang lepas. Bagi saya ini bukanlah suatu perkara ajaib oleh kerana masyarakat Malaysia tahu bahawa keseluruhan politik DAP itu sendiri adalah dibina atas asas keraguan dan kebimbangan.

Ini jelas daripada perkataan Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu sendiri yang memberitahu Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Pengarah Pelajaran ketika mereka berjumpa dan ini diakui sendiri oleh Yang Berhormat itu kelmarin bahawa walaupun sistem 3M mungkin pada teorinya baik tetapi mungkin pula pada praktiknya tidak baik. Kalau setiap argumen diasaskan kepada perkataan "mungkin" maka saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini seribu kemungkinan boleh berlaku dan seribu kemungkinan tidak boleh berlaku.

Dalam masalah 3M adalah jelas bahawa DAP telah menggunakan isu ini untuk membongkar semula perkara-perkara yang telah pun dipersetujui oleh semua kaum di dalam masalah pelajaran. Tentangan mereka kepada 3M bukanlah kerana mereka menentang 3M tetapi mereka tahu ini adalah satu kesempatan untuk mengapi-apikan perasaan perkauman di kalangan masyarakat bukan bumiputera dan daripada api perkauman yang dinyalakan itu mereka berharap akan dapat membakar kekuatan Barisan Nasional dalam Pilihanraya yang akan datang. DAP enggan menerima hakikat, mereka enggan melihat report kita di masa lepas dalam masalah pelajaran. Beliau mengakui bahawa sejak Yang Berhormat Menteri Pelajaran diberi kuasa di bawah Fasal 21(2) Akta Pelajaran, 1961 hanya sebuah sekolah Tamil di Kelantan telah ditukar tarafnya kepada sekolah kebangsaan; itupun atas kehendak sekolah yang berkenaan itu sendiri.

Begitu pun Ahli DAP itu menyatakan bahawa partinya sentiasa berjaga-jaga sejak tahun 1960 terhadap kemungkinan Yang Berhormat Menteri Pelajaran menggunakan Fasal ini seolah-olah memberi gambaran kepada masyarakat umum bahawa Menteri Pelajaran akan menggunakan dan mahu menggunakan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran, 1961 ini bila-bila masa sahaja. Sesungguhnya 20 tahun DAP berjaga-jaga adalah 20 tahun yang penuh sia-sia; 20 tahun berjaga-jaga untuk mencegah berlakunya satu kemungkinan yang sangat-sangat nipis, yang sangat-sangat tidak mungkin berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu perkara yang sangat memalukan orang ramai untuk DAP mengaku meminta kredit, meminta dipuji apabila Wakil dari Petaling menyatakan kalaulah tidak kerana DAP ada di dalam Dewan ini pada masa ini, kalaulah tidak kerana DAP memperjuangkan kepentingan sekolah Tamil dan Cina, maka sekolah Tamil dan Cina sudahpun hapus pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Berhormat dari Petaling beliau telah meragukan wujudnya demokrasi dalam negara ini. Selepas berpuluh-puluh tahun duduk dalam Dewan ini, selepas berpuluh-puluh tahun mengkritik Kerajaan, Yang Berhormat dari Petaling masih dapat bercakap di dalam Dewan ini. Tindakan ini menunjukkan demokrasi masih wujud, tetap wujud. Tidak pernah sesiapa pun ditangkap kerana bercakap menentang Kerajaan di dalam Dewan ini. Memang benar Kerajaan tidak membenarkan perjumpaan-perjumpaan umum tidak membenarkan isu-isu seperti 3M dibahasakan di merata-rata tepi jalan kerana kita tahu kebolehan DAP untuk mengeksploitasi keadaan-keadaan seperti ini, mengapi-apikan perkara-perkara yang kecil, membakar semangat orang ramai yang tidak tahu apa-apa. Kita sudah mempunyai sejarah, kita harus belajar dari sejarah dan kerana itu Kerajaan telah mengambil sikap yang betul apabila mereka tidak membenarkan perkara ini dibahasakan di merata-rata jalan.

Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Petaling ada hak untuk bercakap di dalam Dewan ini mengenai 3M dan mengenai apa juga dan beliau sudahpun menyatakan pendapatnya kepada kita semalam. Apa yang cuba hendak diberitahu oleh pihak Kerajaan kepada DAP kalau mereka mempunyai satu-satu isu yang pada kira-kira boleh menjejaskan kewujudan, kepentingan masyarakat bukan bumiputra atau lain-lain isu yang penting yang perlu dibahasakan, maka Parlimen inilah tempatnya kerana rakyat memilih kita datang ke sini untuk membahasakan hal-hal yang menyentuh kepentingan mereka, bukan memilih tepi-tepi jalan atau tempat-tempat

yang terbuka yang boleh dihadiri oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, yang penuh dengan emosi yang akhirnya menjadi suatu tempat untuk bertarung, untuk mengadu kekuatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terperanjat bahawa Ahli dari Petaling itu telah menyamakan orang-orang Negro di Amerika dengan keadaan orang-orang bukan bumiputra di Malaysia. Menurut Ahli Yang Berhormat dari Petaling, orang-orang Negro di Amerika sekarang mula mencari roots mereka dan orang-orang Cina di negeri ini juga berkehendakkan mengenali roots mereka. Ini adalah satu perbandingan yang sangat daif yang hanya boleh dibuat oleh orang-orang yang daif yang barangkali tidak tahu, tidak mempunyai pengalaman dan tidak pernah melihat kehidupan orang-orang Negro di Amerika dan barangkali tidak mahu membuat perbandingan dengan cara kehidupan orang-orang bukan bumiputra di Malaysia.

Kita tahu bahawa orang-orang Negro di Amerika kekal menjadi satu bangsa masyarakat kelas dua sejak beberapa jenerasi yang lalu. Tetapi masyarakat Cina di negeri ini dan masyarakat lain-lain kaum di negeri ini bukan sahaja telah mencapai kejayaan tetapi juga telah menjadi masters, telah menjadi tuan di dalam bidang ekonomi dalam Malaysia ini dan selain itu mereka juga telah diberi hak di dalam bidang politik dan pentadbiran negara. Kalau ini tidak cukup maka apakah lagi yang cukup bagi DAP. Kalau ini tidak cukup dan mereka mahu lebih besar daripada itu, maka akan timbul keraguan di kalangan kaum bumiputra di negeri ini. Dimanakah akhirnya kehendak mereka? Inilah perkara-perkara yang patut pihak DAP fikirkan bahawa setiap aksi akan menimbulkan reaksi dan setiap aksi yang buruk akan menimbulkan reaksi yang lebih buruk.

Saya bimbang, kalau perkara-perkara yang tidak pokok ditimbul-timbulkan dan ditonjol-tonjolkan sehingga seolah-olah dia menjadi satu masalah yang pokok, maka masyarakat bumiputra akan kehilangan perspektif

mereka dan masyarakat bukan bumiputra juga akan kehilangan perspektif mereka dan apabila masyarakat bumiputra dan bukan bumiputra kehilangan perspektif masing-masing maka Malaysia tidak lagi akan menjadi satu negara di mana kita boleh hidup dengan gembira, kita boleh hidup aman dan damai. Bagi kita kaum bumiputra, kita tiada alternatif lain, kita tidak ada tanah lain, kita tidak ada tempat lain untuk lari daripada Malaysia ini kalau sesuatu perkara yang buruk menimpa negara kita. Oleh yang demikian, saya mengajak DAP terutama apabila saat kita sedang menghadapi pilihanraya pada masa sekarang ini janganlah cuba bermain api, sebab kalau api kecil-kecilan kita boleh gunakan untuk masak makanan tetapi kalau api sudah merebak, marak membakar, seluruh rumah kita akan terbakar. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.15 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyampaikan satu Titah Ucapan yang memberangsangkan kepada Parlimen terutamanya apabila Baginda menekankan bahawa Kerajaan memegang kepada prinsip bahawa Kerajaan mestilah sedar dan berusaha mematuhi hasrat dan harapan rakyat dengan menganuti Pentadbiran yang bersih, cekap dan licin. Apa yang lebih bermakna lagi dalam Titah Ucapan di Raja itu ialah apabila Baginda bertitah bahawa Kerajaan berpegang kepada keyakinan bahawa Kerajaan bukanlah tuan tetapi alat perkhidmatan kepada rakyat berasaskan demokrasi dan kedaulatan undang-undang. Tanpa diragukan bahawa sidang mesyuarat Parlimen ini dilangsungkan di tengah-tengah ramalan yang bertiup kuat bahawa pilihanraya umum sedang menghampiri kita dan bahawa Parlimen mungkin dibubarkan sesudah sidang kali ini berakhir. Ini boleh dijadikan sebab mengapa kenyataan dasar Kerajaan

dikeluarkan dengan begitu berhati-hati sekali disuarakan dengan begitu lunak, cermat dan bertujuan untuk mempengaruhi rakyat dan seterusnya mendapat undi dalam pilihanraya umum yang akan datang ini.

Banyak perkara yang disentuh oleh Seri Paduka Baginda, terutamanya berhubung dengan aspek pembangunan dan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan licin tanpa diragukan akan dialu-alukan oleh rakyat. Akan tetapi apa yang seharusnya dijelaskan di sini ialah matlamat akhir bukan apa yang diperkatakan sahaja dikira tetapi sama ada apa yang diperkatakan itu benar-benar dilaksanakan bagi memenuhi harapan dan aspirasi rakyat.

Seruan supaya diwujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan licin akan hanya bermakna jika terdapat kesungguhan berpolitik di pihak Kerajaan. Untuk menentukan sendiri perlaksanaannya di semua peringkat dalam perkhidmatan Kerajaan baik dari peringkat bawah hinggalah kepada kakitangan awam yang tertinggi termasuklah anggota-anggota Kabinet. Keyakinan bahawa sebuah Kerajaan bukanlah tuan tetapi satu alat perkhidmatan kepada rakyat berasaskan kepada prinsip demokrasi dan kedaulatan undang-undang akan hanya penuh bermakna jika ianya berjaya diserap dan tersemat di hati sanubari setiap kakitangan awam. Di samping memberi kepujian kepada kakitangan awam yang telah berkhidmat kepada negara dengan penuh dedikasi, saya mesti juga menekankan bahawa terdapat ramai kakitangan yang belum menjiwai semangat bertanggungjawab untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara dan bersedia pula meletakkan kepentingan rakyat terdahulu dari kepentingan diri sendiri.

Memandangkan di atas, saya suka mencadangkan bahawa langkah-langkah tertentu mestilah diambil untuk meningkatkan lagi mutu kecekapan dan daya pengeluaran semua Kementerian, Jabatan dan badan-badan berkanun. Jalan-jalan tertentu mestilah dicari untuk menghapuskan amalan perbuatan red tape, sikap malas bekerja dan amalan rasuah dari semua Kementerian, jabatan dan badan-badan

berkanun dan setiap kakitangan awam kita hendaklah ditanamkan dengan semangat bertanggungjawab untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara dengan penuh dedikasi dan berusaha memenuhi hasrat dan harapan rakyat dengan mengganuti pentadbiran yang bersih, cekap dan licin.

Tuan Speaker, telah juga disentuh dalam Titah Ucapan Di Raja mengenai Dasar Ekonomi Baru. Di atas perkara ini, saya ingin menyentuh serba ringkas peranan UDA dalam pelaksanaan berbagai projek pemodenan bandar dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Saya tidaklah bertujuan membantah peranan UDA dalam pembangunan bandar. Tetapi apa yang saya tidak berpuas hati ialah cara UDA bertindak untuk mengambil balik tanah dalam bandaraya untuk projek-projek pembangunan bandaraya. Apa yang menyebabkan rasa kebimbangan dan kekuatiran ini timbul ialah kerana Fasal 32(1) Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 yang membekalkan UDA dengan kuasa-kuasa untuk mengambil balik tanah dalam bandaraya untuk pembangunan semula bandar.

Walaupun wang pampasan akan dibayar sebagaimana diperuntukkan di dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 kepada mereka yang terlibat tetapi apakah wang pampasan sebanyak itu dapat digunakan untuk menggantikan rugi mereka yang telah berusaha dan bekerja keras membangunkan perniagaan mereka. Kerugian yang mereka deritai tidak boleh diganti dalam bentuk wang. Malah jika tapak baru telah di perolehi untuk mangsa-mangsa berkenaan mereka juga memulakan semula perniagaan mereka.

Terdapat beberapa banyak contoh di mana notis mencero boh atau pengusiran dikeluarkan ke atas beberapa kawasan tertentu dalam bandaraya telah dikeluarkan ke atas rumah-rumah kedai di Jalan Silang, Lorong Sultan, begitu juga Jalan Cheng Lock adalah beberapa contoh yang saya ingin sentuh di sini. Malah baru-baru ini Pasar Besar (central market) yang berusia 93 tahun yang terletak di Jalan MacArthur tidak

juga terkecuali. Pihak UDA merancang untuk merobohkan Pasar Besar pada akhir tahun 1983 bagi membina sebuah kompleks perniagaan yang baru. Pasar Besar mengandungi 641 buah gerai dan gerai-gerai itulah para penggerai-penggerai itu bergantung hidup diri dan keluarga mereka. Hingga ke saat ini masih belum ada rancangan tertentu untuk menempatkan semula mereka. Perintah pengusiran oleh UDA ke atas Pasar Besar bukan untuk tujuan orang ramai hanya untuk memberi jalan supaya sebuah lagi kompleks perniagaan dapat didirikan. Ini adalah tidak adil. Oleh itu, saya menyeru UDA supaya membatalkan atau menarik balik perintah itu. Jika hendak membina sebuah lagi kompleks perniagaan carilah lain tempat dan tidak perlu kawasan Pasar Besar dikorbankan. Tindakan merobohkan Pasar Besar tidak seharusnya diteruskan kerana ia tidak sahaja akan menafikan 641 penggerai mencari penghidupan di tempat yang sesuai tetapi juga akan menyekat orang ramai dan para pelanggan membeli belah di satu tempat yang sesuai.

Saya menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil pandangan serius terhadap apa yang saya perkatakan di sini dan jika Kerajaan bertujuan untuk memenuhi hasrat dan harapan rakyat maka saya ingin mencadangkan perkara-perkara berikut untuk pertimbangan Kerajaan:

- (1) Saya ingin menggesa Kerajaan supaya lebih realistik apabila membayar pampasan kepada mereka yang terlibat dalam projek Pembangunan Bandar (UDA). Pampasan yang dibayar sekarang menurut Akta Pengambilan Tanah 1960 adalah terlalu kecil dan tidak realistik untuk memenuhi keperluan inflasi pada hari ini. Amaun pampasan yang dibayar mestilah menurut nilai pasaran sekarang.
- (2) Semua mangsa projek Pembangunan Bandar (UDA) yang memerlukan tempat tinggal hendaklah diberikan tempat tinggal baru oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

- (3) UDA seharusnya tidak menggunakan kuasa pengambilan balik tanah seperti yang diperuntukan di bawah Fasal 32(1) Akta Perbadanan Pembangunan Bandar, 1971 kecuali untuk tujuan orang ramai. Mendirikan sebuah lagi kompleks perniagaan tidak boleh dikelaskan ataupun ditafsirkan sebagai tujuan untuk orang ramai.

Tuan Speaker, di atas perkara pelajaran. Izinkan saya bercakap serba ringkas tentang pengkalan pelajaran bahasa ibunda dalam negara ini. Penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat tidak boleh menolong meredakan rasa bimbang dan khuatir di hati setiap ibubapa murid-murid keturunan Cina dan Tamil bahawa pelaksanaan sistem 3M ke atas Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil hanya sekadar terjemahan (translated version) dari sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan. Mereka masih berpandangan cara pelaksanaan sistem 3M sebagai satu percubaan di peringkat peralihan pentadbiran Sekolah-sekolah Rendah ini dan pelaksanaan Fasal 21(2) Akta Pelajaran 1961 menerusi pintu belakang.

Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil tidak boleh dialih menjadi Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan. Kandungan isi pelajaran dan pendidikan di Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil hendaklah mengandungi nilai-nilai budaya dan falsafah hidup keturunan mereka. Penggunaan Bahasa Cina dan Tamil sebagai media pengajaran di Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil tidak sahaja untuk mempelajari Bahasa Cina dan Tamil tetapi juga mempelajari keseluruhan sistem nilai dan falsafah kehidupan mereka. Oleh kerana pelaksanaan sistem 3M sekarang untuk Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil di atas asas mengangap Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil itu hanya bersifat sebagai Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan yang bertentangan dengan asas utama sebuah dasar bersepadu untuk pembinaan negara, maka kami menggesa Kerajaan supaya memenuhi hasrat ibu bapa keturunan Cina dan India supaya menangguhkan pelaksanaan sistem 3M terhadap Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil.

Tuan Speaker, mengenai masalah keselamatan. Izinkan saya menyentuh masalah dadah. Dadah sering digambarkan oleh Kerajaan sebagai musuh negara nombor satu memandang betapa seriusnya ancaman kepada keselamatan negara. Walaupun masalah ini telah diakui oleh Kerajaan tetapi Kerajaan masih belum meletakkannya sebagai keutamaan negara dalam bentuk tindakan menyelesaikannya. Pada masa sekarang masalah ini dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Walaupun Unit Narkotik telah ditubuhkan di bawah Kementerian berkenaan tetapi ianya masih belum terbukti berkesan. Sebaliknya masalah dadah nampaknya semakin serius hari demi hari seperti yang dibuktikan dengan bertambahnya kadar jenayah, terutamanya jenayah kecil dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Adalah dianggarkan bahawa lebih daripada 45% kadar jenayah dalam Kuala Lumpur melibatkan penagih-penagih dadah. Masanya telah tiba bagi Kerajaan menjalankan satu kajian menyeluruh ke atas semua usahanya untuk memerangi masalah penyalahgunaan dadah dan cari langkah penyelesaian baru dan lebih berkesan untuk mengatasi masalah ini. Dalam hubungan ini saya suka mengemukakan cadangan-cadangan yang berikut untuk pertimbangan pihak Kerajaan:

- (1) Menubuhkan satu jawatankuasa khas di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri untuk menyelaraskan aktiviti semua Kementerian dan pertubuhan sukarela seperti PEMADAM untuk memerangi masalah dadah.
- (2) Memperkenalkan undang-undang yang lebih ketat untuk mengatasi masalah ini. Dalam hubungan ini saya suka mencadangkan supaya mengubal undang-undang yang bertujuan merampas harta benda kepunyaan penjual dan penganjur kerana inilah puncanya utama masalah.
- (3) Melengkapkan PEMADAM dengan lebih banyak kuasa untuk mengatasi masalah dadah disamping menyediakan peruntukan wang yang besar oleh Kerajaan untuk kegiatan-kegiatannya.
- (4) Memberi kuasa kepada para polis untuk mengambil contoh air kencing penagih-penagih dadah.

- (5) Membuka lebih banyak pusat-pusat pemulihan dadah dalam negara ini sebagai tambahan kepada pusat-pusat pemulihan penagih dadah yang telah ada dan sedang dirancang.
- (6) Membuka lebih banyak pusat-pusat detoxication dan menyediakan lebih banyak katil dalam semua hospital di bandar-bandar besar terutamanya dalam Hospital Besar Kuala Lumpur untuk rawatan penagih-penagih dadah.
- (7) Menyejera pembukaan sebuah pulau untuk menempatkan penjual-penjual dan pengedar-pengedar dadah yang telah dijatuhkan hukuman.

Tuan Speaker, saya ingin mengambil peluang dalam perbahasan ini untuk membangkitkan dan membahaskan beberapa masalah utama yang perlu diberi perhatian segera yang dihadapi oleh penduduk-penduduk dalam Wilayah Persekutuan terutamanya dalam Kawasan Kuala Lumpur Bandar yang perlu diselesaikan secara positif dan jalan penyelesaian itu mestilah dicari dan dilaksanakan.

Telah diketahui umum bahawa tema perayaan Hari Wilayah pada tahun ini ialah Sopan Santun dan Berbudi Bahasa Cara Hidup Kita. Kepada saya sebagai wakil Kuala Lumpur bandar tema ini amat sesuai dan tanpa diragukan adalah selaras dengan hasrat Dewan Bandaraya untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai satu tempat yang selesa untuk didiami. Ianya juga satu tema yang bermakna oleh kerana ia bertujuan untuk menyampaikan mesej kepada rakyat dan orang luar bahawa Kuala Lumpur ialah bandaraya kita dan dengan demikian maka kita mestilah menyematkan di hati rakyat terhadap semangat kesopanan dan berbudi bahasa dan menjadikan sebagai cara hidup kita. Untuk menjadikan tema benar-benar bermakna, Dewan Bandaraya mestilah menjadi satu tauladan yang baik. Dewan Bandaraya dan sebuah jabatan yang berkaitan di bawahnya mestilah memastikan bahawa semua kakitangannya berbudi bahasa dan bersopan santun apabila menjalankan urusan dengan orang ramai.

Sebagai Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat, saya masih menerima pengaduan-pengaduan yang kerap daripada orang ramai yang mengatakan bahawa setengah-setengah kakitangan dalam jabatan-jabatan tertentu dalam Dewan Bandaraya bertindak kasar, tidak bersopan dan berbudi bahasa apabila berurusan dengan orang ramai. Saya menggesa Yang Berhormat Menteri Wilayah supaya mengambil perhatian dan langkah tertentu hendaklah diambil untuk menjelaskan perkara ini. Dewan Bandaraya hendaklah memastikan bahawa semua kakitangan perkhidmatan dalam semua jabatan berupaya memberi khidmat kepada orang ramai dengan penuh sopan santun dan berbudi bahasa pada setiap masa selaras dengan tema perayaan Dewan Bandaraya.

Dewan Bandaraya tidak sahaja tampil ke depan menjadikan penuh sopan santun dan berbudi bahasa yang baik tetapi hendaklah juga mencari jalan kearah meningkatkan mutu perkhidmatan dan perkerjaannya kepada rakyat. Wilayah Persekutuan terutamanya Bandaraya Kuala Lumpur pada hari ini dipenuhi dengan berbagai masalah yang melibatkan rakyat dan dengan demikian adalah sesuatu imperative supaya mewujudkan satu pentadbiran bandaraya yang dinamis dan mampu memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat. Penyelesaian segera mestilah diberi untuk menyelesaikan pengaduan-pengaduan daripada orang ramai. Dewan Bandaraya mestilah benar-benar people-oriented dan action-oriented dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Dalam hubungan ini adalah penting bahawa para pentadbir Bandaraya mestilah bekerja rapat dengan Wakil-wakil Rakyat dan bersedia menghulurkan bantuan dan kerjasama yang perlu kepada mereka dalam menyelesaikan dan mengatasi masalah-masalah rakyat. Sebagai seorang Ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan, saya ingin mengambil peluang ini membuat satu gesaan supaya persefahaman dan kerjasama erat hendaklah diwujudkan antara rakyat dan para pentadbir Bandaraya dalam menolong membina sebuah bandaraya yang berdisiplin dan tersusun indah yang kita telah semua dapat banggakan.

Di samping kerjasama dan persefahaman dari rakyat terhadap Dewan Bandaraya begitu penting untuk membina sebuah Kuala Lumpur yang indah, jangan pula lupa bahawa kerjasama dan persefahaman ini satu proses dua hala. Apa yang penduduk Kuala Lumpur harapkan dari Dewanbandaraya ialah kerjasama dan persefahaman yang serupa dalam cara menyelesaikan dan mengatasi berbagai masalah rakyat Kuala Lumpur, baik dari masalah lalu-lintas hinggalah kepada masalah penjaja, setinggan dan perancangan pembinaan rumah-rumah untuk golongan pendapatan rendah.

Sebagai Wakil Rakyat saya akan selalu memainkan peranan sebagai penghubung atau jambatan antara rakyat dan para pentadbir Bandaraya. Saya akan memuji jika pujian itu harus diberikan kepada pentadbir Bandaraya tetapi saya tidak teragak-agak bersuara jika kepentingan rakyat tidak diindahkan atau diketepikan. Saya akan memberi sumbangan saya sedapat mungkin ke arah pembangunan Kuala Lumpur dan pada masa yang sama memastikan bahawa rakyat akan mencapai faedah dari sesuatu pembangunan, oleh kerana kita telah memasuki setahun lagi penubuhan Wilayah Persekutuan di samping setahun lagi penganugerahan taraf Bandaraya. Adalah menjadi harapan penduduk-penduduk Kuala Lumpur bahawa para pentadbir Bandaraya akan berupaya mengamalkan satu pendekatan yang disukai ramai mengambil pendirian yang berkesan dan menjalankan usaha-usaha yang dinamis bagi menyelesaikan berbagai-bagai masalah yang belum selesai dalam Kuala Lumpur dan membantu memenuhi keperluan dan aspirasi rakyat. Banyak masalah yang telah diselesaikan pada masa yang lalu tetapi masih banyak lagi masalah yang masih menunggu penyelesaian termasuk masalah baharu yang dihadapi dan berhadapan dengan Kuala Lumpur pada hari ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Kepada rakyat Kuala Lumpur yang sekarang berjumlah satu juta orang, pihak pentadbir bandaraya mestilah mencari

penyelesaian yang lebih berkesan dan bermakna kepada masalah-masalah utama yang berikut:

- (1) Memenuhi permintaan untuk mendapatkan rumah kepada lebih 30,000 orang pemohon yang sekarang berada dalam senarai menunggu untuk mendapatkan rumah atau rumah pangsa kos rendah.
- (2) Menyediakan tempat yang sesuai untuk menempatkan lebih kurang 3,000 orang penjaga dan peniaga kecil dari berbagai kaum yang tidak berlesen dalam Bandaraya yang pada masa sekarang sering diganggu oleh Dewan Bandaraya dan meminta mereka berhenti perniagaan, sehingga suatu masa di mana tempat-tempat yang sesuai telah diperolehi untuk menempatkan dan melesenkan mereka yang tidak berlesen. Dewan Bandaraya hendaklah memberhentikan tindakan mengganggu dan menahan alat-alat perniagaan mereka hingga satu atau dua bulan. Saya membantah penahanan alat-alat perniagaan oleh kerana ini akan menafikan penjaga-penjaga itu dari mencari penghidupan.
- (2) Mengatasi masalah banjir kilat di atas asas perlu disegerakan. Masalah banjir kilat dalam Bandaraya kita semakin buruk. Pada setiap kali hujan turun Bandaraya akan dibanjiri air berlumpur, akibatnya akan berlakulah kesesakan lalu-lintas yang amat teruk, sementara rumah-rumah kedai dan bangunan akan dibanjiri air. Inilah masanya bagi pihak berkuasa berkenaan memeriksa dan mengkaji sistem perparitan pembangunan bandaraya. Semestinya terdapat penguatkuasaan earthwork by-law yang berkesan dalam Bandaraya bagi memastikan bahawa pembangunan tanah oleh pemaju tidak mengakibatkan hakisan tanah dalam kawasan-kawasan projek pembangunan mereka atau membuang tanah-tanah sesuka hati yang boleh membawa kepada tersumbatnya parit dan saluran longkang.

- (4) Memperkenalkan satu program penyelenggaraan yang berkesan untuk semua rumah pangsa kos rendah bertingkat tinggi dalam Bandaraya supaya masalah seperti kerosakan lift, saluran sampah rosak dan buruk. Kerosakan sistem lampu di corridor rumah pangsa dan kutipan sampah sarap yang tidak memuaskan tidak akan selalu berulang.
- (5) Memperkemas sistem kutipan sampah sarap di seluruh Bandaraya di samping penyelenggaraan parit dan longkang besar dalam Bandaraya bagi membersihkan bahan buangan yang tersumbat hendaklah selalu dijalankan.
- (6) Membekalkan lebih banyak kemudahan-kemudahan asas untuk kawasan-kawasan setinggan yang tidak diambil balik untuk pembangunan seperti bekalan air paip, api elektrik dan kemudahan kesihatan. Dewan Bandaraya hendaklah menyediakan paip air awam dalam kawasan-kawasan setinggan berdasarkan kepada matlamat sebuah paip air awam untuk 20 buah rumah setinggan. Pada masa sekarang terdapat banyak kawasan setinggan dalam Kuala Lumpur yang kekurangan paip air awam untuk kegunaan penduduk-penduduk setinggan. Ada terdapat kawasan yang mengandungi lebih daripada 20 buah rumah setinggan tetapi tidak ada satupun paip air awam. Dewan Bandaraya hendaklah mengatasi segera masalah ini.
- (7) Menyegerakan pelaksanaan sistem pengangkutan segera (mass rapid transit system) untuk digunakan oleh penduduk-penduduk Kuala Lumpur untuk berulang alik dari rumah ke tempat kerja. Pada masa sekarang sistem pengangkutan awam jauh dari mencukupi.
- (8) untuk menyegerakan pengenalan Pelan Induk untuk Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan bagi memandu kearah perkampungan dan per-

tumbuhannya. Sesebuah pelan itu boleh juga menjadi panduan untuk pembangunan, lebih banyak bandar-bandar setelit bagi menyelerakkan tumpuan penduduk di dalam bandaraya.

Akhirnya, Tuan Speaker, saya ingin menyentuh di bahagian akhir Titah Ucapan Di Raja yang melahirkan kepercayaan atau keyakinan bahawa di bawah pimpinan Perdana Menteri sekarang negara kita Malaysia akan bertambah maju dengan pesat untuk menjadi sebuah negara yang kuat yang mana kita semua dapat berbangga. Tanpa diragukan bahawa Malaysia sedang memasuki satu dekad yang penting, dekad 80an yang penuh dengan cabaran untuk negara Malaysia. Tahun-tahun 60an dan 70an telah menjadi dekad yang terasing dan tidak boleh berulang lagi jika Malaysia ingin membina nasional dan ketahanan dalam yang dapat menahan ancaman dan tekanan tahun 80an.

Kerajaan di bawah pimpinan Yng Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah menyumbang ke arah meningkatkan persefahaman bersama dan menempatkan hasrat dan harapan yang tulin semua rakyat Malaysia dan tidak membiarkan perasaan takut, bimbang dan syak wasangka di kalangan berbagai kaum dan kelas yang berbeza dalam negara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah mengambil tindakan tegas memberhentikan semua permintaan yang keterlaluan dan chauvinis, termasuk dari mereka yang berada dalam partinya sendiri.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa apa yang Malaysia perlukan ialah satu identiti kebangsaan yang baru untuk tahun-tahun 80an yang boleh menyatu-padukan semua rakyat Malaysia dalam cita-cita dan arah yang sama dan membuang terus sikap-sikap negatif pada masa lalu yang memecah-belahkan rakyat Malaysia, sama ada ini boleh dicapai atau tidak akan bergantung kepada keazaman dan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan yang terpentingnya di atas kesungguhan politiknya untuk menentukan sendiri pelaksanaan dasar-dasar pelbagai kaum yang tulin

mengenai politik, ekonomi, pelajaran dan hal-hal kebudayaan serta menyelesaikan semua masalah tersebut yang dihadapi oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.43 *ptg.*

Tuan Haji Nik Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah dan berterima kasih di atas peluang yang diberi untuk bersama-sama membaharui Titah Ucapan Duli Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kelmarin.

Oleh kerana semasa sidang Budget pengunjung tahun lepas kesihatan saya benar-benar terganggu, maka ingin saya sentuh kali ini satu ucapan sulung yang dibuat oleh seorang keluarga baru dari kawasan Sri Gading yang bertarikh 13hb November, tahun lepas, dan beliau di antara lain-lain, menyentuh perkara Bank Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang ingatan saya dalam Dewan yang mulia ini tidak ada seorang Wakil Rakyat dari pihak Kerajaan yang mengesyorkan penubuhan Bank Islam dengan lebih Jelas dan bersungguh-sungguh kecuali Wakil dari Sri Gading ini sahaja. Kami di sebelah sini yang selalu menimbulkan perkara kewangan cara Islam dan bukan cara Arab selain dari menyokong penuh seruan ini ingin menambah lagi bahawa tanggungan yang terbesar terhadap kelajuan dan kepesatan ekonomi orang-orang Islam di sebelah sini dan di mana-mana pun ialah kerana mereka terpaksa mempunyai dua sahsiah yang berlainan. Satu sahsiahnya sebagai muslim yang wajib taat seratus peratus kepada ugamanya, dan satu lagi sahsiah Melayunya yang perlu taat kepada tuntutan-tuntutan perut yang sedang mencerut serta anak buahnya yang kelaparan. Kalau diturut larangan agama yang mengharamkan riba maka tergendalalah segala perusahaannya, hendak diturut kata hati perniagaannya tentu bertambah baik tetapi dia yakin bahawa akhirnya jahanam. Dukacitanya setakat ini pihak yang berkenaan dalam kewangan negara kita telah

banyak kali memberi jawapan dolak-dalik dengan menggunakan alasan-alasan bahawa sistem yang dibawa oleh Islam itu tak sesuai dengan iklim kewangan bebas kita, sedangkan jawapan begini merupakan jawapan yang amat lemah dan selalunya menimbulkan kegelisahan rata-rata, khususnya di kalangan rakyat yang ingin menghayati Islam yang semakin meningkat bilangannya sekarang ini. Oleh itu, memang sudah lebih dari sepatutnya pihak Kerajaan mesti berbuat sesuatu bagi mempercepatkan kewujudan Bank Islam dengan kadar yang segera.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, seruan beliau juga supaya orang-orang Islam hendaklah berusaha memahami Islam dan ajarannya supaya sesuatu yang berlaku tidak akan menimbulkan salah faham di kalangan mereka. Bagi saya seruan ini juga merupakan satu seruan yang pertama keluar dari mulut seorang penyokong Kerajaan. Selama ini selalunya pendedahan Islam terhadap rakyat yang bukan Islam dikira sebagai sepekerja yang boleh menimbulkan huru-hara, kacau-bilau dan sensitif yang selalunya menggerunkan dan menawarkan hati para pendakwah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perlunya sokongan penuh terhadap seruan Yang Berhormat itu, saya ingin menambah bahawa Islam bukanya ugama orang Melayu. Hukum-hukumnya juga bukan hanya untuk orang Melayu atau orang Islam sahaja sepertimana yang disebut dalam kenyataan yang dibuat kelmarin oleh seorang pemimpin negara dalam Dewan ini sewaktu beliau menyentuh perkara hukum curi. Islam adalah ugama Allah serupalah dengan manusia itu sendiri ciptaan Allah. Kalau seorang rakyat Malaysia itu dikehendaki patuh, tunduk kepada undang-undang Malaysia tanpa mengira keturunan, kebudayaan, warna kulit sedangkan mana-mana Kerajaan pun bukannya mencipta sesuatu kepada rakyat bahkan sekadar memproses hasil-mahsul yang telah dicipta, maka apa kata bagi Allah yang bukan sahaja sekadar memproses tetapi mencipta terus. Oleh yang demikian, seruan supaya rakyat yang belum Islam itu mengkaji dengan sepenuhnya adalah lojik

dan bukannya sensitif dan tidak perlu lagi ditakuti. Oleh itu, bagi saya mula-mula sekali mengesyorkan supaya ajarlah kepada mereka bahawa pengertian agama atau religion di sisi Islam tak serupa dengan pengertian atau pentafsiran religion di kalangan penganut-penganut agama lain yang berkisar hanya dalam hubungan manusia dengan Tuhan semata-mata. Selepas itu ajarlah pula kepada mereka bahawa Islam dibangunkan di atas 5 rukun atau 5 batang tiang, manakala yang bakinya seperti lantai, atap, dinding, pintu dan tangga misalnya adalah mengandungi semua aktiviti hidup, sebab itu Islam telah disebut-sebut hari ini sebagai cara hidup atau disebut 'way of life'. Akhirnya, sebutkan juga kepada mereka bahawa kalau Yahudi dan Nasara yang memang dikira sebagai Ahlil-kitab yang membawa kitab langit itupun dikutuk oleh Allah serta diajar kepada setiap muslim supaya wajib mengutuk sama dalam setiap sembahyang mereka, apa jenis sembahyang pun melalui bacaan: ghairil maghdubi alaihim waladdaelin. Maka apa kata kalau ajaran-ajaran itu hanya datang dari rekaan manusia sahaja, lebih-lebih manusia yang engkarkan kepada Allah dan kafir denganNya tentulah jauh sekali dari dibenar menjadi pegangan hidup atau disebut "izam atau ideoloji" itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menyentuh ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Dungun kelmarin walaupun sebahagian besarnya ditujukan kepada PAS kerana bagi saya ucapan itu lebih banyak merupakan sekeping salinan report di Balai Polis. Apa yang perlu ialah saya ingin mengingatkan Yang Berhormat itu kandungan jawapan dalam kes yang serupa yang telah dibuat oleh bekas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan sekarang berkhidmat sebagai Menteri Luar Negeri. Yang Berhormat Menteri itu menasihati sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhadapan dengan isu parti Pembangkang supaya tidaklah hanya pandai membawa laporan yang berlaku dalam kawasan masing-masing ke pengetahuan Menteri dalam Parlimen ini, sebaliknya Menteri itu menanya balik kerana apa Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan tidak berusaha menjawab sendiri dan menangkis sendiri segala isu yang timbul.

Janganlah sikit-sikit timbul isu maka cepat-cepat datang ke sini membuat laporan dan rayuan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, segala isu yang ditimbulkan oleh PAS baikpun yang berbentuk politik atau akidah adalah dibuat secara terbuka dan terdedah kepada soal-jawab para peserta kerana memang begitu tabiat Islam dalam perjuangannya. Sekiranya apa yang dikemukakan kepada rakyat itu salah dari segi Islam maka pihak yang kedua dengan segala kelengkapan yang lebih berganda daripada pihak kami bolehlah menegur dan membetulkan apa yang dikira salah di tempat yang terbuka dan terdedah juga. Takkanlah rakyat yang sudah akil baligh dan dikira cerdik setelah umurnya meningkat 21 tahun itu tidak boleh membezakan di antara hak dan batil, di antara yang lojik dan tidaknya. Boleh jadi Wakil Rakyat berkenaan tidak pernah membetulkan apa yang dikiranya salah ataupun apa yang ditimbulkan itu memang hak, lengkap dengan hujah-hujahnya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu menyentuh sedikit kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kelmarin di mana beliau menyatakan bahawa adalah tidak adil dalam masyarakat majmuk jika pencuri Islam dipotong tangan tetapi pencuri bukan Islam tidak dikenakan sama sekali.

Saya ingin bertanya siapa kata bahawa Undang-undang Islam itu hanya berkisar dan hanya berkuatkuasa ke atas orang-orang Islam sahaja kerana sewaktu hukum-hukum Islam ini dilaksanakan di zaman agungnya dahulu, di zaman Rasulullah s.a.w. dan Khalifah empatnya radiallahuanhu pelaksanaannya dibuat secara mutlak, tidak pernah bersyarat bahkan dibuat merata kepada Arab Islam atau Arab Musrik; dibuat juga kepada bangsa Yahudi, kepada Nasara dan lain-lain tanpa mengira keturunan, kebudayaan, warna kulit dan agama. Dan mengikut kajian itulah hikmatnya kerana apa Undang-undang Islam dahulu dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. di Madinah dalam masyarakat majmuk supaya orang-orang

Islam kemudian hari tidak boleh menjadikan masyarakat majmuk itu sebagai alasan untuk tidak menjalankan hukum-hukum Allah s.w.t.

Yang kedua mengenai kenyataan beliau bahawa Undang-undang Islam atau Syariah Islam akan dilaksanakan di Malaysia mengikut siasah semasa. Saya, Tuan yang di-Pertua, dengan ikhlas ingin melahirkan rasa syukur kepada Allah s.w.t. di atas apa yang saya kira satu perubahan sikap yang menggalakkan ini, lebih lagi selepas baru sahaja beliau pulang dari tanah suci.

Apa yang perlu menjadi tanda tanya di sini ialah bahawa dengan kedudukan negara yang terikat dengan perlembagaan yang dibentuk begitu rupa dan dengan keterangan-keterangan yang dibuat berkali-kali dalam Dewan ini oleh pemimpin-pemimpin terkemuka Kerajaan bahawa Perlembagaan kita telah didapati begitu baik dan sesuai setelah melalui bermacam-macam ujian dan cabaran, maka tidak ada sebarang niat yang mengubahnya mengikut Islam.

Soalnya sekarang di celah-celah manakah rakyat boleh selitkan kebenaran atau kesungguhan kenyataan beliau tadi kerana mengikut fahaman saya bahawa mana-mana undang-undang yang dibuat dan pada semangatnya berlawanan dengan Perlembagaan maka undang-undang itu dengan sendirinya batal atau *ultra vires*. Oleh itu, maka kenyataan mengenai pelaksanaan Undang-undang Islam oleh seorang pemimpin negara dalam suasana negara yang begini keadaannya tanpa sebarang usaha-usaha yang perlu dibuat lebih dahulu amatlah diragui, khususnya menjelang tiba pilihanraya sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.52 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur dalam Ucapan Menjunjung Kasih yang tidak terhingga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

di atas Ucapan Baginda sempena Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kelima.

Pada amnya Titah Ucapan tersebut menggambarkan satu keazaman baru dan pembaharuan semula aspirasi, motivasi dan semangat untuk mempercepatkan lagi proses pembangunan dalam negara.

Titah Ucapan baginda juga berkisar tentang menitikberatkan keadaan rakyat sejagat dan harapan Baginda untuk melihat sebuah Kerajaan dari rakyat untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan Titah Ucapan Baginda, saya ingin menyampaikan beberapa perkara yang saya rasa harus diberi perhatian yang sewajarnya.

Pertamanya ialah mengenai masalah perumahan di Malaysia. Saya berpendapat bahawa masalah perumahan masih menjadi satu isu nasional. Masalah ini wujud di seluruh negara tetapi amat ketara sekali di negeri Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Saya sedar bahawa Kerajaan sedang berusaha untuk menyelaraskan dan menyelesaikan masalah ini. Usaha-usaha banyak ditujukan kepada pembinaan dua jenis rumah sahaja iaitu rumah untuk golongan atas dan rumah untuk golongan bawahan.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih terkenal lagi rumah-rumah ini dengan rumah kos rendah. Biasanya mereka dalam golongan atasan tidak mempunyai banyak kesulitan untuk mendapatkan rumah dalam kategori tersebut tetapi berbagai kesulitan timbul bagi golongan bawahan mendapatkan rumah jenis kos rendah. Keterangan amat nyata sekali di dalam aspek ini. Sebagai contoh baru-baru ini dilaporkan dalam akhbar bahawa Pasukan Polis Simpanan telah dikerahkan untuk mengawal orang untuk mendapatkan borang rumah kos rendah. Sekali lagi saya tekankan di sini hanya borang untuk mendapatkan rumah. Keadaan ini sungguh mengharukan kerana seolah-olah golongan bawahan ini telah diketepikan. Inilah saya sebutkan masalah nasional kerana rakyat memerlukan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, harga rumah kos rendah tidaklah begitu rendah jika dilihat dari kacamata golongan bawahan. Kos hidup pun telah meningkat dan ini akan membantutkan lagi keupayaan membeli oleh golongan bawahan. Jadi, saya berharap Kerajaan tidak akan tunduk kepada apa-apa tekanan untuk meningkatkan lagi paras \$20,000 untuk sebuah rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat pula saiz rumah kos rendah, kita akan dapati bahawa saiz rumah bertambah kecil mengikut masa.

Semasa Persidangan Parlimen yang lepas baru-baru ini kita diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian bahawa saiz ikan di perairan kita bertambah kecil mengikut masa. Jadi, nampaknya pembinaan rumah kos rendah pun telah mengikut tentang perkembangan saiz ikan. Untuk mengatasi masalah ini, saya syorkan supaya Kerajaan mengubah haluan untuk mendirikan lebih banyak rumah pangsa kos rendah di mana kita dapat selamatkan kos dan tanah yang makin berkurangan ini.

Di dalam usaha Kerajaan menempatkan golongan atasan dan bawahan, saya juga berharap agar Kerajaan tidak lupa untuk membina rumah kos pertengahan atau kondominium bagi golongan berpendapatan pertengahan. Kumpulan ini tidak dibenarkan membeli rumah kos rendah atas dasar pendapatan mereka melebihi \$750 sebulan dan mereka tidak dapat menghadapi kesulitan-kesulitan sekiranya membeli rumah dalam pasaran terbuka kerana terpaksa bersaing dengan golongan atasan. Saya kira punca masalah perumahan adalah permintaan melebihi penawaran.

Satu jalan untuk mengatasinya adalah meningkatkan penawaran. Walau bagaimanapun, jika diteliti pelaksanaan Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga, satu kesimpulan dapat dibuat iaitu penawaran tidak dapat lagi mengejar permintaan. Sungguhpun demikian usaha-usaha perlu diperhebatkan lagi untuk mengurangkan perbezaan permintaan dan penawaran.

Tuan Yang di-Pertua, satu matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah pemilikan rumah sendiri. Matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya kita menunggu penawaran menyamai permintaan oleh kerana struktur masyarakat kita meliputi golongan kaya dan miskin. Orang berada boleh membeli beberapa banyak rumah sekalipun. Ini bermakna rumah untuk dibeli oleh orang lain adalah kurang. Keadaan ini akan menyebabkan harga rumah meningkat. Harga rumah bukan lagi berdasarkan kepada kos tetapi harga spekulasi. Kalau impian matlamat pemilikan rumah sendiri hendak dijadikan kenyataan tidak dapat dielakkan lagi bahawa satu jenis sekatan perlu diadakan untuk mencegah seseorang yang berada membeli lebih dari tiga. Cara yang paling berkesan ialah dengan meluluskan satu akta yang bertemakan Akta Spekulasi Perumahan dan juga penubuhan Bank Rumah.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya sukalah menyentuh mengenai usaha-usaha bagi memperkemarkan dan memperbaiki lagi jualan barangan utama seperti getah, timah dan kelapa sawit di peringkat antarabangsa.

Sebagaimana yang kita sedar, kita sedang menang tepuk sorak sahaja tidak memadai dalam konteks perhubungan antarabangsa, kerana perbuatan demikian adalah seolah-olah satu perkara yang tidak dapat kita buat. Kita perlu mengatur langkah yang konkrit, mengkotakan apa yang kita kata barulah negara-negara yang tertentu sedar bahawa kita mempunyai sikap yang tegas dan tidak boleh berdolak dalik dengan janji-janji kosong dan kata-kata penyedap hati. Ada ura-ura bahawa Kerajaan akan menubuhkan satu 'Cartel' terutama sekali bagi barangan tin. Saya harap perkara ini tidak dibiarkan begitu sahaja malahan usaha-usaha perlu dijalankan dengan segera untuk mencapai objektif ini. Dengan penubuhan 'Cartel' saya kira negara-negara pengeluar akan lebih dihormati jika dibandingkan dengan perjuangan sebuah negara pengeluar sahaja. Penubuhan cartel juga dapat meninggikan lagi kuasa tawar menawar dengan bertujuan untuk mendapatkan harga yang lebih berpatutan bagi barangan tin.

Saya juga berharap agar pihak yang berkenaan membuat satu kajian untuk memperkemas dan memperbaiki lagi pakatan bagi pemasaran barangan seperti getah dan kelapa sawit. Kita juga harus berusaha supaya barangan seperti tin, getah dan kelapa sawit diniagakan di Bursa Komoditi Kuala Lumpur. Untuk mencapai matlamat ini kita harus mempengaruhi negara-negara pengeluar barangan yang sama supaya menggunakan kemudahan-kemudahan di Bursa Komoditi Kuala Lumpur. Usaha-usaha ini bertujuan supaya dapat kita mengawal kuantiti barangan tersebut di dalam pasaran dan sekiranya kita dapat mengawal pasaran dan ini bererti kita dapat mengawal harga dan tidak lagi runsing terhadap ancaman-ancaman untuk melepaskan stockpile iaitu barangan simpangan yang akan menjejaskan harga pasaran dan akan membawa akibat buruk kepada ekonomi negara pengeluar termasuk negara kita. Untuk menentukan supaya Bursa Komoditi Kuala Lumpur dapat memainkan peranan yang aktif dan berkesan maka saya rasa Kerajaan haruslah melengkapkan pusat tersebut dengan kemudahan-kemudahan serba moden dan memuaskan.

Tuan yang di Pertua, perkara yang ketiga, menyentuh sedikit aspek pertanian dan pembangunan luar bandar, tidak dapat dinafikan bahawa mereka yang terlibat di sektor pertanian masih dalam kemiskinan. Saya rasa Kerajaan telah berusaha sedaya upaya tetapi yang menjadi masalah adalah kerana Sektor itu sangat bergantung kepada faktor luaran. Beberapa faktor luaran telah dapat dikawal, sebagai contoh proses pengeluaran, pemasaran dan percanggahan dari pembusukan melalui bilik sejuk. Usaha-usaha demikian telah dapat menyelamatkan kadar kerosakan barangan pertanian. Tetapi satu faktor luaran yang tidak dapat dikawal adalah cuaca. Baru-baru ini kita telah mengalami musim kemarau dan keadaan ini agak serius di negeri Kedah dan menyebabkan ramai petani tidak dapat bekerja di sawah akibatnya tenaga manusia dibuang begitu sahaja. Jadi saya berharap agar pihak yang berkenaan mengkaji

kemungkinan untuk membanyakkan kerja-kerja sambilan seperti membersihkan taliair, membuka ladang-ladang berdekatan dan memperbaiki saluran taliair menjelang musim kemarau. Sekiranya usaha-usaha seperti ini diberikan perhatian maka ia dapat meningkatkan lagi produktiviti petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan luar bandar juga perlu diberi perhatian. Saya sedar bahawa pembangunan luar bandar akan mengambil masa yang agak panjang dan akan menelan belanja yang agak banyak. Walau bagaimanapun, saya berharap dua perkara didahulukan di dalam proses pembangunan luar bandar iaitu pembekalan elektrik dan penyaluran bekalan air. Saya rasa dua perkara ini harus diberikan perhatian utama. Saya ingin bayangkan satu keadaan iaitu sambil kita asik tengok TV berwarna di waktu malam ada tempat di pelusuh negara ini penuntut-penuntut yang menghadapi peperiksaan yang membaca buku-buku dengan menggunakan lampu katak atau lilin. Meneliti dua cara kehidupan ini di dalam negara ini, saya rasa sudah sampai masanya usaha-usaha perlu digiatkan untuk mengimbangkan keadaan hidup yang berbeza ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit mengenai pelajaran dan pengangkutan demi untuk kemudahan rakyat. Saya menyokong Titah Ucapan Baginda yang mementingkan pelajaran dan pelaksanaan sukatan pelajaran agama Islam bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah. Saya rasa agama merupakan benteng pertahanan paling kukuh terhadap ancaman keruntuhan moral baik di kalangan muda mudi mahu pun mereka yang telah dewasa. Pelajaran sama ada berbentuk agama ataupun pelajaran yang berbentuk ekonomi, sosial teknikal dan sebagainya adalah satu cara beramal. Menurut sabda Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. Tuntutlah ilmu sehingga ke negeri China. Dengan hadith tersebut, Nabi Besar Muhammad s.a.w. menyeru ummatnya supaya mencari ilmu pengetahuan bagi melengkapkan diri seseorang itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah banyak berusaha untuk mengembangkan institusi-institusi pengajian tinggi dan saya

rasa perkembangan yang amat memuaskan tetapi apa yang saya berharap agar kemudahan pelajaran harus disalurkan serentak supaya penuntut dapat mempelajari dengan penuh minat dan konsentrasi. Saya masih dengar berita bahawa ramai penuntut-penuntut Universiti Malaya, Kuala Lumpur tinggal di luar kampus. Keadaan ini harus dibetulkan. Saya berharap agar pihak yang berkenaan membuat dan mempercepatkan usaha-usaha untuk mendirikan beberapa lagi hostel memandangkan populasi di universiti tersebut kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bidang pengangkutan pula saya rasa perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu adalah memuaskan tetapi dari segi pentadbirannya saya rasa masih ada lagi perkara yang harus diperbaiki. Sebagai contoh di musim perayaan masih terdapat beberapa kelemahan di mana Keretapi Tanah Melayu tidak dapat menampung keperluan permintaan orang ramai untuk mendapatkan satu tempat duduk di dalam perjalanan balik ke kampung masing-masing. Jadi pada tiap-tiap kali perayaan kelihatan ramai penumpang berdiri dari Kuala Lumpur ke Butterworth terutama sekali. Sesuai dengan Titah Ucapan Baginda yang mementingkan Kerajaan untuk rakyat, saya berharap pihak yang berkenaan cuba mempercepatkan proses penambahan koc.

Satu lagi perkara adalah biasanya pihak KTM akan mengadakan perkhidmatan khas menjelang hari perayaan tetapi ada kalanya perkhidmatan khas ini tidak diadakan. Keadaan ini sangat dikesalkan. Jadi saya syorkan supaya perkhidmatan khas dimestikan pada tiap-tiap perayaan. Sekurang-kurangnya lebih ramai mendapat tempat duduk walaupun bukan semuanya akan mendapat tempat duduk.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah untuk melicinkan pengendalian dan pengawasan projek. Banyak pembangunan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia sama ada sebelum ataupun selepas merdeka, di semping pengendalian projek-perojek tersebut kadangkala kita leka dan apabila perkara itu berlaku maka kita mengalami

kerugian sama ada kerugian yang dinilai dengan matawang dan juga kehilangan jiwa manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengalami kerugian dari projek gula Negeri Sembilan, beberapa projek KEJORA, krisis MAJUTERNAK dan lain-lain lagi. Nyawa manusia telah tergadai dan hampir tergadai dari kemalangan keretapi dan bas pelancong di Permatang Tinggi, Pulau Pinang dan juga kemalangan di Lapanganterbang Subang. Daripada kejadian-kejadian ini kita harus teliti tentang kelemahan-kelemahan satu-satu projek supaya kerugian sedemikian tidak diulangi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa satu pengawasan yang teliti akan sentiasa dibuat terhadap projek MAJUIKAN di Sungai Merbok kerana selain dari perbelanjaan yang begitu banyak dilaborkan bagi projek tersebut, projek itu juga mendapat perhatian di kalangan negara-negara ASEAN dan jiran-jiran, memandangkan projek itu adalah terbesar di negara Asia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik penurunan harga banyak barang-barang apabila cukai dimansuhkan di Persidangan Parlimen yang lepas. Jika kita teliti kesannya kita akan dapati bahawa barang-barang tersebut merupakan barang-barang jenis mewah (luxury). Keadaan ini sungguh mengalakkan, tetapi kita harus ingat bahawa barang-barang tersebut bukanlah barang-barang keperluan untuk menyihatkan badan, malah melebihi perbelanjaan. Jadi, saya berharap agar Kerajaan menumpukan perhatian yang lebih serius terhadap menurunkan harga barang-barang keperluan seperti daging, susu yang ditinkan, gula dan sebagainya supaya golongan bawahan juga dapat menikmati barang-barang ini.

Sebagai satu langkah untuk menurunkan harga saya berharap Kerajaan akan berusaha meninggikan penawaran sama ada usaha-usaha dijalankan di dalam negara melalui perkembangan projek-projek baru ataupun membeli di negara-negara yang menjual barang-barang keperluan dengan harga yang sederhana.

Akhir kata saya berharap agar pendapat-pendapat saya ini diberi pertimbangan demi kepentingan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Mantin.

6.14 ptg.

Dato' Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Perua, saya bangun menyokong usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah bermurah hati melafazkan Titah Ucapan di-Raja pada 8hb Mac yang lalu.

Dalam Titah Ucapannya, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menyentuh atas banyak bidang-bidang pembangunan negara kita termasuk masalah-masalah yang berhubung dengan pembangunan-pembangunan itu, dan juga telah menunjukkan berbagai langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh negara kita. Tidaklah dinafikan, kita percaya bahawa di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bijak dan cekap itu, dan melalui satu Kerajaan yang bersih, cekap dan licin, dan sifat rajin dan tekun disertai dengan etika kerja yang baik rakyat jelata kita, maka negara kita memang akan boleh menjadikan satu buah negara yang dibanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun keadaan ekonomi antarabangsa yang telah merosot kerana kemelesetan ekonomi negara-negara maju pada tahun lepas telah memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi negara kita, dan kita telah mencapai satu kadar pertumbuhan yang memuaskan, kita mesti sangat teliti khasnya semenjak ekonomi negara kita adalah kebanyakan diasaskan atas keuntungan-keuntungan eksport daripada bahan-bahan mentah kita itu. Saya ingin merujuk kepada satu hakikat bahawa oleh kerana kejatuhan harga bijih timah itu, banyak lombong-lombong "gravel pump" sedang ditutup. Kejadian ini akan menyebabkan pertumbuhan pengganguran dalam negara kita. Kita berharap bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya membolehkan negara-negara pengguna

menandatangani Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa Keenam itu akan berjaya. Walau bagaimanapun, kita menyokong cadangan Kerajaan itu supaya menubuhkan satu golongan atau persatuan negara-negara pengeluar bijih itu. Kita rasa gembira bahawa kedua-dua Thailand dan Indonesia telah bersedia menerima cadangan itu. Meskipun adalah satu hak sah bagi semua negara-negara pengeluar bijih menubuhkan satu persatuan jika Perjanjian Bijih baru itu gagal dilaksanakan. Sementara itu Malaysia juga mempunyai hak supaya mengurangkan produksi bijihnya. Sungguhpun begitu, kita berharap bahawa Kerajaan akan mencari satu cara yang dapat mengelakkan satu konfrontasi terus dengan negara-negara pengguna itu dan mencari kerjasama dengan mereka supaya mempertahankan satu pasaran bijih stabil dan menjadikan satu kejayaan pelaksanaan Perjanjian Bijih Antarabangsa Keenam itu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kemerosotan dalam harga-harga bahan mentah seperti bijih, getah dan kelapa sawit, kita mesti mengambil langkah-langkah supaya menjamin bahawa kedudukan ekonomi negara tidak akan dimeleketkan selanjutnya. Oleh kerana harga-harga bahan mentah adalah bergantung atas keadaan ekonomi Amerika Syarikat dan negara-negara Kommuniti Ekonomi Eropah, kejatuhan terus-menerus harga-harga itu bermakna bahawa masih wujudnya kemelesetan dalam negara-negara itu dan kesembuhan sebagaimana diramalkan pada pertengahan tahun ini mungkin tidak diwujudkan. Saya bercadang bahawa Kerajaan patut mengambil langkah-langkah yang munasabah supaya menolong pekebun-pekebun kecil getah melalui cara mengurangkan selanjutnya dalam cukai-cukai eksport itu.

Tuan Yang di-Pertua, kami menyokong seruan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada pelajar-pelajar yang meneruskan pelajaran teknikal dan profesional mereka, di Jepun dan Korea Selatan. Kami bersetuju bahawa bukan hanya kami bergantung atas Barat, tetapi kami juga mesti memandang ke Timur.

Dalam perhubungan ini, adalah satu idea yang baik sekiranya industri-industri dan kilang-kilang di Jepun dan Korea Selatan boleh menerima pelatih-pelatih Malaysia bagi latihan, supaya kami boleh mempunyai banyak tenaga pekerja yang mahir dalam industri, terutamanya sekarang bahawa tekunan dalam negara ini ialah atas industri berat.

Dalam beberapa tahun yang lalu, kami jarang menghantarkan pelajar-pelajar kami ke Jepun dan Korea Selatan, tetapi kami berharap lebih banyak akan dihantar mulai sekarang. Kami mesti tidak boleh menghantar mereka dengan matlamat utama agar mereka mendapat ijazah sahaja, apa yang lebih mustahak ialah belajar cara kehidupan, disiplin dan etika Kerja rakyat Jepun itu, Kejujuran mereka kepada Kerajaan atau majikan-majikan mereka, kerajinan mereka dalam kerja, semangat enterprise mereka dan bakat rekacipta (inventiveness- dan kerelaan mereka bekerja bukan hanya bagi faedah mereka sendiri bahkan juga bagi faedah majikan mereka, biarpun bidang swasta atau Kerajaan.

Kerajaan Jepun telah memberikan sambutan yang positif kepada hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Pusat-pusat bahasa akan ditubuhkan supaya membolehkan pelajar-pelajar mencapai penguasaan dalam bahasa Jepun, akan tetapi adalah lebih baik jika pelajar-pelajar boleh dihantar ke Jepun, akan tetapi adalah lebih baik jika pelajar-pelajar boleh dihantar ke Jepun bagi satu tempoh yang pendek supaya mereka boleh dapat menguasai bahasa itu dengan secukupnya untuk memahami kuliah di Universiti. Saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan bukan hanya menghantar pelajar-pelajar tetapi juga pelatih di kilang-kilang dan industri-industri ke Jepun dan Korea Selatan bagi latihan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kakitangan yang mahir dalam kedua-dua sektor swasta dan awam, saya mencadangkan bahawa masa sudah sampai bagi Kerajaan menimbangkan semula sama ada kami patut terus mengambil penasihat-penasihat asing bagi semua projek-projek kita. Adalah wujudnya banyak

projek-projek yang telah dilewatkan oleh sebab penasihat-penasihat asing mengambil masa agak panjang supaya menjadi biasa dengan iklim tempatan atau mereka tidak biasa dengan keadaan tempatan kerana mereka hanya tinggal satu tempoh yang agak pendek dalam negara ini supaya mengetahui keadaan yang benar itu. Kerajaan sedang memberi bayaran yang mahal bagi kerjakerja mereka itu, tetapi tidaklah mendapat hasil-hasil yang baik dan cepat. Dan sementara itu, kelewatan memulai sesuatu projek bermakna kita akan membelanjakan lebih banyak wang berikutan inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini Malaysia sedang berdiri di pintu mencapai kemajuan dan kejayaan yang lebih besar. Dalam hubungan dua-hala dan berbilang-hala dengan negara-negara jiran kita, dalam ASEAN dan khasnya dengan negara-negara Arab, kita telah mencapai hubungan lebih rapat dan persefahaman melalui dasar asing yang luar biasa itu. Juga melalui usaha-usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, sebuah Universiti Islam anjuran oleh negara-negara Arab akan ditubuhkan di Malaysia dan Bahasa-bahasa penghantarnya ialah Inggeris dan Arab. Jarak dunia hari ini adalah lebih dekat sekarang oleh sebab berfaedah dari cara-cara moden komunikasi dan pengangkutan dan ianya akan memberi faedah yang besar kepada rakyat Malaysia, jika kita menggalakkan pelajar bahasa-bahasa Inggeris dan Arab, bertambah dengan Bahasa Kebangsaan. Dalam sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia, di mana kita menikmati faedah sekolah-sekolah rendah mengajar bahasa-bahasa ibunda, seperti bahasa Cina dan Tamil, semua ini ialah faktor-faktor asas menjamin harmoni berbilang kaum dan persefahaman. Mereka juga dijadikan tiang-tiang yang kuat supaya mempertahankan kestabilan politik negara ini. Kestabilan politik ini adalah mustahak bagi kemakmuran dan perkembangan Malaysia seterusnya, terutama sekarang bahawa kita sedang melangkah ke suku abad kedua semenjak Merdeka.

Adalah perlunya bahawa kita mesti menanamkan dalam otak rakyat jelata kita mustahaknya supaya mewujudkan dan

meneruskan hubungan yang muhibbah ini agar komuniti-komuniti berbilang kaum kita dalam menguatkan perpaduan selanjutnya supaya membangunkan sebuah negara yang lebih bersatupadu. Adalah mesti wujudnya satu persetujuan dan persefahaman terhadap keperluan-keperluan asas tiap-tiap komuniti itu. Kita mesti sedar bahawa ada hal-hal sensitif dalam tiap-tiap komuniti itu. Ini mestilah disedari oleh semua. Jika tidak, usaha-usaha kita untuk membina sebuah negara yang bersatu-padu akan gagal. Mestilah mengadakan rundingan-runding terlebih dahulu bila tindakan diambil atas perkara-perkara mempengaruhi hal-hal sensitif tiap-tiap komuniti itu, dan dalam proses ini, rakyat akan merasa bahawa mereka adalah penglibatan dalam proses membuat keputusan-keputusan itu. Ini ialah demokrasi yang rakyat sedar.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai bahan-bahan mentah yang kaya. Rakyat jelata berbilang kaum itu juga mengadakan tolak-ansur dalam kaum dan agama, muhibbah dan persefahaman. Mereka adalah rakyat yang rajin, dengan matlamat yang sama, iaitu ingin mengajar anak-anak mereka pelajaran yang perlu, bukan dengan jasa sahaja, bahkan kekuatan jasmani, kebudayaan dan semangat. Jika kita benar-benar percaya dalam konsep berbilang kaum ini, dan menjalankannya, memanglah kita akan berjaya mewujudkan sebuah Malaysia yang liberal, toleransi, bersatu-padu, aman dan makmur. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

6.27 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sepenuhnya usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Baginda membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa menyokong Usul ini sukalah saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan beberapa perkara yang telah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda. Yang pertama ialah masalah pendidikan generasi kita. Tidak siapa pun dapat menafikan betapa gigihnya Kerajaan kita melaksanakan usaha untuk memberikan pendidikan yang sempurna dan bermutu tinggi kepada rakyat amnya dan kepada generasi baru khususnya. Dari segi menanamkan semangat untuk minat dan cintakan ilmu pengetahuan, kita telah berjaya.

Perkara ini dapat kita buktikan dengan nyata betapa sibuknya ibubapa untuk mendapatkan tempat belajar di sekolah-sekolah sama ada sekolah tinggi, kolej ataupun universiti sama ada di dalam negeri mahupun di luar negeri sehinggakan sulit untuk mereka mendapatkan tempat yang diperlukan itu. Tetapi usaha kita untuk membimbing murid-murid dan penuntut-penuntut bagi menyelesaikan masalah-masalah mereka agar generasi yang akan datang dapat melancarkan fikiran mereka secara terbuka dan bebas daripada gangguan masalah masih belum berjaya lagi.

Sebagai bukti dapat kita lihat dalam satu usaha Kerajaan untuk menyediakan guru bimbingan dan counselling. Pada masa ini kalau saya tidak silap hanya didapati ada 39 orang sahaja guru yang diberi latihan atau kursus khas berhubung dengan bimbingan dan counselling ini dan ada 40 orang lepasan daripada universiti. Dengan itu berjumlah 79 orang sahaja di seluruh Malaysia ini. Jika kita bandingkan pula dengan jumlah sekolah-sekolah menengah di negara kita sebanyak 976 buah, jika saya tidak silap; adalah bererti kita mampu menyediakan setakat ini keperluan guru bimbingan dan counselling ini anggaran 8% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Majlis ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Khamis, 11hb Mac, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.